

JURNAL BORNEO ARKHAILOGIA

Heritage, Archaeology and History

SEJARAH JURNAL/JOURNAL HISTORY

Jurnal Borneo Arkhailogia (JBA) merupakan jurnal Unit Penyelidikan Borneo (UPArk) yang ditubuhkan pada tahun 2016 dan menerbitkan keluaran pertama pada tahun 2017. Skop JBA adalah bidang Arkeologi dan Sejarah yang memberi tumpuan ke atas kawasan Borneo dan pulau-pulau di sekitarnya, dari zaman purba hingga hari ini. Ketua Editor JBA mengalu-alukan penyerahan artikel tentang mana-mana subjek dalam lingkungan definisi berkenaan. Penyerahan artikel yang mengisytiharkan penemuan dan menyajikan maklumat baharu atau meneroka landasan teoretikal yang baharu adalah sangat dialu-alukan, begitu juga makalah yang merungkai isu metodologi atau analisis budaya benda, warisan budaya, masyarakat, ekonomi, sosial, politik, pelancongan, tamadun, pembangunan dan pembinaan negara bangsa. Selain makalah, JBA juga menerbitkan laporan lapangan dan ulasan buku terkini tentang arkeologi dan sejarah Borneo dan pulau di sekitarnya. Artikel yang dihantar kepada JBA tidak terkecuali daripada penilaian oleh pakar. Walaupun ahli Lembaga Editor lumrahnya menjadi penilai, manuskrip juga dinilai oleh pakar dari luar. Kebanyakan makalah dinilai oleh dua orang sarjana (dalaman dan luaran) sebagai tambahan kepada penilaian oleh Ketua Editor.

The Jurnal Borneo Arkhailogia (JBA) is the journal of the Borneo Archaeological Research Unit (UPArk). Founded in 2016, and published its first issue in 2017. The scope of the JBA is the fields of archaeology heritage management, classical history and oral history which focusing on the area of Borneo and its adjacent islands, from ancient times to present-day. The JBA Chief Editor welcomes the submission of article on any subject within that definition. Submissions that announce discoveries and present new information, or explore new theoretical ground are especially welcome, as are articles that deal with methodological issues, or analysis of material culture, cultural heritage, society, economic, social, politic, tourism, civilization, development and nation building. In addition to articles, the JBA publishes field reports and book reviews on the archaeology heritage management, classical history and oral history of Borneo and its adjacent islands. Articles submitted to the JBA are reviewed by appropriate experts without exception. While JBA Editorial Board members often serve as reviewers, article are also screened by outside experts. Most submissions are read by two scholars (internal and external) in addition to the Chief Editor.

FOKUS DAN SKOP/FOCUS AND SCOPE

Jurnal Borneo Arkhailogia (JBA) ialah jurnal akademik berwasit antara disiplin yang diwujudkan untuk menerbitkan laporan penyelidikan asli dan makalah ilmiah dalam bidang arkeologi, pengurusan warisan, sejarah klasik, sejarah moden dan sejarah lisan yang menjana perbincangan dan perspektif yang baharu. Jurnal ini bertujuan untuk menjadi platform bagi para sarjana berkongsi minat yang sama dalam memahami isu yang berkaitan dengan kemampunan pelbagai bidang pengetahuan yang memberi tumpuan kepada kawasan Borneo dan pulau di sekitarnya. JBA menggalakkan pendekatan antara pelbagai disiplin akademik yang berbeza. Dengan kata lain, JBA mencipta keunikan tersendiri dengan menggabungkan suara profesion pelbagai kesarjanaan dan aplikasi terkini. Sidang Editor JBA berhasrat untuk menerbitkan satu keluaran pada setiap tahun, selain bermatlamat menjadikan JBA sebagai satu penerbitan 'mesti baca' untuk mereka yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang arkeologi, sejarah, warisan dan budaya masyarakat di Borneo.

The Jurnal Borneo Arkhailogia (JBA) is an interdisciplinary, peer-reviewed academic journal, designed to publish reports of well-written original research and theoretical articles in the fields of archaeology, heritage management, classical history, modern history, and oral history which is to generate discussion and fresh perspective. JBA intends to serve as a platform for scholars to share common interests in the understanding of issues related to the sustainability of the various fields of knowledge which focuses on the area of Borneo. JBA strongly encourage the interdisciplinary approach of different academic disciplines. In other words, JBA creates its own uniqueness by combining the profession of various scholarships and current applications. The Board of Editors of the JBA intends to publish a journal each year, as well as aims to make the JBA a 'must read' publication for those who want to know more about the archeology, history, heritage and culture of the people of Borneo.

EDITORIAL/EDITORIAL

PENAUNG/PATRON

Profesor Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin
Naib Canselor
Universiti Malaysia Sabah

PENASIHAT/ADVISER

Profesor Madya Dr. Asmady Idris
Dekan
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Malaysia Sabah

KETUA EDITOR/CHIEF EDITOR

Dr. Zainuddin Baco
Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Malaysia Sabah

EDITOR PENGURUS/MANAGING EDITOR

Profesor Madya Dr. Bilcher Bala
Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Malaysia Sabah

LEMBAGA EDITORIAL/EDITORIAL BOARD

Profesor Dr. Stephen Chia Ming Soon (Universiti Sains Malaysia)
Profesor Madya Dr. Azlizan Mat Enh (Universiti Kebangsaan Malaysia)
Dr. Suffian Mansor (Universiti Kebangsaan Malaysia)
Dr. Ho Hui Ling (Universiti Malaya)
Dr. Azharuddin Mohamed Dali (Universiti Malaya)
Dr. Md. Saffie Abdul Rahim (Universiti Malaysia Sabah)
Dr. Maureen De Silva (Universiti Malaysia Sabah)
Dr. Dg. Junaidah Awang Jambol (Universiti Malaysia Sabah)
En. Baszley Bee Basrah Bee (Universiti Malaysia Sabah)

© Universiti Malaysia Sabah, 2021

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Akta 332, Akta Hak Cipta 1987. Keizinan adalah tertakluk kepada pembayaran royalti atau honorarium.

Segala kesahihan maklumat yang terdapat dalam jurnal ini tidak semestinya mewakili atau menggambarkan pendirian mahupun pendapat Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Pembaca atau pengguna jurnal ini perlu berusaha sendiri untuk mendapatkan maklumat yang tepat sebelum menggunakan sebarang maklumat yang terkandung di dalamnya. Pandangan yang terdapat dalam jurnal ini merupakan pandangan ataupun pendapat penulis dan tidak semestinya menunjukkan pendapat atau polisi Universiti Malaysia Sabah. Penerbit Universiti Malaysia Sabah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah mahupun kesulitan yang timbul, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, yang diakibatkan oleh penggunaan atau kebergantungan pembaca terhadap kandungan jurnal ini.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, distributed, stored in a database or retrieval system, or transmitted, in any form or by any means, electronics, mechanical, graphic, recording or otherwise, without the prior written permission of Penerbit Universiti Malaysia Sabah, except as permitted by Act 332, Malaysian Copyright Act of 1987. Permission of rights is subjected to royalty or honorarium payment.

Penerbit Universiti Malaysia Sabah makes no representation—express or implied, with regard to the accuracy of information contained in this journal. Users of the information in this journal need to verify it on their own before utilizing such information. Views expressed in this publication are those of the author(s) and do not necessarily reflect the opinion or policy of Universiti Malaysia Sabah. Penerbit Universiti Malaysia Sabah shall not be responsible or liable for any special, consequential, or exemplary problems or damages resulting in whole or part, from the reader's use of, or reliance upon, the contents of this journal.

Published in Malaysia by/Diterbitkan di Malaysia oleh
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
URL: <http://www.ums.edu.my>

Typeface for text: Segoe UI
Text type and leading size: 11/14 points

E-ISSN 2600-8726©

Artikel/Articles	Muka Surat/Page
Sejarah Pembangunan Bandaraya Kota Kinabalu: 1881-1962 <i>Zainuddin Baco & Bilcher Bala</i>	1
Perkembangan Aktiviti Perkapalan dan Pelabuhan di Borneo Utara: 1881-1941 <i>Nursyazwani Edinin & Maureen De Silva</i>	23
Perkembangan Perniagaan Kecil Masyarakat Dusun di Tamu Kota Belud, Sabah, 1881-1940 <i>Marry Lalim</i>	41
Kerelevanan <i>Huguan Siou</i> dalam Konteks Kesatuan Masyarakat Kadazandusun <i>Ceroliza Matin</i>	59
Eksplorasi Sumber Mineral di Borneo Utara: Dari Perspektif Mineral Explorer Frank Hatton <i>Davis Milner Ak Siba</i>	79
Sejarah Perburuhan: Sistem Perekrutan Buruh di Borneo Utara, 1881-1941 <i>Syaib Ahmed & Maureen De Silva</i>	91
Collective Memories and Narratives of Iban Kua' <i>Neilson Ilan Mersat</i>	107
Sejarah Budaya <i>Ngayau</i> dalam Masyarakat Iban di Sarawak <i>Gregory Kiyai @ Keai</i>	121
Stesen Kereta Api Pertama di Borneo Utara: Stesen Kereta Api Bukau, 1896-1945 <i>Goi Lik Sia & Juviana Jima</i>	139
Ulasan Buku <i>Mohd. Izzat Dahelan</i>	149

SEJARAH PEMBANGUNAN BANDARAYA KOTA KINABALU, 1881-1962 *History of Development City in Kota Kinabalu City: 1881-1962*

ZAINUDDIN BACO¹
BILCHER BALA²

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
E-mel: ¹Zainuddin@ums.edu.my, ²Bilcher@ums.edu.my
Dihantar: 18 Mei 2021 / Diterima: 20 Julai 2021*

Abstrak

Bandaraya Kota Kinabalu merupakan antara bandar awal terancang yang diwujudkan oleh British North Borneo Chartered Company (BNBCC) pada Julai 1889. Dari aspek sejarah, penubuhan bandar ini berkait rapat dengan langkah pembinaan sistem pengangkutan kereta api di kawasan pantai barat Borneo Utara. Walaupun sekitar tahun 1889 sehingga tahun 1942 telah memperlihatkan Bandar Jesselton berkembang dengan lebih perlahan berbanding Bandar Sandakan (Elopura), tetapi pasca Perang Dunia Kedua telah memperlihatkan Bandar Jesselton menjadi ibu negeri Borneo Utara. Keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan tumpuan pembangunan dan ekonomi adalah ke arah wilayah ini. Justeru, untuk mengembalikan satu sistem pentadbiran yang tersusun di Borneo Utara, maka langkah pembinaan semula dan pembangunan infrastruktur kekal dilaksanakan dengan begitu pesat seperti pembinaan kekal bangunan pentadbiran, rumah penjawat awam, deretan kedai, landasan kapal terbang, hospital dan lain-lain. Langkah pembangunan infrastruktur dan ekonomi di wilayah ini telah menyebabkan Bandar Kota Kinabalu menjadi sebuah bandar raya pada tahun 2000. Oleh itu, artikel ini akan memperincikan sejarah pembangunan Bandaraya Kota Kinabalu dari tahun sebelum 1881 sehingga pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Perincian sejarah pembangunan ini akan diteliti berdasarkan empat fasa penting, iaitu (i) Kota Kinabalu sebelum tahun 1899; (ii) Kota Kinabalu era pentadbiran BNBCC (1898-1942); (iii) Kota Kinabalu era pendudukan Jepun (1942-1945); (iv) Kota Kinabalu Pasca Perang Dunia Kedua (1945-1962).

Kata kunci: Kota Kinabalu, bandar raya, sejarah, warisan bina, pengurusan warisan.

Abstract

The city of Kota Kinabalu is one of the first planned cities created by the British North Borneo Chartered Company (BNBCC) in July 1889. Historically, the establishment of this city is closely related to the construction of the railway transportation system in the West Coast of North Borneo. Although around 1889 to 1942, the city of Jesselton grew more slowly than the city of Sandakan (Elopura) but after the Second World War which saw the city of Jesselton become the capital of North Borneo. This situation indirectly causes the focus of development and economy is towards this region. Thus, as to restore an organized administrative system in North Borneo, measures of reconstruction and development of permanent infrastructure are implemented so rapidly such as permanent construction of administrative buildings, civil servants' houses, rows of shops, runways, hospitals and others. Measures of infrastructure and economic development in the region have made Kota Kinabalu a city in 2000. Therefore, this article will detail the history of development of Kota Kinabalu from the year before 1881 until the formation of Malaysia in 1963. Details of the history of this development will be examined based on four important phases namely (i) Kota Kinabalu before 1899; (ii) Kota Kinabalu during BNBCC administration (1898-1942); (iii) Kota Kinabalu during the Japanese Occupation (1942-1945); (iv) Kota Kinabalu after the Second World War (1945-1962).

Keywords: Kota Kinabalu, city, history, built heritage, cultural heritage management.

Pengenalan

Sejarah merupakan sesuatu yang berkaitan dengan masa lepas dan diperoleh melalui bukti fizikal yang masih kekal. Kronologi dan sejarah perkembangan negara dapat dilihat dan dinilai menerusi bukti sejarah empirikal yang masih kekal hingga hari ini seperti peninggalan tapak sejarah, monumen, tugu dan bangunan lama. Oleh itu, artikel ini akan memerihalkan sejarah pembangunan bandar di Bandaraya Kota Kinabalu. Perincian dari segi sejarah pembangunan dan proses perbandaran Bandaraya Kota Kinabalu akan dilihat menerusi beberapa tahap kronologinya, iaitu dari tahun sebelum 1899 sehinggalah tahun 1962. Tahap tersebut meliputi;

- i. Kota Kinabalu sebelum tahun 1899.
- ii. Kota Kinabalu era pentadbiran BNBCC (1898-1942).
- iii. Kota Kinabalu era pendudukan Jepun (1942-1945).
- iv. Kota Kinabalu Pasca Perang Dunia Kedua (1945-1962).

Demografi Bandar Kota Kinabalu

Terdapat pelbagai nama yang digunakan bagi merujuk Kota Kinabalu sebelum nama ini digunakan secara rasmi pada tahun 1963. Antaranya, Jesselton, Api-Api, Deasoka dan Singgah Mata. Nama Jesselton mula digunakan pada tahun 1899 seperti yang dinyatakan dalam laporan *The British North Borneo Herald* pada tahun 1899. Nama ini diambil sempena nama pegawai Inggeris yang ditugaskan membuka dan memajukan bandar ini iaitu Sir Charles Jessel, naib pengerusi *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC) pada tahun 1881 (*The British North Borneo Herald*, 16 November 1899).

Nama Api-Api atau Api pula dikaitkan dengan sebuah perkampungan nelayan masyarakat Bajau yang terletak bersebelahan dengan Tanjung Aru. Para nelayan tempatan akan menggunakan kawasan ini sebagai tempat persinggahan untuk berehat ketika dalam perjalanan antara Teluk Gaya dan Teluk Sepanggar. Nama Api-Api juga dikaitkan dengan peristiwa pembakaran pejabat pentadbiran British di Pulau Gaya oleh Mat Salleh (Black, I.D., 1983: 31; Stuart, W.L., 1993: 55). Demikian juga pandangan Tom dan Barbara Harrison yang mengaitkan nama Api-Api dengan panggilan oleh Orang Bukit Sarawak yang merujuk Borneo Utara sebagai Api-Api (Tom & Barbara Harrison, 1969-1970:8). Nama Deasoka pula merupakan nama yang digunakan oleh masyarakat Bajau yang bermaksud "di bawah pohon kelapa". Tempat ini dikatakan sebagai sebuah kawasan perkampungan yang hanya mempunyai tanaman pokok kelapa sahaja. Apabila kerja pembinaan Jesselton bermula, pada tahun 1899, terdapat sebuah kawasan di sebelah selatan dikenali sebagai Deasoka. Seterusnya, nama Singgah Mata pula merupakan nama yang digelar oleh masyarakat Bajau bagi merujuk kawasan Kota Kinabalu kerana dikatakan kawasan tersebut cantik sehinggakan sejuk mata memandang (Macartney, J. H. 1976: 152-155).

Dari aspek fizikal, Kota Kinabalu berada pada latitud 5.983° dan longitud 116.067°, terletak di pantai barat Sabah dan mempunyai keluasan lebih kurang 351 kilometer persegi. Daripada keseluruhan keluasan Bandaraya Kota Kinabalu, 20 peratus digunakan untuk infrastruktur, 10 peratus untuk tujuan perumahan, tujuh peratus untuk kemudahan awam, 12 peratus untuk kegiatan perniagaan, satu peratus untuk kawasan perindustrian atau pembuatan dan 50 peratus dan selebihnya merupakan kawasan hutan dan tanah yang belum ditebus guna (*Ensiklopedia Dunia*, 2005: 456). Kedudukan pusat bandar di Pulau Borneo ini terletak di dataran yang sempit antara Banjaran Crocker di sebelah timur dan Laut China Selatan di sebelah barat. Kedudukan bandar ini umumnya terasing dari seluruh negara kerana terletak kira-kira 1,624 kilometer (1009 batu) dari Kuala Lumpur di Semenanjung Malaysia dan 804 kilometer (499 batu) dari Kuching di negeri jiran Sarawak (*Ensiklopedia Dunia*, 2005: 456).

Dari segi jumlah penduduk, Laporan Banci Penduduk Malaysia Tahun 2000 menunjukkan jumlah penduduk Kota Kinabalu dianggarkan seramai 371,000 orang dengan kadar peratusan pertambahan sebanyak 5.85 setahun (*Laporan Tahunan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu 2000-2001*, 2002: 1-3).

Sejarah Pembangunan Kota Kinabalu Sebelum Tahun 1899

Borneo Utara sebelum tahun 1899 merupakan sebuah kawasan yang diletakkan di bawah kekuasaan Kesultanan Brunei¹ dan wilayah Kota Kinabalu (Api-Api) telah ditadbir oleh Pangiran Rauf menerusi sistem *Tulin*.

Penyerahan terawal wilayah *Tulin* milik Pengiran Rauf kepada pihak BNBBCC² berlaku pada Julai 1883 yang melibatkan penyerahan wilayah Panglat Besar.³ Kemudian, tiada lagi penyerahan atau pemajakan yang direkodkan semasa pentadbiran Pengiran Rauf kepada mana-mana pihak. Pengiran Rauf kemudiannya telah digantikan oleh anaknya iaitu Pengiran Jallaludin.⁴

Semasa pentadbiran Pengiran Jallaludin, terdapat pelbagai pandangan tentang penyerahan wilayah pantai barat Borneo Utara kepada BNBBCC. Misalnya, Ian D. Black menyatakan bahawa pada awal tahun 1898, Sultan Brunei telah memajakan hampir keseluruhan wilayah *Tulin* milik beliau dengan jumlah \$1200 setahun. Pangiran Jallaludin pula memajakan Mengkabong, Menggatal, Api-api, Sembulan dan wilayah lain dengan bayaran sebanyak \$2400 setahun (Black I. D., 1998,18: 157). Ranjit Singh D. S. pula menyatakan bahawa pada tahun 1888, wilayah Mengkabong, Inanam, Menggatal, Api-api, Sembulan dan Nafas Tambalang yang telah dipajakan oleh Pangiran Jallaludin (Ranjit Singh D. S., 2003: 154). Haji Abdul Karim menyatakan bahawa antara tahun 1889-1905, daerah Labu, Padas Damit dan Batu Apoi telah dipajak oleh BNBBCC, manakala Mengkabong Bajau, Inanam, Menggatal, Api-api, Membakut, Mengkabong, Kuala Lama, Sipitang hingga Terusan, Mengalong dan Merintam telah dijual kepada pihak BNBBCC. Haji Abdul Karim turut menyatakan bahawa kebanyakan penyerahan itu dilakukan oleh pembesar negeri yang mempunyai *Tulin* di daerah tersebut, kecuali Inanam, Sipitang hingga Terusan telah dijual oleh Sultan Hashim Jalilil Alam Aqamaddin kerana daerah tersebut adalah *Tulin* baginda (Abdul Karim Rahman, 1994: 153-173). Seterusnya, K. G. Tregonning dan Nicholas Tarling menyatakan bahawa Cowie telah berunding dengan sultan dan pembesar tempatan untuk mendapatkan beberapa wilayah di Borneo Utara. Hasil rundingan dengan sultan, Cowie telah berjaya mendapatkan pajakan di Mengkabong, Menggatal, Inanam, Api-Api dan Membakut dengan kadar bayaran \$1200 setahun (Tregonning K. G., 1965: 43; Tarling, N., 1971: 438). Tambah Nicholas Tarling, bayaran pajakan wilayah iaitu \$1200 bukan diberikan kepada pemilik *Tulin*, tetapi hanya untuk milik *Tulin* Sultan, manakala dengan

pembesar tempatan pula, Pangiran Jallaluddin menerima \$2500 untuk wilayah *Tulinnya* di Mengkabong, Api-Api, Sembulan dan Nafas Tamblang (Tarling, N., 1971: 438).




Foto 1 Penyebaran kuasa BNBCC di Bahagian Pantai Barat Utara Borneo
Sumber: King Chui Aik (1992:77).

Tuntasnya, walaupun terdapat pelbagai pandangan tentang isu penyerahan wilayah Api-api kepada BNBCC, dapat dirumuskan bahawa Api-api telah dipajakan secara rasmi pada tahun 1898. Pada tahun ini jugalah merupakan permulaan bagi pembangunan dan proses perbandaran secara tersusun di sekitar kawasan pantai barat Borneo Utara amnya dan Jesselton khususnya.

Dari aspek pembangunan, sebelum tahun 1899 tidak berlaku sebarang proses tersebut. Pada ketika itu, penempatan yang wujud merupakan petempatan kampung dan masyarakatnya tinggal dalam kelompok petempatan yang kecil. Kewujudan kampung tersebut memberikan tempat perlindungan utama dalam kehidupan masyarakat dan menjadi tapak kepada hierarki petempatan. Secara khususnya, terdapat dua kawasan petempatan kampung yang wujud sebelum tahun 1899, iaitu di kawasan pinggir pantai dan muara sungai serta kawasan pedalaman (Abdul Samad Hadi, 1986: 278). Di kawasan petempatan

kampung di pinggir pantai dan muara sungai, petempatan kampung dibentuk secara berjajar, disebabkan bentuk muka bumi yang beralun serta kemudahan air yang tersedia telah menggalakkan pembinaan rumah yang tersusun. Rumah pula dibina secara berdekatan untuk tujuan pengumpulan makanan dan keselamatan. Tambahan lagi, pemilikan tanah adalah secara berkelompok ketika itu memberi peluang kepada keluarga yang memerlukan perlindungan, membina rumah berhampiran dengan rumah yang tersedia ada. Sementara di petempatan kampung di kawasan pedalaman pula, rumah dibina secara berkelompok untuk masyarakat menjelajah hutan tropika yang tebal dan untuk memudahkan aktiviti kemasyarakatan. Susunan rumah yang berkelompok (termasuk rumah panjang) dalam sesebuah petempatan kampung di kawasan pedalaman dibentuk berdasarkan penyesuaian dengan keadaan persekitaran yang tidak pasti (Abdul Samad Hadi, 1986: 278).

Sejarah Pembangunan Kota Kinabalu Era Pentadbiran BNBCC (1889-1942)

Sejarah awal Bandaraya Kota Kinabalu bermula dengan kewujudan petempatan awal BNBCC di Pulau Gaya pada tahun 1881 (Foto 1).⁵ Tumpuan pembangunan infrastruktur di pulau tersebut adalah lebih ke arah menjadi sebuah pusat pentadbiran dan pengumpulan hasil bahan mentah di bahagian pantai barat Borneo Utara. Oleh itu, BNBCC telah menyediakan kemudahan infrastruktur seperti bangunan pentadbiran, gudang jeti, deretan kedai dan kawasan perumahan berasaskan bahan yang tidak kekal seperti nibung, atap rumbia dan kajang. Perkara ini dibuktikan menerusi kenyataan yang terdapat dalam buku *The Exploration of Mount Kinabalu* yang mendeskripsikan penempatan Pulau Gaya iaitu;

Pulau Gaya pada 9 April 1885 mempunyai beberapa buah kedai Cina yang dibina dalam satu barisan menghadap laut di atas kawasan rata seluas beberapa ekar, tetapi residen Pulau Gaya ketika itu merasakan bahawa 'Lot Bandar' di pulau tersebut tidak akan mencapai kemajuan kerana setahun kemudiannya apabila ia melawat semula ke pulau tersebut mendapati kedai, rumah dan bangunan pentadbiran berada dalam keadaan yang usang dan tidak sesuai digunakan lagi kerana diperbuat daripada bahan biasa yang terdapat dalam pulau tersebut (Dinwiddie, J. M., 1962 (3): 25).

Walau bagaimanapun, petempatan BNBCC di Pulau Gaya tidak bertahan lama ekoran pelbagai masalah yang dihadapinya. Antaranya, suhu yang terlalu panas, kawasan perairan yang cetek, kesukaran mendapatkan sumber air bersih dan pemberontakan Mat Salleh. Keadaan ini telah menyebabkan pihak BNBCC mula mencari kawasan petempatan baharu bagi menggantikan peranan Pulau Gaya sebagai pusat pentadbiran dan pelabuhan di pantai barat Borneo Utara. Hasilnya, Pelabuhan Gantian ditemui pada tahun 1899. Walau bagaimanapun, William Cowie mendapati kedudukan Pelabuhan Gantian kurang strategik dan

tidak sesuai menjadi sebuah pelabuhan kerana kedudukan pantai yang terlalu terdedah serta kawasan persekitaran pantai yang terlalu cetek (*Borneo Mail*, 26 Februari 1995; Danny Wong Tze Ken, 2004: 5; King Chui Aik, 1992: 70).




Foto 2 Petempatan BNBCC di Pulau Gaya
Sumber: King Chui Aik (1992): 69.

Masalah di Pulau Gaya dan Pelabuhan Gantian telah menyebabkan Henry Walker seorang Pesuruhjaya Tanah diarahkan untuk mencari kawasan petempatan baharu bagi menggantikan Pulau Gaya dan Pelabuhan Gantian pada Julai 1899. Hasil lawatan beliau untuk mencari kawasan baharu telah disiarkan dalam laporan yang pertama pada 1 Ogos 1899. Namun, hanya pada 16 November 1899 dalam laporan akhbar *British North Borneo Herald*, menerusi hasil laporan Henry Walker, menyatakan beliau telah berjaya menemui Jesselton iaitu kawasan rata seluas 30 ekar, enam rantai lebar dan setengah batu panjang bagi menggantikan Pulau Gaya (*The British North Borneo Herald*, 16 November 1899: 344). Terdapat tiga sebab utama BNBCC memilih Jesselton untuk menggantikan peranan Pulau Gaya dan Pelabuhan Gantian;

- i. Kedudukan Jesselton yang strategik, kerana terletak di laluan kapal yang berlayar antara Eropah dengan China, Filipina serta Jepun.
- ii. Kedudukan Jesselton yang sesuai menjadi pelabuhan bagi kawasan pedalaman. Kedua-dua kawasan ini boleh dihubungkan dengan pembinaan landasan kereta api.
- iii. Kedudukan Jesselton yang mempunyai kawasan persisiran laut yang teduh dan laut yang berhadapan dengan Pulau Gaya.⁶

Pada awal pembukaan kawasan Jesselton,⁷ ia telah diletakkan di bawah pentadbiran daerah Keppel dan Henry Stanhope Hayes telah dilantik sebagai pegawai daerah yang bertanggungjawab dalam mengawasi dan membangunkan bandar ini (Danny Wong Tze Ken, 2004: 20). Kemudian, Francis George Atkinson dilantik menjadi pegawai daerah Jesselton bagi menggantikan Henry Stanhope Hayes pada penghujung tahun 1900-an. Selain itu, terdapat juga wakil peribumi dalam pentadbiran Jesselton iaitu OKK Mohd. Hassan sebagai Ketua Gred 1. Beliau terlibat dalam Majlis Penasihat Ketua Anak Negeri (*Native Chiefs Advisory Council*).⁸ Dalam konteks sejarah pembangunan Jesselton, terdapat dua aspek penting yang dilaksanakan oleh BNBBCC pada fasa awal pembangunannya iaitu pembinaan bangunan dan kemudahan perhubungan (laluan kereta api dan pelabuhan). Bagi memastikan pelaksanaan pertumbuhan pembangunan Jesselton, BNBBCC telah merancang satu pelan susun guna tanah. Berdasarkan Laporan Perancangan Bandar kepada Gabenor Borneo Utara pada tahun 1927, tiga pelan Jesselton disediakan seperti yang berikut;

- i. Pelan A – Menunjukkan kawasan bandar dan cadangan peningkatan selanjutnya kawasan bandar sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa Perancang Bandar.
- ii. Pelan B – Menunjukkan kawasan cadangan tersebut.
- iii. Pelan C – Menunjukkan arah aliran pembangunan dalaman bandar (Abdul Samad Hadi, 1990: 30-31).

Pelan tersebut akan menentukan arah pembangunan pada ketika itu. Pelan A dan B menggariskan keperluan bagi membina kawasan industri dengan kemudahan perhubungan, api, bekalan elektrik dan kemudahan gudang untuk menyimpan barang dan penggunaan tanah yang belum dijual dalam kawasan bandar. Kemudian, pelan tersebut telah dibentangkan kepada masyarakat umum bagi mendapatkan pandangan mereka (Abdul Samad Hadi, 1990: 30-31).

Pelaksanaan pembangunan infrastruktur bermula dengan pembinaan bangunan seperti rumah perniagaan, pentadbiran, kewangan dan perdagangan dan lain-lain menggunakan bahan-bahan tidak kekal seperti menggunakan kayu sebagai rangka atau tiang dan daun nipah atau daun rumbia sebagai

atap bagi memenuhi keperluan penduduk setempat.⁹ Namun, penemuan sebuah kawasan tanah liat yang sesuai digunakan untuk pemprosesan batu-bata oleh pengarah Jabatan Kerja Raya, En. T.R. Habback dan En. Ah Qui telah menyebabkan usaha pembinaan bangunan kekal mula dilaksanakan oleh BNBCC.¹⁰ Seterusnya, bagi mempercepatkan pembangunan infrastruktur Jesselton, pegawai daerah iaitu Francis George Atkinson telah menawarkan beberapa kawasan dan lot tanah perniagaan kepada individu yang berminat untuk tujuan pembinaan rumah kedai dengan syarat semua pemilik lot kedai perlu membina rumah kedai yang sama bentuk dan tinggi dengan rumah kedai yang lain bagi mewujudkan keseragaman.¹¹



Foto 2 Petempatan Kampung Air, Jesselton pada tahun 1903
Sumber: Danny Wong Tze Ken (2004: Viii).



Foto 3 Bandar Jesselton 1903
Sumber: Danny Wong Tze Ken (2004: Viii).

BNBCC juga giat melaksanakan pembinaan bangunan untuk memudahkan sistem pentadbiran BNBCC di pantai barat Borneo Utara seperti bangunan pentadbiran pejabat perbendaharaan dan rumah Residen yang terletak di kawasan berhampiran Menara Atkinson. Pembinaan bangunan balai polis dan penjara giat dilaksanakan di kawasan tapak Perpustakaan Negeri (*The British North Borneo Herald*, 12 Mei 1904: 117). Di samping melakukan pembangunan infrastruktur, BNBCC juga giat melaksanakan proses tambakan laut di sekitar pantai Jesselton. Proses tambakan laut bermula pada tahun 1899 untuk pembinaan tapak untuk dermaga, gedung penyimpanan barang untuk diimport atau dieksport dan rumah kedai. Seramai 300 buruh telah dikerahkan oleh BNBCC untuk membinanya (Murjana @ Norjanam Yusof, 1994: 53). Proses tambakan laut kemudiannya telah dipergiatkan khususnya pada sekitar tahun 1920-an untuk membina jalan raya utama, jalan raya kecil dan pembinaan 60 lot rumah kedai.

Bagi memastikan perancangan Bandar Jesselton berjalan dengan lancar, pada tahun 1931, Bandar Jesselton telah diletakkan di bawah kuasa *Sanitary Board* yang diperuntukkan di bawah Ordinan No. 5 1931 (King Chui Aik, 1992: 75). Ordinan ini antara lain menyatakan bahawa mana-mana kawasan dalam Borneo Utara tertakluk dalam kawasan *Sanitary Board*. *Sanitary Board* telah ditubuhkan pada awal tahun 1902 di bawah Pengisytiharan *Sanitary Board* XXII pada tahun 1901. Antara bidang kuasa *Sanitary Board* adalah mengawal dan melakukan pengawasan terhadap tandas awam, takungan najis dan tong sampah, memastikan pemasangan sebuah sistem saluran yang sesuai, penanaman dan penjagaan pokok landskap dan hiasan dan kawalan terhadap tangki, perigi dan sumber air. Namun, bidang kuasa *Sanitary Board* lebih luas, termasuklah penyediaan dan pengurusan kubur awam, bahan buangan, pembersihan sungai dan pasar serta lain-lain tugas yang berkaitan dengan kebersihan. Bidang kuasa *Sanitary Board* digubal dari semasa ke semasa mengikut keadaan semasa (Danny Wong Tze Ken, 2004: 8).

Tujuan penggubalan ordinan No. 5 1931 ini adalah untuk memastikan perancangan Bandar Jesselton lebih teratur dan sistematik. Perkara 7 dalam ordinan ini telah menyatakan beberapa tujuan penubuhan *Sanitary Board*, antaranya;

- i. Meregulasi dan mengawal bangunan serta pembinaan bangunan dan melarang sebarang pemusnahan bangunan pada kelas tertentu, mereka bentuk atau kewujudan sebarang daerah, lokaliti atau dalam kawasan *Sanitary Board*.
- ii. Memusnahkan bangunan yang boleh membahayakan atau berada dalam keadaan yang bahaya.

- iii. Merizabkan kawasan bagi rekreasi atau tujuan lain seperti bangunan, penanaman dan pengekalan tumbuh-tumbuhan, pembinaan jalan-jalan baru, penyaluran air dan lain-lain.
- iv. Pengawasan dan penyeliaan yang berkenaan pendaftaran, meluluskan lesen dan lain-lain (King Chui Aik, 1992:79).

Pengaplikasian ordinan ini adalah disebabkan kesan Revolusi Perindustrian di bandar utama England yang tidak mempunyai perancangan dan pembangunan bandar yang baik telah menyebabkan bandar tersebut kelihatan kotor, tidak kemas, tidak selamat, tiada identiti tersendiri, tiada seni bina yang unik, jalan yang tidak terurus yang menyebabkan masalah kesesakan. Atas kesedaran ini, maka satu akta telah digubal iaitu Akta Kesihatan Awam pada tahun 1848 (King Chui Aik, 1992: 80). Walau bagaimanapun, pengawasan dan perancangan Bandar Jesselton sebenarnya berlaku lebih awal. Hal ini dapat dilihat menerusi peraturan baharu yang diperkenalkan berkaitan dengan bangunan di Karamunsing pada tahun 1926;

Here after no building shall be erected within the Sanitary Board limit until the position of the building shall be made of such material case of temporary building. The following members of the board were appointed to visit and report on the are in question... the executive engineer, the District Surgeon, Mr. Chow Ah Qui (R.O.W.C.4/26, 1926:1).

Selain itu, BNBCC juga telah memperkenalkan Skim Perancangan Bandar Komprehensif yang dilaksanakan sekitar tahun 1934. Hasilnya, pembangunan dan perbandaran pesat telah dirasai oleh Bandar Jesselton. Penyediaan pelbagai kemudahan asas seperti jalan raya¹² dan jalan kereta api¹³, perkhidmatan perhubungan dan radio¹⁴, bekalan elektrik dan air, hospital dan lain-lain kemudahan (King Chui Aik, 1992: 80). Menjelang tahun 1935, Bandar Jesselton telah menjadi sebuah bandar yang sibuk dengan penduduknya dan struktur bangunan yang padat sehinggakan Bandar Jesselton yang luasnya hanya 30 ekar dipenuhi dengan bangunan perumahan, kedai dan pejabat.

Secara keseluruhannya, penelitian awal pembangunan bandar di Jesselton jelas memperlihatkan tumpuan BNBCC adalah untuk memaksimumkan keuntungan daripada perspektif pelaburan. Dalam hal ini, Bandar Jesselton diwujudkan untuk melaksanakan dua fungsi utama, iaitu sebagai pusat pentadbiran BNBCC di pantai barat Borneo Utara dan sebagai pusat pengumpulan hasil dan kemudahan import dan eksport. Kegiatan perdagangan yang dijalankan pula adalah mirip kepada pembekalan bahan makanan dan keperluan lain untuk keperluan pegawai BNBCC dan penduduk kampung. Justeru, pembangunan dan proses perbandaran yang diwujudkan adalah untuk memberi keselesaan di kawasan petempatan penduduk Eropah

dan membuka jalan dan kemudahan-kemudahan yang terbatas untuk memiliki sumber alam tertentu untuk diusahakan (Abdul Samad Hadi, 1990: 172).




Foto 4 Bandar Jesselton 1937
Sumber: Johan M. Padasian (1981: 29).




Foto 5 Pemandangan Bandar Jesselton 1930
Sumber: Johan M. Padasian (1981: 29).

Sejarah Pembangunan Kota Kinabalu Era Pendudukan Jepun (1942-1945)

Perang Dunia Kedua pada tahun 1941 juga membawa pendudukan Jepun di Borneo Utara. Kehadiran masyarakat Jepun ke Borneo Utara sebenarnya telah bermula lebih awal khususnya untuk memenuhi keperluan tenaga buruh mahir di Sandakan dan Tawau. Pendudukan Jepun di Borneo Utara bermula dengan pendaratan tentera Jepun dan seterusnya menyerang Pulau Labuan pada 1

Januari 1942 di bawah pimpinan Jeneral Masao Baba. Penawanan awal Pulau Labuan telah berjaya memudahkan lagi penaklukan Borneo Utara dengan cepat dan mudah kerana pulau ini telah dijadikan markas pertahanan Jepun. Bandar Jesselton telah berjaya ditawan pada 9 Januari 1942 dan Bandar Sandakan pada 19 Januari 1942 oleh Jepun. Secara keseluruhannya dalam tempoh sebulan sahaja Borneo Utara telah berjaya ditakluk oleh tentera Jepun pada 16 Mei 1942. Sepanjang tempoh pendudukan Jepun di Borneo Utara (Dalius Lucius Lobinjang, 1986: 125; Evans, S. R., 2007: 7-10) dari aspek pembangunan dan perancangan Bandaraya Kota Kinabalu, tidak berlaku sebarang pembangunan sosial mahupun infrastruktur seperti pembinaan bangunan pentadbiran, sekolah dan jalan raya. Hal ini demikian kerana tumpuan pentadbiran dan pembangunan infrastruktur Jepun adalah di kawasan pedalaman seperti Ranau dan Pensiangan.



Foto 6 Kemusnahan kawasan pentadbiran dan rumah kedai Bandar Jesselton
Sumber: Australia War Memorial (2011).



Foto 7 Kemusnahan Bandar Jesselton selepas Perang Dunia Kedua
Sumber: Australia War Memorial (2011).

Sejarah Pembangunan Kota Kinabalu Pasca Perang (1945-1963)

Pasca perang¹⁵ telah menyaksikan hampir keseluruhan infrastruktur yang merangkumi bangunan kerajaan, rumah kedai, pusat pentadbiran, pejabat polis dan lain-lain musnah. Hanya tiga sahaja bangunan yang terselamat dan dua bangunan telah diwartakan sebagai Warisan Budaya menerusi Enakmen Warisan Budaya 1997 iaitu Menara Jam Besar dan Bangunan Pejabat Pos Besar. Satu lagi bangunan yang terselamat adalah Bangunan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan kini telah diwartakan sebagai Bangunan Bersejarah menerusi Enakmen Barang-barang Kuno dan Harta Karun 1977.

Impak pendudukan tentera Jepun dan usaha pembebasan Borneo Utara oleh Tentera Berikat telah menyebabkan bandar-bandar utama di Borneo Utara telah mengalami kemusnahan yang teruk. Menurut laporan yang dikemukakan, daripada lebih 890 buah jumlah bangunan kerajaan yang ada di Borneo Utara dan Labuan, 614 buah daripadanya telah musnah dan 266 buah lagi mengalami kerosakan yang teruk (Cecilia Leong, 1982: 187). Malah, proses pentadbiran turut kehilangan fungsi kerana banyak rekod dan fail penting telah musnah atau hilang, dan banyak kakitangan kerajaan yang hilang ataupun mati dalam peperangan. Semua masalah kerosakan dan kemusnahan yang dialami oleh Borneo Utara memerlukan pembinaan segera dengan kos yang besar.¹⁶ Hal ini tidak mampu dilaksanakan oleh BNBBCC. Oleh itu, Sir Neill Malchholm, Presiden Pengarah Mahkamah telah mengadakan perbincangan secara persendirian dengan Kerajaan Britain berkenaan masa depan Borneo Utara. Berdasarkan kepada perbincangan ini, Borneo Utara bersama-sama dengan Labuan telah dijadikan koloni Britain pada 15 Julai 1946 apabila kerajaan koloni British mengambil alih Borneo Utara daripada pentadbiran ketenteraan.¹⁷ Pengambilalihan pentadbiran oleh kerajaan awam Britain ini menyebabkan taraf ibu negeri telah dipindahkan dari Sandakan ke Jesselton.¹⁸

Dari segi sejarah pembangunan dan proses perbandaran, pasca Perang Dunia Kedua telah menyaksikan pembangunan infrastruktur Bandar Jesselton berjalan dengan lebih cepat melalui peruntukan dan pelan perancangan yang lebih baik. Langkah awal yang telah dilaksanakan untuk membangunkan semula Bandar Jesselton adalah menubuhkan Jawatankuasa Tabung Mangsa Perang (War Victims Funds Committee) pada bulan Disember 1947. Tujuan penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk mengumpulkan dana menerusi derma dan mengutip cukai daripada badan atau agensi tertentu, pegawai kerajaan, pedagang dan rakyat (*North Borneo News Sandakan*, 1 Mei 1949: 4).

Pada peringkat awal, pentadbiran koloni telah melaksanakan dasar pembangunan dengan memberi tumpuan kepada pembinaan bangunan yang berbentuk sementara di tapak asal bangunan. Lesen untuk menduduki bangunan sementara tersebut hanya sah selama dua tahun sementara menunggu kedudukan pelan yang sesuai untuk Bandar Jesselton. Oleh itu, sehingga tahun 1949, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah berjaya membina 299 buah rumah sementara¹⁹ untuk kakitangan dan pegawai kerajaan (Dayu Sansalu, 1981: 127). Selain daripada pembinaan rumah sementara, JKR turut membina beberapa bangunan lain seperti rumah rehat, bangunan pentadbiran, pelabuhan dan lain-lain. Hanya pada tahun 1949, rumah kekal untuk kakitangan dan pegawai kerajaan mula dilaksanakan.

Dalam memastikan pelan khusus dalam perancangan pembangunan Jesselton, pentadbiran koloni telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas yang dikenali sebagai Jawatankuasa Penasihat untuk melaksanakan tugas-tugas khusus dalam menasihati dan merancang pembangunan Bandar Jesselton. Jawatankuasa ini turut berperanan penting dalam meluluskan pelan perancangan bandar (King Chui Aik, 1992: 83). Kerajaan koloni turut menggubal Ordinan Perancangan Desa dan Bandar pada Jun 1950 dan General Surveyor telah dilantik sebagai Ketua Penasihat untuk memastikan pembangunan dan perancangan Bandar Jesselton yang lebih baik.²⁰ Dalam pelaksanaan ini, penumpuan dan penekanan diberikan kepada pembentukan pelan kawasan dalaman bandar. Oleh itu, satu draf pelan untuk kawasan perniagaan telah disediakan di Bandar Jesselton. Namun, disebabkan kawasan Bandar Jesselton yang terhad, maka satu pelan perancangan Bandar Jesselton yang lebih khusus telah dibentuk dengan membina dua jenis pembinaan petempatan, iaitu petempatan kelas satu dan kelas dua. Seterusnya, pada tahun 1952 satu pelan pengezonan yang lebih teliti telah diluluskan oleh Gabenor. Menerusi pelan pengezonan ini, pembangunan semula kawasan yang telah musnah semasa perang dapat dilakukan dengan syarat mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Perancangan Bandar. Keberkesanan pelan perancangan bandar pertama Jesselton dapat dilihat menerusi pembinaan blok rumah kedai dan beberapa bangunan lain yang menggunakan bahan binaan kekal (King Chui Aik, 1992: 85).

Pada tahun 1953, proses pembangunan Bandar Jesselton diteruskan menerusi pelaksanaan kerja pembinaan bangunan yang belum siap. Antaranya bangunan Borneo Motor Ltd., Bangunan Chartered Bank, Bangunan Hong Kong & Shanghai Bank, dua buah hotel moden dan satu blok rumah kedai tiga tingkat (King Chui Aik, 1992: 86). Pada tahun 1954 tidak banyak perancangan dan pembangunan infrastruktur yang dilaksanakan. Selain itu, reklamasi tanah turut dilaksanakan di Jesselton pada tahun 1956 yang melibatkan kawasan seluas tujuh ekar untuk tujuan menempatkan gudang minyak dan gudang

di dermaga (Johan M. Padasian, 1981: 18).²¹ Seterusnya, pada tahun 1962 reklamasi tanah di Bandar Jesselton diteruskan dengan melibatkan kawasan seluas 33 ekar di utara Jesselton untuk tujuan pembangunan industri dan kemudahan pengangkutan dan melibatkan kawasan seluas 18 ekar untuk tujuan pembinaan kawasan perumahan. Pada tahun 1963, reklamasi tanah diteruskan yang melibatkan kawasan seluas 14.5 ekar untuk tujuan pembangunan swasta dan 7.5 ekar untuk pembangunan bangunan kerajaan (King Chui Aik, 1992: 88).

Menjelang tahun 1963, pelan pengenalan pengezonan jangka masa panjang telah dilaksanakan oleh Majlis Daerah Luar Bandar Jesselton. Pelan pengezonan ini melibatkan kawasan seluas 20 batu persegi, manakala dalam pelan skim guna tanah pula, Bandar Jesselton telah dibahagikan kepada 13 buah kawasan dan setiap kawasan pengawalan subbahagian swasta dan kepadatan bangunan telah dijalankan. Sejarah pembangunan Bandar Jesselton pasca perang jelas memperlihatkan penekanan kepada keteraturan dan keselarasan pembangunan struktur binaan di Jesselton. Walaupun pembangunan yang dilaksanakan berjalan dengan perlahan, tetapi menerusi peruntukan kewangan untuk pembangunan bandar khususnya menerusi skim pembangunan dan kebajikan kolonial (*Colonial Development and Welfare Scheme*) dan menerusi tindakan pihak koloni yang mengambil penasihat untuk menasihati pelaksanaan pembangunan bandar seperti mendapatkan bantuan dan perkhidmatan seorang profesor arkitek dari Hong Kong telah menyebabkan perancangan Bandar Jesselton menjadi lebih teratur.



Foto 8 Bandar Jesselton 28 November 1961
Sumber: (<http://www.penerangan.gov.my>, 13 Januari 2012).

Kesimpulan

Kewujudan Bandar Jesselton atau Kota Kinabalu yang bermula di Pulau Gaya telah melalui pelbagai transformasi penjajahan daripada pelbagai kuasa BNCC, British, Jepun kemudiannya mencapai kemerdekaan dan seterusnya penyertaan Sabah ke gagasan Malaysia. Walaupun semasa Perang Dunia Kedua sebahagian besar kawasan Kota Kinabalu telah musnah ekoran pengeboman oleh pihak Berikat dan pembakaran yang dilakukan oleh pihak Jepun, tetapi selepas perang kawasan ini telah berkembang dengan pantas khususnya setelah diangkat menjadi ibu negeri Sabah bagi menggantikan Sandakan. Kawasan ini telah menjadi tumpuan utama pembangunan ekonomi dan sosial dengan perkembangan pembangunan infrastruktur yang begitu pesat di kawasan sejak tahun 1950-an hingga 1960-an. Perkembangan infrastruktur yang begitu pesat di bandar raya ini sehingga tahun 2021 tidak menghalang kepada pengekalan ciri asal bandar dan kekal dengan kaleidoskopnya yang bercirikan gabungan lama dan baharu. Hal ini dibuktikan menerusi pengekalan beberapa kawasan dan tapak bersejarah yang penting di pusat bandar seperti Menara Attkinson, Padang Merdeka, Jalan Gaya, Monumen Perang Dunia Kedua dan lain-lain. Tuntasnya, dalam tempoh lebih dari 100 tahun sejarah penubuhannya, Bandaraya Kota Kinabalu telah membangun daripada sebuah perkampungan atas air kepada pusat perdagangan utama negeri Sabah.

Nota

¹ Pada abad ke-16, walaupun banyak pengkaji dan sarjana melihat Borneo Utara adalah di bawah kekuasaan Kesultanan Brunei sepenuhnya, tetapi Ranjit Singh menyatakan. Secara praktikalnya pemilihan Kesultanan Brunei ini tidak melibatkan keseluruhan Borneo Utara kerana sistem jajahan Kesultanan Brunei hanya wujud di sepanjang pesisiran pantai Brunei sehingga ke Sungai Sebuku. Konflik perebutan wilayah antara Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu telah membawa pembahagian Borneo Utara kepada tiga bahagian, iaitu Bahagian pertama, antara Kimanis ke Padasan berada di bawah kekuasaan Kesultanan Brunei. Bahagian kedua, antara pesisiran pantai Marudu sehingga Sungai Sebuku di bawah Kesultanan Sulu. Bahagian ketiga pula bebas dan lazimnya dikuasai oleh pemerintah atau ketua kampung (Anwar Sullivan & Cecilia Leong, 1981: 81).

² British North Borneo Chartered Company (BNBCC) merupakan sebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam mentadbir sebuah wilayah di utara Borneo yang mempunyai potensi ekonomi sejak hubungan ekonomi Kepulauan Borneo dan kepulauan serantau dengan China bermula pada abad ke-10. Penubuhan BNBCC bermula apabila Alfred Dent memohon Piagam Diraja dari Kerajaan British di London. Selepas Kerajaan British meluluskan permohonan tersebut, Alfred Dent telah menubuhkan BNBCC pada tahun 1881, dan mentadbir Borneo Utara berdasarkan kehendak Kerajaan British. William Hood Treacher telah dilantik sebagai Gabenor Pertama dan bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah di London (Lee Yong Leng, 1982: 25; Ranjit Singh D. S., 2003: 158; Anwar Sullivan & Cecilia Leong, 1981: 6).

³ Perjanjian yang dibuat antara Sultan Brunei dengan Baron Von Overbeck dan Alfred Dent pada tahun 1877 bukanlah penyerahan Borneo Utara secara keseluruhannya. Pada dasarnya beliau hanya menyerahkan kerajaan Tulin miliknya semasa beliau menjadi sultan. Wilayah lain yang masih Tulin masih lagi berada di bawah penguasaan pemilik Tulin. Penguasaan British North Borneo dalam meluaskan kawasan di Sabah telah menyebabkan sedikit demi sedikit wilayah Tulin di Borneo Utara kepada mereka (Ranjit Singh D. S., 2003: 152).

- ⁴ Pengiran Jallaludin merupakan seorang pemimpin yang turut berkaliber dan bijak menguruskan pentadbiran di wilayah Tulinnya, namun beliau merupakan seorang yang kurang berpengaruh. Keadaan dan situasi politik pada ketika itu seperti masalah kewangan, tekanan daripada pihak BNBCC yang ingin meluaskan pengaruh dan wilayah dan kurang mendapat sokongan daripada penduduk tempatan telah menyebabkan beliau dilihat kurang menonjol berbanding bapanya. Hal ini dapat dilihat pada tahun 1986 apabila ejen untuk memungut cukai bagi Pangiran Jallaludin telah dihalau oleh penduduk tempatan (Black I. D., 1998,18: 157).
- ⁵ Pemilihan Pulau Gaya sebagai petempatan awal BNBCC di pantai barat Borneo Utara adalah disebabkan faktor kedudukan strategiknya dan potensinya sebagai sebuah pelabuhan kerana terletak di tengah antara Timur dan Barat. Hal ini dibuktikan menerusi ungkapan Edward Belcher yang membuat lawatan ke Pulau Gaya pada tahun 1846 iaitu "one of the best and most completely land-locked harbours on this coast" (Dinwiddie, J. M., 1962: 25; Cassels, F.P., 1989: 56-57).
- ⁶ Secara umumnya, pemilihan bandar atau petempatan di Borneo Utara adalah berbeza-beza ciri dan secara perinciannya kesemua bandar yang wujud adalah untuk memenuhi keperluan asas dan ekonomi. Misalnya, keperluan tapak untuk menjalankan pertukaran barangan dagangan dalam dan luar negeri, pentadbiran untuk menjaga pelaburan, pengumpulan dan penjualan barangan tempatan dan barangan luar negeri (Abdul Samad Hadi & Zulkifly Haji Mustapha, 1986: 284).
- ⁷ Pembukaan awal Jesselton hanya tertumpu di kawasan Api-Api. Pada Ogos 1900, *British North Borneo Herald* melaporkan bahawa terdapat lebih kurang 30, 000 - 40, 000 penduduk peribumi yang menduduki Jesselton (Jones, L. W., 1951:3).
- ⁸ Majlis Penasihat Ketua Anak Negeri merupakan satu unit pentadbiran yang memberi peluang kepada ahli-ahlinya terlibat dalam pentadbiran khususnya yang berkaitan dengan masyarakat mereka (Sabihah Osman, 1985: 35).
- ⁹ Pejabat kerajaan BNBCC telah digunakan secara rasmi pada pertengahan tahun 1900 dan 17 buah kedai telah berjaya disiapkan lalu diberikan kepada peniaga Cina yang berpindah dari Gantian ke Jesselton. Hampir keseluruhan kerja awal pembinaan Jesselton termasuk pembinaan hospital dan landasan kereta api dilaksanakan oleh Syarikat Messrs George Pauling & Co. (Danny Wong Tze Ken, 2004: 7).
- ¹⁰ En. Ah Qui merupakan seorang tukang batu-bata (*The British North Borneo Herald*, 16 November 1901: 366).
- ¹¹ BNBCC telah menjual satu lot dengan harga \$105.00 dan setengah lot dengan harga \$77.00. Walau bagaimanapun, pada 21 Ogos 1901, hampir keseluruhan rumah kedai sementara telah terbakar. Oleh itu, bagi menggantikan rumah kedai sementara yang terbakar, Francis George Atkinson telah mengeluarkan satu lagi tawaran penjualan lot-lot kedai kepada orang ramai yang berminat (*The British North Borneo Herald*, 16 November 1901: 366).
- ¹² Proses pembinaan jalan raya yang menghubungkan kawasan bandar ke kawasan bandar termasuk ke kawasan pedalaman juga telah diperluaskan. Pada awal tahun 1910, semua jalan utama di Jesselton telah disambungkan ke Batu Tiga Victoria Barrack dan tempat padang lumba kuda di Tanjung Aru. Pembinaan jalan raya berturap dari Jesselton ke Tuaran pada tahun 1920-1924 juga telah berjaya disiapkan. Pada tahun 1933, di barat Borneo Utara jalan raya sepanjang 7.99 batu telah berjaya disiapkan iaitu Inanam-Kiansan (0.3 batu), Tuaran-Tenghilang (3.38 batu) dan Papar-Bukit Manggis (4.28 batu) (King Chui Aik, 1992: 81; O.C.A.C.19/34, 1933:1).
- ¹³ Pembinaan jalan kereta api juga telah diperluaskan atau diperpanjangkan. Jalan kereta api awal yang telah dirancang adalah sepanjang 20 km bermula dari Weston ke sungai yang bertentangan dengan Beaufort yang siap dibina pada tahun 1900. Jalan kereta api ini kemudian diteruskan dari Beaufort ke Jesselton sepanjang 59 km yang siap pada tahun 1902 diikuti dengan Beaufort ke Tenom sepanjang 30 km sehingga ke Padas yang siap pada tahun 1905 lalu diteruskan sehingga ke Melalap. Pembinaan jalan kereta api ini dikendalikan dan dilaksanakan oleh syarikat George Pauling & Company (Eillen Petra Francis, 1990: 34).
- ¹⁴ Penyediaan perkhidmatan perhubungan radio dan telegraf juga telah dibuat di Jesselton dan dikenali sebagai Projek Ridgeway. Projek ini diteruskan oleh Neill Malcolm, seorang pengasas Royal Institution of International Affair. Set radio yang mudah diuruskan dan mampu menghubungkan Sandakan dengan Jesselton, pada tahun 1914 dan dihubungkan ke Kudat, Tawau dan Lahad Datu pada tahun 1923 dan empat kawasan lain pada tahun 1934 (Tregonning, K.G., 1965: 69-70).

- ¹⁵ Dengan kekalahan pihak tentera Jepun pada Ogos 1945, British merasakan adalah perlu untuk mengambil langkah segera untuk menubuhkan kembali pentadbiran British di seluruh Pulau Borneo. Walaupun Perang Pasifik telah berakhir dengan penyerahan kalah oleh Maharaja Jepun tanpa syarat pada 15 Ogos 1945 kepada pihak Berikat, tetapi kebanyakan bahagian di Borneo Utara masih di bawah dominasi pihak Jepun, terutamanya di kawasan pedalaman yang sukar untuk dijejaki. Bagi memastikan kawalan pihak tentera Jepun berakhir dengan cepat, British merasakan adalah perlu untuk menjejak kumpulan ini di samping membebaskan semua tawanan perang Tentera Bersekutu dan masyarakat awam yang dikurung oleh pihak Jepun. Kerajaan British telah memberikan tugas ini kepada tentera pertahanan Australia untuk menduduki semula Kuching, Jesselton di pantai barat utara dan Sandakan di pantai timur. Hasilnya, Bandar Jesselton merupakan bandar pertama yang ditawan semula oleh Tentera Berikat pada 28 September 1945. Pasca Perang Dunia Kedua, hampir keseluruhan kawasan jajahan British telah mengalami keadaan huru-hara. Justeru, British telah merangka semula rancangan yang komprehensif dalam usahanya untuk menduduki semula Borneo. Tiga unit pentadbiran ketenteraan telah dirancang di London untuk dijalankan di Malaya, Hong Kong dan Borneo. Unit di Borneo ini meliputi Borneo Utara, Labuan, Brunei dan Kuching. Bentuk pentadbiran ketenteraan ini adalah berlandaskan undang-undang ketenteraan yang diumumkan pada hari Briged Australia Divisyen ke-9 mendarat di Labuan. Walau bagaimanapun, unit pentadbiran ketenteraan ini hanya bersifat sementara bagi melengkapkan transisi pengambilalihan kerajaan secara beransur-ansur oleh pentadbiran awam. Di Sandakan, pentadbiran ketenteraan ini telah ditubuhkan pada 19 Oktober 1945. Tumpuan utama pentadbiran ketenteraan ini meliputi aspek pentadbiran, perundangan dan aspek teknikal Borneo Utara. Proklamasi turut dirangka dan arahan penyediaan rancangan ini telah dikemukakan bagi meningkatkan keperluan makanan, pertanian, bekalan perubatan, pakaian dan lain-lain keperluan (Donnison, F. S. V., 1956: 183; Cecilia Leong, 1982: 185).
- ¹⁶ Selain daripada faktor kerosakan, terdapat faktor lain yang mendorong penyerahan Borneo Utara kepada pentadbiran kerajaan kolonial British. Pertama, sistem pentadbiran BNBCC yang terlalu usang dan tidak relevan lagi pada ketika itu. Kedua, hubungan kerjasama yang erat antara Britain dengan BNBCC. Dan ketiga adalah wang sagu hati yang diberikan kepada pelabur BNBCC sebanyak \$2,260,000 (Mazlan Abdullah, 1958: 80-82).
- ¹⁷ Semasa di bawah pentadbiran kerajaan kolonial British, kakitangan kerajaan yang pernah berkhidmat sebelum perang dan masih hidup, diarahkan untuk kembali bertugas dalam usaha untuk meneruskan pentadbiran kerajaan koloni British. Pentadbiran ini meliputi seluruh Borneo Utara telah dijalankan oleh 31 buah jabatan kerajaan yang diketuai oleh ketua sekretariat dan dibantu oleh pegawai eksekutif utama yang turut mengawal sekretariat lain. Antara jabatan yang ditubuhkan adalah undang-undang, kewangan, akauntan, duti import eksport, buruh dan imigrasi, pendidikan, perhutanan, pertanian, perubatan, telekomunikasi dan lain-lain. Beberapa majlis penasihat tempatan telah disusun pada tahun 1950. Antaranya, lembaga penasihat buruh, penasihat pendidikan dan penasihat masyarakat Cina. Setiap daerah mempunyai majlis penasihat kawalan harganya sendiri. Badan-badan ini ditubuhkan bertujuan untuk menggalakkan penyertaan tempatan dalam pentadbiran. Seterusnya pada tahun 1949, semasa Borneo utara di bawah pentadbiran kerajaan kolonial British, struktur bahagian Borneo Utara telah dipecahkan kepada empat bahagian dan setiap bahagian dinamakan sebagai residensi. Empat residensi tersebut terdiri daripada residensi pantai timur yang terdiri daripada daerah Sandakan dan Tawau, residensi Labuan, residensi pantai barat iaitu Jesselton, dan residensi pedalaman. Namun, pada tahun 1954 residensi pantai timur telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu residensi Tawau dan residensi Sandakan, pembahagian ini adalah melalui Reconstruction and Development Plant For North Borneo 1948-1955. Residensi Jesselton di tadbir oleh seorang ketua daerah, manakala sub-daerah pula ditadbir oleh penolong ketua daerah (Cecilia Leong, 1982: 197; Anwar Sullivan & Cecilia Leong, 1981: 2003; Donnison, F.S.V. 1956: 185).
- ¹⁸ Pada ketika itu Jesselton tidak mengalami kerosakan yang nyata sebagaimana yang dihadapi oleh Sandakan. Kemusnahan yang dialami oleh Sandakan adalah sukar untuk dibangunkan dalam tempoh yang singkat oleh pemerintah dan ini sudah tentu akan menyukarkan proses pembentukan kerajaan dalam kadar yang segera.

- ¹⁹ Rumah sementara tersebut diperbuat daripada bahan yang tidak kekal. Rangka rumah diperbuat daripada kayu biasa, dindingnya menggunakan kajang dan atapnya pula menggunakan daun rumbia atau daun nipah yang telah dianyam (Dayu Sansalu, 1981:127).
- ²⁰ Lembaga Pusat Perancangan Bandar dan Wilayah berperanan penting dalam menasihati pihak penguasa bandar dalam mereka bentuk struktur bangunan, penggunaan bahan binaan bangunan dan lain-lain yang berhubung dengan skim perancangan Jesselton yang telah diluluskan di bawah skim pelan perancangan bandar (King Chui Aik, 1992: 82-88).
- ²¹ Reklamasi tanah ini dilakukan berikutan kurangnya kawasan rata di kawasan Jesselton. Walau bagaimanapun, reklamasi tanah ini sebenarnya telah dilakukan dengan lebih awal iaitu sejak tahun 1899 (Johan M. Padasian, 1981: 18).

Senarai Rujukan

Dokumen Arkib

- Borneo Mail*, 26 Februari 1995.
- North Borneo News Sandakan*, 1 Mei 1949, hlm. 4.
- O.C.A.C.19/34, *Road Contraction, Administration Report for 1933*.
- R.O.W.C.4/26, *Minutes of the Meeting of the Jesselton Sanitary Board Held on the 8th October, 1926*, file number 01707.
- The British North Borneo Herald*, Vol XXIII, 12 Mei 1904.
- The British north Borneo Herald*, Vol. XIX, 16 November 1901.
- The British North Borneo Herald*, vol. XVII, 16 November 1899.

Buku dan Jurnal

- Abdul Karim Rahman. (1994). *Brunei K. M. XIX Satu Cabaran dan Campur tangan British*. Dalam, Muhammad Abdul Latif, Hashim Mohd Noor, dan Rosli Ampal. (ed.). *Brunei di tengah-tengah Nusantara: Kumpulan Kertas Kerja, Seminar Sejarah Brunei*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- Abdul Samad Hadi dan Zulkifly Haji Mustapha (Peny.). (1986). *Perubahan dalam Sistem Penempatan dan Proses Perbandaran di Borneo Utara dalam Sabah Dalam Pembangunan*. 1986. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia dan Yayasan Sabah.
- Abdul Samad Hadi. (1986). *Penyediaan Dan Perkembangan Infrastruktur (Prasarana)* dalam Abdul Samad Hadi, Hairi Abdullah dan Zulkifly Hj. Mustapha. *Sabah Perubahan Dan Pembangunan*. 1986. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia-Yayasan Sabah.
- Abdul Samad Hadi. (1986). *Perubahan Dalam Sistem Penempatan Dan Proses Perbandaran Di Negeri Sabah* dalam Abdul Samad Hadi, Hairi Abdullah dan Zulkifly Hj. Mustapha. *Sabah Perubahan Dan Pembangunan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia-Yayasan Sabah.
- Abdul Samad Hadi. (1990). *Kota Kinabalu: Daripada Satu Pengkalan Kepada Pusat Pembangunan Wilayah* dalam Abdul Samad Hadi dan Sulung Mohammad (Peny.). *Pembandaran Dan Transformasi Bandar Negeri Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia – Yayasan Sabah.
- Anwar Sullivan dan Cecilia Leong. (Peny.). (1981). *Commemorative History of Sabah: The Development Administration in Sabah 1877-1946*. Kota Kinabalu: Sabah State Government.
- Black I. D. (1998). The Ending of Brunei in Sabah. *The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society Journal*. 18:67-99.

- Black, I. D. (1983). *A Gambling Style of Government 1877-1915: The Establishments of Chartered Company's Rule in Sabah, 1877-1915*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Buku Komemoratif Kota Kinabalu*. (2000). Kota Kinabalu: Jabatan Cetak Negeri Sabah.
- Cassels, F. P. (1989). The Early of Sabah. *The Sarawak Journal*: 56-57.
- Cecilia Leong. (1982). *Sabah The First 100 Years*. Kuala Lumpur: Percetakan Nan Yang Muda.
- Dalius Lucius Lobinjang. (1986). *Sabah Semasa Pendudukan Jepun*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Danny Wong Tze Ken. (2004). *Community and society*. Kota Kinabalu: Natural History Publication (Borneo).
- Dayu Bin Sansalu. (1981). *Sejarah Bandar Kota Kinabalu 1946-1967*. Latihan Ilmiah. Bangi: Jabatan Sejarah. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dinwiddie, J. M. (1989). The Early History of Jesselton. *Borneo Society Journal: Journal of the Sabah College Society*. 3: 25.
- Donnison, F. S. V. (1956). *British Military Administration in the Far East 1943-46*. London: Her Majesty's Stationery Office.
- Eillen Petra Francis. (1990). *Sejarah Perkembangan Kereta Api Negeri Sabah 1881-1941*. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan.
- Ensiklopedia Dunia*. (2005). (Terj.) Dewan Bahasa dan Pustaka. Jilid 11. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Evans, S. R. (2007). *Sabah (North Borneo) Under the Rising Sun Government*. Kota Kinabalu: Opus Publications.
- Johan M. Padasian. (1981). *Sejarah Sabah Dalam Gambar (1881-1981)*. Kota Kinabalu: Jawatankuasa Penerbitan Perayaan Sabah 100 Tahun.
- King Chui Aik. (1992). *Proses Perancangan Bandar: Satu Kajian Proses Perancangan Kota Kinabalu*. Latihan ilmiah. Fakulti Sains Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia Kampus Sabah.
- L.W. Jones, L.W. (1951). *North Borneo: Report on The Censuses of Population*. Jesselton: North Borneo Civil Service.
- Laporan Tahunan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu 2000-2001*. (2002). Kota Kinabalu: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.
- Lee Yong Leng. (1982). *Borneo Utara Satu Kajian Geografi Petempatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Macartney, J. H. (1976). Jesselton Place names. *Sabah Society Journal*. Vol. III: 152-155.
- Mazlan Abdullah. (1958). *Sejarah Malaysia Timur*. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors.
- Murjana @ Norjanam Yusof. (1994). *Aktiviti Tambak Laut Bandar Kota Kinabalu Kesan kepada Sosio-ekonomi dan Fizikal*. Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ranjit Singh D. S. (2003). *The Making of Sabah 1865-1941 The Dynamics of Indigenous Society*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Rosmawati binti Alich. (2003). *Kereta Api Di Borneo Utara: Kesan Dari Pendudukan Jepun 1942-1945*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda, Kota Kinabalu: Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah.
- Sabihah Osman. (1985). *Pentadbiran Pribumi Sabah 1881-1941*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia dan Yayasan Sabah.

- Stuart, Wendy. (1993). *The lingering eye: Recollection of North Borneo*. Edinburgh: Pentland Books.
- Siti Aidah Haji Lokin. (2007). *Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Tarling, N. (1971). *Britain, The Brooke & Brunei*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tom dan Barbara Harrison. (1969-1970). *Monograph: The Prehistory of Sabah*. Kota Kinabalu: Sabah Society.
- Tregonning, K. G. (1965). *A History of Modern Sabah 1881-1963*. Singapore: University of Malaya Press.

Laman Sesawang

<http://www.awm.gov.au>. Dilayari pada 23 November 2011.

<http://www.penerangan.gov.my>. Dilayari pada 13 Januari 2012

PERKEMBANGAN AKTIVITI PERKAPALAN DAN PELABUHAN DI BORNEO UTARA: 1881-1941

Development of Shipping and Port Activities in North Borneo: 1881-1941

NURSYAZWANI EDININ¹
MAUREEN DE SILVA²

*Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
E-mel: ¹nursyazwani_edinin@yahoo.com.my; ²maureen@ums.edu.my
Dihantar: 19 Mei 2021 / Diterima: 20 Julai 2021*

Abstrak

Industri perkapalan dunia mengalami perubahan yang amat ketara setelah teretusnya Revolusi Industri di Eropah dan juga pembinaan Terusan Suez sekitar abad ke-19 yang telah memendekkan perjalanan dari Barat ke Timur, sekali gus mengubah landskap dunia maritim ketika itu. Perahu layar dan tongkang-tongkang yang dahulunya digunakan oleh pelayar dan pedagang telah digantikan dengan kapal-kapal wap yang mampu belayar lebih lama dan tidak bergantung dengan cuaca. Malah, kapal-kapal wap ini juga mampu membawa muatan yang lebih banyak dan mempunyai ruang yang luas. Di Borneo Utara, aktiviti perkapalan dan pelabuhan semakin rancak apabila pihak Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBUB) mengambil alih pentadbiran Borneo Utara. Perkembangan laluan maritim dan aktiviti perdagangan semasa era imperialisme baharu telah menyebabkan kapal dari pelbagai syarikat perkapalan singgah di pelabuhan-pelabuhan utama di Borneo Utara untuk menjalankan aktiviti sehingga memberi impak kepada perkembangan industri perkapalan dan pelabuhan di Borneo Utara sendiri. Berdasarkan penggunaan sumber primer (laporan tahunan, surat dan akhbar kolonial) dan sumber kedua, artikel ini bertujuan untuk mengkaji hubungan kait di antara aktiviti perkapalan dan kewujudan dan perkembangan pelabuhan di Borneo Utara. Secara khususnya, ia cuba merungkaikan persoalan tentang latar belakang dan motif syarikat perkapalan datang ke Borneo Utara, bagaimana pengoperasian kapal-kapal ini di Borneo Utara dan sejauhmana aktiviti yang melibatkan perkapalan ini telah memberi impak kepada perkembangan beberapa pelabuhan di tanah jajahan ini.

Kata kunci: Perkapalan, pelabuhan, laluan maritim, Borneo Utara, SBUB.

Abstract

The world shipping industry went through significant changes after the outbreak of the Industrial Revolution in Europe and the construction of the Suez Canal around the 19th century which shortened the journey from West to East and changed the landscape of the maritime world at that time. Yachts as well as barges formerly used by sailors and traders had been replaced by steamships that were capable of sailing longer and were not dependent on the weather. In fact, these steamships also carried cargo and had more space. In North Borneo, shipping and port activities intensified when BNBC took over the administration of the territory. The development of maritime routes and commerce during the era of new imperialism had enabled ships from various shipping companies to dock in major ports in North Borneo to carry out various shipping activities thus impacting the development of the shipping and port industry in North Borneo itself. Based on the use of primary sources (annual reports, correspondence and colonial newspapers) and secondary sources, this article aims to examine the relationship between shipping activities and the existence and development of ports in North Borneo. Specifically, it attempts to reveal the dynamics involved in the shipping industry in terms of motives, operations and the extent to which shipping activities have impacted the development of several ports in the colony.

Keywords: *Shipping, ports, maritime routes, North Borneo, BNBC.*

Perbincangan

Perkembangan Revolusi Industri yang berlaku di Eropah telah membawa kepada perubahan besar dunia pelayaran dan perkapalan, sekali gus memberi impak kepada sistem pengangkutan air di seluruh dunia. Jika dahulu, kapal layar merupakan pilihan sebagai pengangkutan utama untuk membawa penumpang dari satu tempat ke tempat lain, namun dengan perkembangan industri perkapalan di Eropah dan juga pembuatan kapal wap, perahu layar tidak lagi digunakan kerana telah digantikan dengan kemudahan kapal-kapal wap bersaiz besar dan mampu membawa penumpang yang lebih ramai.

Aktiviti perkapalan di Borneo Utara bermula sebelum kedatangan SBUB lagi. Semasa pentadbiran Kesultanan Sulu di pantai timur, datu-datu Sulu menggunakan perahu tradisional seperti *baranganya*, *silisipan*, *garay* dan *kora-kora* untuk menjalankan aktiviti laut dan perkapalan. Bagi memenuhi tujuan tersebut mereka menggunakan kepakaran pelaut Iranun, Balangingi dan Bajau sebagai sumber tenaga kerja mereka.¹ Pada asalnya, para pelaut Iranun, Balangingi dan Bajau menggunakan perahu bercadik untuk aktiviti laut seperti menangkap hasil laut dan aktiviti perkapalan yang lain. Namun, setelah

SBUB mentadbir Borneo Utara, konsep dan reka bentuk perahu bercadik telah mengalami perubahan kerana pelaut Bajau dan Sulu telah melakukan pelbagai ubah suai terhadap perahu tradisional mereka.²

Perkembangan aktiviti perkapalan di Borneo Utara semakin rancak apabila SBUB mula mentadbir Borneo Utara. Kapal-kapal wap mulai datang ke pelabuhan-pelabuhan di Borneo Utara antara tahun 1887 sehinggalah tahun 1889. Pada tiga tahun pertama ini telah berlaku pertambahan jumlah kapal wap dagang ke pelabuhan-pelabuhan utama di Borneo Utara. Dalam tempoh ini juga didapati ekonomi Borneo Utara ketika itu semakin meningkat. Hal ini terbukti apabila pada tahun pertama, sebanyak 62 buah kapal telah tiba di Borneo Utara dan bilangan kapal yang berlabuh di Borneo Utara ini kemudiannya telah meningkat pada tahun ketiga iaitu sebanyak 99 buah kapal.³ Bagi meningkatkan sektor ekonomi di Borneo Utara, pihak SBUB telah menggalakkan kemasukan kapal wap dari luar untuk menjalankan aktiviti perkapalan dan perdagangan di pelabuhan-pelabuhan Borneo Utara. Secara tidak langsung, hal ini dapat memudahkan urusan menghantar sumber bahan mentah ke Eropah. Operasi syarikat perkapalan di Borneo Utara terbahagi kepada dua, iaitu yang pertama ialah syarikat perkapalan yang membuka ibu pejabat mereka di Borneo Utara dan yang kedua ialah syarikat perkapalan yang berpusat dari luar namun terlibat secara langsung dengan aktiviti perkapalan di Borneo Utara.

Jadual 1 Syarikat perkapalan (Kapal Wap) yang berpusat di Borneo Utara

Nama Syarikat	Ibu Pejabat	Kawasan Operasi	Tempoh Operasi
Butterfield & Swire Co	Sandakan	Sandakan, Kudat, Labuan, Singapura dan Hong Kong	1883-1941
China Borneo & Company	Sandakan	Sandakan, pantai timur Borneo Utara dan Hong Kong	1888-1920
Messrs, Mansfield Boorgardt and Company	Sandakan	Sandakan, Labuan dan Singapura	1883-1941
Behn, Meyer & Co	Sandakan	Sandakan, Labuan, Kudat, Teluk Darvel, Teluk Marudu dan Singapura	1888-1941
Sabah Steamship Company	Sandakan	Sandakan, Kudat, Labuan, Gaya, Tawau, Teluk Darvel, Teluk Marudu, Sulu dan Singapura	1894-1941

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada British North Borneo Herald, 1 Januari 1941, hlm. 5.

Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat bahawa kesemua syarikat perkapalan tersebut membuka ibu pejabat di Sandakan yang ketika itu merupakan pusat pentadbiran SBUB. Malah, tempoh operasi syarikat perkapalan juga hampir sama, iaitu bermula dari tahun 1888 sehingga tahun 1941 di mana tempoh tersebut merupakan tempoh pentadbiran SBUB di Borneo Utara.

Antara syarikat kapal wap yang membuka ibu pejabat di Borneo Utara ialah *Butterfield & Swire Co* yang merupakan syarikat perkapalan dan perdagangan yang terlibat dalam pelbagai kegiatan seperti aktiviti pertanian dan perkapalan dalam skala yang besar khususnya di Asia. Syarikat ini dimiliki oleh *John Swire & Sons* dan dibentuk hasil daripada tiga buah syarikat yang melibatkan *John & William, R.S Butterfield* dan *John Swire & Sons*. Syarikat ini membuka ibu pejabat mereka yang pertama di Asia iaitu di Shanghai pada tahun 1867. Menjelang abad ke-19, terdapat banyak cawangan syarikat tersebut dibuka di Asia seperti Jepun, Sungai Yantze dan persisiran pantai China.⁴ Kejayaan membuka ibu pejabat di luar China mendorong syarikat ini untuk membuka ibu pejabat di Asia Tenggara seperti di Singapura, Jawa, Filipina dan Borneo Utara.⁵ Syarikat perkapalan ini menjadikan Pelabuhan Sandakan, Jesselton, Kudat, Labuan dan Tawau sebagai pelabuhan pilihan untuk kapal-kapalnya berlabuh. Syarikat ini juga memulakan operasinya di Borneo Utara pada tahun 1886 dengan menggunakan kapal wap *Loong Mon* yang mengangkut kargo berisi kayu balak untuk dieksport. Syarikat ini juga menyediakan kapal pengangkut *S.S Hankow* untuk membawa penumpang yang akan beroperasi antara Sandakan dan Labuan ke Shanghai serta Hong Kong.⁶ Selain daripada membawa penumpang dan juga kargo, syarikat perkapalan ini juga turut memberikan insurans maritim untuk melindungi kapal-kapal dagang yang menjalankan aktiviti perdagangan di Borneo Utara dan Hong Kong. Insurans tersebut bertujuan untuk melindungi kapal-kapal wap daripada sebarang perkara yang tidak diingini sepanjang mereka belayar ke Borneo Utara dan juga sebaliknya.⁷

Seterusnya, ialah *China Borneo Company* yang diasaskan di London pada tahun 1888. Syarikat perkapalan ini lebih memberi fokus kepada aktiviti pengeksportan kayu balak dari Borneo Utara. Lazimnya, kayu balak dari Borneo Utara mempunyai permintaan yang tinggi khususnya dari negara China, Australia dan Amerika Syarikat. Bagi tujuan tersebut, beberapa buah kapal milik syarikat ini telah ditugaskan untuk membawa bekalan kayu balak dengan jumlah yang besar ke China dan Australia dari Pelabuhan Sandakan. Antaranya ialah *S.S Sandakan, S.S Poh Ann, S.S Ascanius, S.S Normanhurst, S.S Menon* dan *S.S Normanby*. Selain itu, syarikat perkapalan ini juga turut membawa buruh dari China ke Borneo Utara dengan menggunakan kapal *S.S Ascanius* ke pelabuhan Sandakan.⁸

Syarikat perkapalan yang ketiga ialah *Messrs Mansfield Boogardt and Company* menjadi salah satu syarikat perkapalan yang banyak menyediakan perkhidmatan perkapalan di Borneo Utara. Syarikat ini bukan sahaja menyediakan kemudahan kargo, malah juga menyediakan perkhidmatan membawa hasil komoditi seperti kayu balak, tembakau, teh, kopi, sarang burung dan hasil laut dari Borneo Utara untuk dipasarkan ke luar negara. Kebanyakan kapal syarikat perkapalan ini beroperasi dari Sandakan, Labuan, Gaya ke Singapura dan Hong Kong. Selain itu, ia juga menyediakan perkhidmatan kapal wap pengangkut, penumpang dan membawa surat dari Borneo Utara. Dalam hal ini, syarikat perkapalan tersebut tidak hanya memberi fokus kepada satu perkhidmatan sahaja namun mempelbagaikan perkhidmatan bagi menarik pelabur, pedagang dan orang ramai untuk menggunakan perkhidmatan syarikat perkapalan tersebut. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya syarikat ini menjadi pilihan para pegawai SBUB, saudagar Cina dan juga pemilik-pemilik estet untuk menggunakan perkhidmatannya. Malah, boleh dikatakan bahawa syarikat ini merupakan antara syarikat perkapalan yang mengaut keuntungan tertinggi di Borneo Utara.⁹

Syarikat perkapalan *Behn, Meyer & Co* ditubuhkan pada 1 November 1840 di Singapura. Syarikat ini ditubuhkan hasil daripada kerjasama dua orang rakan kongsi iaitu Theodor August Behn dan Valentin Lorend Meyer yang berbangsa Jerman. Syarikat ini memainkan peranan penting dalam aktiviti perdagangan di Asia Tenggara yang meliputi Singapura, Pulau Pinang, Sarawak dan Borneo Utara.¹⁰ Hasil kekayaan sumber mentah yang dimiliki oleh Borneo Utara menyebabkan syarikat ini berminat untuk menjalinkan hubungan dagangan dengan pihak SBUB. Antara perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat ini ialah penyediaan perkhidmatan kapal pengangkut untuk mengangkut hasil sagu dari Pelabuhan Sandakan ke Singapura sebelum dihantar ke Jerman. Syarikat ini juga turut terlibat dalam aktiviti pengeksporan hasil sarang burung dari Goa Gomantong,¹¹ selain terlibat dalam aktiviti mengangkut hasil tembakau dari estet-estet tembakau di Teluk Darvel, Teluk Marudu, Kudat, Kinabatangan dan Sandakan. Keadaan ini secara tidak langsung telah menyebabkan hasil keluaran tembakau di Borneo Utara telah berjaya mengatasi hasil keluaran tembakau dari Deli, Sumatera. Situasi ini juga telah menyebabkan tembakau dari Borneo Utara mendapat permintaan yang tinggi khususnya dari Eropah. Hasilnya, syarikat ini telah menjadi orang tengah yang bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan perkapalan untuk membawa hasil tembakau dari Borneo Utara ke Amsterdam.¹²

Seterusnya, ialah syarikat perkapalan milik Borneo Utara iaitu *Sabah Steamship Company* yang ditubuhkan pada tahun 1894. *Sabah Steamship Company* mempunyai tiga buah kapal wap iaitu *S.S Sabah*, *S.S Normanhurst* dan *S.S Kinabalu*.¹³ Syarikat perkapalan ini menjadikan Sandakan sebagai ibu

pejabat dan menjalankan aktiviti perkapalan sekitar kawasan Borneo Utara yang melibatkan Labuan, Silam, Segama, Kudat, Sandakan, Kinabatangan, Teluk Marudu, Teluk Darvel dan kawasan-kawasan lain di Borneo Utara.¹⁴ Kapal-kapal *Sabah Steamship Company* bersaiz kecil dan tidak mampu untuk melalui perjalanan yang jauh dan hanya mampu beroperasi di pelabuhan Borneo Utara sahaja. Setiap kapal dari syarikat ini mempunyai fungsi berlainan. Contohnya, *S.S Saba* merupakan kapal wap yang beroperasi di sungai seperti Kinabatangan, Segama, Silam dan sebagainya. Selain itu, *S.S Kinabalu* merupakan kapal pengangkut bersaiz besar yang mampu mengangkut kargo sebanyak 2000 tan. Oleh kerana saiz kapal pengangkut ini besar, maka kapal ini akan beroperasi di antara pelabuhan-pelabuhan di Borneo Utara dan juga Sulu.¹⁵

Selain daripada syarikat-syarikat luar yang berpangkalan dan membuka ibu pejabat di Borneo Utara, terdapat juga beberapa syarikat perkapalan dari luar yang beroperasi di Borneo Utara antaranya *Eastern and Australian Steam Navigation Company*, *China Navigation Company*, *Koninklijke Paketvaart Maatschappij* dan banyak lagi. Kesemua syarikat perkapalan ini menyediakan perkhidmatan membawa barang kargo dan menyediakan perkhidmatan membawa penumpang.

Jadual 2 Syarikat perkapalan luar yang beroperasi di Borneo Utara

Nama Syarikat	Ibu Pejabat	Kawasan Operasi	Tempoh Operasi
Eastern and Australian Steam Navigation Company	Queensland	Sandakan, Labuan, Port Darwin	1883-1941
Adelaide Steamship Company	Adelaide	Sandakan, Labuan, Kudat, Port Darwin, Sydney, Manila, Jepun	1883-1941
China Navigation Company	Hong Kong	Sandakan, Labuan, Teluk Darvel, Hong Kong	1883-1941
The Nord Deuschter Lloyd	Bremen	Sandakan, Labuan, Bangkok, Hong Kong, Singapura, Manila, Kobe	1883-1941
The Blue Funnel	United Kingdom	Singapura, Sandakan, Labuan, Kudat, tawau	1883-1960
Indo-China Steam Navigation	Canton	Sandakan, Labuan, Jesselton, Kudat, Hong Kong, Shanghai	1883-1960
Oceanic Steamship Company	New York	Sandakan, Jesselton, Labuan, Kudat, Manila, New York	1885-1926
Swedish East Asia Line	Hong Kong	Sandakan, Labuan, Singapura, Hong Kong	1926-1959

Bank Line	London	Labuan, Teluk Marudu, Teluk Darvel, Sandakan, Singapura, Hong Kong	1905-1959
Straits Steamship Company	Singapura	Sandakan, Labuan, Singapura	1948-1961
Koninklijke Paketvaart Maatschappij	Batavia	Sandakan, Afrika Selatan, Hong Kong, Jepun	1949-1960
Royal Inter-ocean Line	Amsterdam	Sandakan, Afrika Selatan, Hong Kong, Jepun	1949-1960

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *Annual Report of the Marine Department 1947-1961*, hlm. 13-60.

Berdasarkan jadual di atas, antara syarikat perkapalan dari luar (tidak berpangkalan di Borneo Utara) antaranya ialah *China Navigation Company* yang diasaskan pada tahun 1927 di London. Hubungan dagangan antara syarikat perkapalan ini dengan pihak SBUB bermula pada tahun 1882. Syarikat ini menjalankan aktiviti mengangkut kayu balak belian dari Pelabuhan Sandakan untuk dihantar ke China. Kekayaan sumber kayu balak yang dimiliki oleh Borneo Utara ini telah menyebabkan syarikat tersebut berminat untuk melibatkan diri dalam urusan penghantaran kayu balak. Oleh itu, syarikat perkapalan ini telah menggunakan dua buah kapal wap untuk mengangkut kayu balak dari Borneo Utara. Syarikat ini juga membawa buruh Cina ke Borneo Utara untuk bekerja di ladang-ladang tembakau yang dimiliki oleh *London Tobacco Company*, *Lahad Datu Estate Company*, *Rotterdam Tobacco Company*, *British Borneo Trading and Planting Company* dan lain-lain lagi. Antara kapal milik syarikat tersebut yang beroperasi antara Borneo Utara dan pelabuhan luar ialah *Changsha*, *Woosung* dan *Taiyuan*. Syarikat perkapalan ini juga turut menyediakan perkhidmatan mengangkut kayu balak dari Borneo Utara dalam jumlah yang besar ke Australia dan beberapa negara lain.¹⁶

Selain itu, Borneo Utara juga turut menerima kemasukan kapal wap dari Amerika Syarikat iaitu *Oceanic Steamship Company* yang diasaskan pada tahun 1881. Bagi meluaskan pasaran dagangan syarikat perkapalan tersebut, pihak syarikat telah memilih Borneo Utara sebagai kawasan perdagangan yang baharu kerana dilihat memiliki potensi yang besar dan mampu memberikan keuntungan yang berlipat kali ganda. Antara perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat ini ialah kapal pengangkut, kapal penumpang dan membawa sumber bahan mentah dari Borneo Utara untuk dieksport ke Amerika Syarikat. Borneo Utara menjadi pilihan syarikat perkapalan ini bertujuan untuk melebarkan jaringan perdagangan mereka di Asia Tenggara. Antara kapal yang digunakan oleh syarikat ini untuk beroperasi di Borneo Utara ialah *S.S Mariposa*, *Ventura* dan *Sonoma* yang merupakan kapal penumpang dan digunakan

untuk membawa golongan elit. Di samping itu, syarikat ini juga menjadikan pelabuhan-pelabuhan di Borneo Utara sebagai pelabuhan persinggahan bagi penumpang dari Amerika Syarikat yang ingin berkunjung ke Australia. Sebelum kapal penumpang tersebut tiba di Australia, kapal wap milik syarikat ini akan singgah di Singapura dan Borneo Utara untuk mengambil penumpang sebelum meneruskan perjalanan mereka ke Australia.¹⁷

Di samping itu, *The Indo-China Steam Navigation* anak syarikat milik *Jardine, Matheson & Co* yang ditubuhkan pada tahun 1873 dan berpangkalan di Hong Kong merupakan antara syarikat perkapalan yang terbesar serta mempunyai pengaruh luas dalam industri perkapalan dan perdagangan khususnya di sekitar Hong Kong, China dan Jepun. Syarikat perkapalan ini menyediakan perkhidmatan membawa penumpang dan perkhidmatan kargo. Selain itu, syarikat ini juga menyediakan perkhidmatan membawa kayu balak dalam kuantiti yang besar ke Hong Kong. Dalam masa yang sama, syarikat ini turut menyediakan perkhidmatan membawa buruh Cina untuk bekerja di estet-estet tembakau, kilang, kayu dan juga lombong emas. Antara kawasan operasi syarikat perkapalan ini ialah Singapura, Bangkok, Batavia, Borneo Utara dan Manila. Syarikat ini memiliki banyak kapal yang beroperasi di Borneo Utara, antaranya ialah *Fuh Wo*, *Eld Dorado* dan *Fok Sang* yang terlibat dalam aktiviti pembalakan dan membawa buruh Cina untuk bekerja di estet tembakau di Kudat, Teluk Darvel dan Teluk Marudu. Bagi aktiviti membawa penumpang pula, kapal-kapal seperti *Eastern Moon*, *Fausang*, *Foo Shing* dan *Han Woo* akan singgah di pelabuhan Sandakan, Labuan, Kudat, Tawau dan Jesselton.¹⁸

Pihak Belanda menubuhkan syarikat *Koninklijke Paketvaart-Maatschappij* (KPM) pada tahun 1888 dan menyediakan perkhidmatan perkapalan khusus bagi kawasan Kepulauan Jawa dan sekitarnya. Terdapat 140 kapal milik KPM yang menyediakan perkhidmatan perkapalan dari Hindia Timur Belanda ke Afrika Selatan, Australia, China dan sebahagiannya turut menyediakan perkhidmatan ke Singapura. KPM diasaskan oleh *Stoomvaart Maatschappij Nederland* and *Rotterdamsche Lloyd* pada tahun 1888. Kedua-dua syarikat perkapalan ini telah menyediakan perkhidmatan perkapalan secara tetap antara Belanda dan Pulau Jawa selama hampir dua tahun. Malah, KPM juga merupakan syarikat perkapalan yang bertanggungjawab membawa buruh Jawa untuk bekerja di Borneo Utara setelah pihak Belanda enggan menggunakan kapal milik British untuk membawa golongan buruh ke Borneo Utara. Seperti kebanyakan syarikat perkapalan lain, syarikat perkapalan ini juga terlibat dalam aktiviti mengangkut kayu balak dari Borneo Utara ke Australia dan Hong Kong.¹⁹

The Straits Steamship Company merupakan syarikat perkapalan yang terkemuka dan banyak menyediakan perkhidmatan perkapalan. Syarikat ini ditubuhkan dengan nama asal *The Straits Navigation Company* di Singapura pada 20 Januari 1890 dan merupakan idea asal Theodore Cornelius Boogardt yang berbangsa Belanda. Beliau merupakan salah seorang daripada tujuh ahli lembaga pengarah syarikat tersebut. Sebelum penubuhan *Straits Steamship*, syarikat-syarikat perkapalan di Singapura dikendalikan oleh syarikat-syarikat perkapalan dari Britain, Jerman, Perancis, Itali dan Belanda. Pengarah *Manfield & Company* iaitu A. P., Adam, D.J., Mathens dan J. Burkinshaw telah bekerjasama dengan beberapa orang jutawan seperti Tan Jiak Kim, Tan Keong Saik dan Lee Cheng Yen untuk membentuk jaringan kerjasama antara Singapura dan Eropah bagi mengendalikan urusan perkapalan. Syarikat perkapalan ini juga turut terlibat dalam aktiviti mengangkut biji timah, kopi, lada, getah dan tembakau. Sebagai contoh, sekitar tahun 1900, syarikat kapal wap ini telah mengambil kontrak penghantaran hasil getah dari Sandakan untuk dibawa ke Singapura dan turut terlibat dalam aktiviti penghantaran kayu balak dari Sandakan dan Labuan ke Singapura serta Hong Kong. Malah, syarikat perkapalan ini juga didapati terlibat dalam perkhidmatan membawa penumpang dan kebanyakannya terdiri daripada buruh-buruh Cina yang bekerja di ladang getah dan lombong biji timah. Antara kapal yang sering dilihat menjalankan aktiviti perkapalan di Borneo Utara ialah *Marudu*, *Darvel* dan *Mausung*.²⁰

Kapal Pengangkut Penumpang

Aktiviti kapal penumpang di Borneo Utara juga berkembang dengan pesat. Kapal-kapal penumpang ini bertanggungjawab membawa pegawai atasan SBUB, pemodal dan juga pedagang. Antara syarikat perkapalan yang menyediakan perkhidmatan tersebut ialah *Eastern and Australian Steam Navigation Company*. Syarikat perkapalan ini menyediakan perkhidmatan kapal penumpang khususnya kepada pegawai atasan SBUB di Borneo Utara dan juga pegawai British di Australia untuk bertemu dan berbincang mengenai pengurusan pelabuhan di Borneo Utara dan juga perkembangan ekonomi kedua-dua tanah jajahan.²¹

Terdapat juga kapal-kapal penumpang yang menjadikan pelabuhan di Borneo Utara sebagai pelabuhan persinggahan sebelum meneruskan perjalanan. Syarikat perkapalan *Oceanic Steamship Company* membawa penumpang dari Amerika Syarikat ke Australia dan akan singgah di pelabuhan Singapura dan juga pelabuhan di Borneo Utara untuk mengambil penumpang.²² Syarikat perkapalan tersebut merupakan antara syarikat perkapalan yang aktif dalam menyediakan perkhidmatan kapal penumpang dan kapal pengangkut.

Seterusnya, ialah *The Blue Funnel Line* yang dimiliki oleh syarikat *Achilles*, *Agamemnon*, *Ajax*, *Anchises* dan *Titan* merupakan kapal penumpang yang sering dilihat beroperasi di pelabuhan-pelabuhan Borneo Utara. Kapal-kapal penumpang syarikat ini membawa pegawai atasan SBUB, ahli keluarga dan orang-orang Eropah. Kapal wap syarikat ini juga telah menghubungkan pelabuhan di Borneo Utara dengan Australia dan Manila.²³

Syarikat perkapalan *Indo-China Steam Navigation* yang membawa buruh Cina ke Borneo Utara turut menyediakan perkhidmatan kapal penumpang. Antara kapal syarikat yang terlibat ialah *Eastern Moon*, *Fausang*, *Foo Shing* dan *Han Woo*. Kapal milik syarikat perkapalan ini membawa penumpang dari pelabuhan seperti Hong Kong dan Manila ke Borneo Utara. Antara pelabuhan yang disinggahi untuk mengambil penumpang ialah Sandakan, Labuan, Kudat, Jesselton dan Tawau.²⁴

Royal Inter-ocean Line merupakan syarikat perkapalan milik Belanda. Laluan operasi bagi syarikat perkapalan ini ialah Borneo Utara dan Jepun. Pelabuhan-pelabuhan di Borneo Utara dijadikan sebagai pelabuhan persinggahan untuk membaiki kapal dan juga mengisi bekalan untuk perjalanan seterusnya. Antara kapal milik syarikat ini yang digunakan untuk membawa penumpang ialah *Tjiwangi* yang membawa penumpang seramai 200 orang dari Melbourne ke Sandakan dan seterusnya ke Jepun. *Tjiwangi* dan *Tjiluwah* merupakan dua buah kapal milik syarikat ini yang membawa penumpang dari Australia, Jepun, New Zealand dan juga Borneo Utara.²⁵

Kewujudan perkhidmatan perkapalan penumpang di Borneo Utara dan juga pelabuhan-pelabuhan luar yang lain telah membawa keuntungan kepada pihak SBUB. Hal ini demikian kerana pelabuhan-pelabuhan tersebut telah menjadi tumpuan kapal-kapal penumpang untuk mengambil penumpang. Malah, ada yang menjadikan pelabuhan Borneo Utara sebagai pelabuhan persinggahan untuk membaiki sebarang kerosakan kapal dan juga mengisi bekalan. Tidak dinafikan dengan adanya kapal penumpang di Borneo Utara, ekonomi Borneo Utara semakin berkembang.

Aktiviti perkapalan di Borneo Utara boleh dibahagikan kepada dua, iaitu kapal kargo yang bertanggungjawab membawa hasil dagangan ke Borneo Utara dan juga kapal penumpang yang membawa penumpang dari pelabuhan luar ke pelabuhan-pelabuhan utama di Borneo Utara. Langkah syarikat perkapalan yang membuka ibu pejabat dan juga berpusat di Borneo Utara, telah memudahkan lagi aktiviti perkapalan. Kebanyakan syarikat perkapalan (kapal wap) yang berpusat dari di Borneo Utara merupakan syarikat perkapalan yang berasal dari Eropah seperti *Messrs. Mansfield Boogardt and Company* dan

Behn, Meyer & Co. Kebanyakan syarikat perkapalan ini menjadikan Pelabuhan Sandakan sebagai pelabuhan utama untuk menjalankan aktiviti perkapalan mereka. Kebanyakan kapal dari syarikat perkapalan ini juga terlibat dalam aktiviti mengangkut kayu balak, tembakau dan beberapa lagi sumber bahan mentah Borneo Utara untuk dipasarkan di Eropah kerana hasil keluaran Borneo Utara mendapat permintaan tinggi di Eropah.

Selain itu, syarikat perkapalan luar yang beroperasi di Borneo Utara juga kebanyakannya terdiri daripada syarikat perkapalan Eropah, Australia, Amerika Syarikat dan beberapa buah negara lagi. Syarikat-syarikat perkapalan ini juga turut terlibat dalam aktiviti mengeksport kayu balak Borneo Utara ke negara-negara luar. Pada masa yang sama, syarikat perkapalan tersebut turut membawa golongan buruh untuk bekerja di Borneo Utara. Hal ini menunjukkan bahawa aktiviti perkapalan di Borneo Utara bukan sahaja tertumpu semata-mata dengan aktiviti ekonomi dan perdagangan sahaja, malah ia juga melibatkan aktiviti membawa penumpang dan tenaga kerja ke Borneo Utara.

Aktiviti Pelabuhan di Borneo Utara

Pembukaan dan perkembangan laluan maritim di Borneo Utara telah membawa kepada perkembangan aktiviti perkapalan dan juga pelabuhan di Borneo Utara. Pelabuhan-pelabuhan di Borneo Utara mula didatangi oleh kapal-kapal dari luar untuk tujuan perdagangan dan membawa penumpang. Keadaan ini secara tidak langsung telah membawa kepada perkembangan pelabuhan-pelabuhan di Borneo Utara. Oleh hal yang demikian, pihak SBUB telah mengambil langkah dengan membangunkan pelabuhan-pelabuhan pesisir pantai untuk dijadikan sebagai pelabuhan utama bagi menggantikan pelabuhan muara sungai.

Pelabuhan muara sungai terletak di muara sungai dan mempunyai kedalaman air yang cetek dan kelebaran sungai yang agak sempit. Situasi ini telah menjadi faktor kepada kesukaran kapal-kapal dagang yang bersaiz besar untuk berlabuh. Oleh itu, semasa pentadbiran SBUB, pelabuhan muara sungai mengalami kemerosotan kerana kurangnya kapal-kapal dagang yang singgah di pelabuhan muara sungai menyebabkan pihak SBUB mengambil keputusan untuk membangunkan pelabuhan utama sebagai gantinya. Namun, pelabuhan muara sungai masih berfungsi sebagai pelabuhan pembekal dan tempat pengumpulan hasil tanaman serta hasil komoditi sebelum dihantar ke pelabuhan utama. Tidak dinafikan peranan yang dimainkan oleh pelabuhan-pelabuhan muara sungai sebelum kemunculan pelabuhan pesisir pantai sedikit sebanyak membawa keuntungan kepada Borneo Utara. Pembinaan pelabuhan di Borneo Utara mempunyai kaitan dengan pentadbiran SBUB. Semasa pentadbiran SBUB di Borneo Utara, pihak SBUB telah melaksanakan pelan

pembangunan terhadap ekonomi dan pembinaan semula infrastruktur serta pembinaan semula pelabuhan-pelabuhan utamanya. Antaranya termasuklah penambahan keluasan dermaga, bilangan tempat kapal berlabuh yang melibatkan perkapalan laut dan pesisir pantai.²⁶

Pelabuhan memainkan peranan penting dalam urusan eksport dan import. Malah, ia juga berperanan sebagai tempat pengumpulan hasil komoditi sebelum dipasarkan. Selain itu, pelabuhan juga berperanan sebagai tempat persinggahan bagi kapal-kapal dagang mengisi bekalan dan juga memperbaiki sebarang kerosakan semasa pelayaran. Kebanyakan kawasan pelabuhan di Borneo Utara akan dibangunkan menjadi bandar pelabuhan dan petempatan bagi merangsang aktiviti ekonomi di kawasan sekitar. Antara pelabuhan utama yang dibangunkan oleh pihak SBUB ialah Pelabuhan Victoria (Labuan), Pelabuhan Jesselton, Kudat, Sandakan dan Tawau. Kesemua pelabuhan ini merupakan pelabuhan penting kepada Borneo Utara kerana menjadi tumpuan syarikat-syarikat perkapalan untuk menjalankan aktiviti perkapalan.

Pelabuhan Victoria/Labuan

Labuan pada asalnya merupakan sebahagian daripada Kesultanan Brunei lalu diserahkan kepada pihak British setelah pihak British menggunakan pulau yang tidak berpenghuni itu sebagai tapak operasi menentang lanun. Kemudian, pada tahun 1890, Labuan diletakkan di bawah pentadbiran Borneo Utara dan mula dikenali dengan nama *Victoria*.²⁷ Labuan terletak di sebelah pantai barat laut Borneo yang berada di laluan Teluk Brunei dan hampir keseluruhan pantainya menghadap ke Laut China Selatan. Labuan mempunyai sebuah pelabuhan laut dalam yang semula jadi yang dikenali sebagai *Victoria Harbour* yang terletak di bahagian tenggara pulau tersebut.²⁸

Faktor ekonomi mendorong pemilihan Labuan sebagai sebuah pelabuhan. Kedudukannya sangat strategik di pantai barat Borneo dan merupakan laluan perdagangan antara Singapura dan Hong Kong. Pembukaan Labuan sebagai sebuah pelabuhan sedikit sebanyak memberi jaminan keselamatan kepada pihak British dalam menjalankan aktiviti perdagangan mereka dan sekali gus membawa kepada perkembangan Bandar Victoria. Di pelabuhan tersebut, banyak kedai telah didirikan, terutamanya oleh golongan pedagang Cina dari Brunei dan terdapat juga pedagang India yang datang ke Labuan untuk berdagang. Pedagang Cina dan India lebih gemar berdagang di India berbanding Brunei kerana sikap segelintir pemerintah Brunei yang mengambil barang dagangan mereka tanpa membayar hutang. Sikap ini tidak disenangi oleh para pedagang mengakibatkan mereka lari dan mengambil keputusan untuk berdagang di Labuan.²⁹

Bukan itu sahaja, sebagai sebuah pelabuhan perlindungan bagi British, pelabuhan ini juga menjadi sebuah hab perdagangan bagi British di Asia Tenggara. Kewujudan pusat pengumpulan arang batu British di Laut China Selatan membolehkan perdagangan British tidak hanya terbatas di pasaran Asia Tenggara sahaja namun ia juga melibatkan pasaran antarabangsa. Malah, menjelang abad ke-20 hingga tahun 1923, wujud hubungan perdagangan secara multilateral British dengan negara-negara seperti Jerman, Australia, Itali, Perancis dan Amerika Syarikat. Hal ini menunjukkan bahawa pembukaan pelabuhan Labuan, sedikit sebanyak telah membawa keuntungan kepada pihak British. Pelabuhan ini turut berperanan sebagai pelabuhan *transshipment* bagi mengumpul hasil perdagangan yang dibawa masuk dari kawasan Borneo seperti Sarawak dan Brunei.

Pelabuhan Kudat

Pembinaan pelabuhan di Borneo Utara berkait rapat dengan pentadbiran SBUB. Pihak SBUB berusaha untuk membangunkan infrastruktur di setiap pelabuhan bagi menarik lebih banyak syarikat perkapalan datang ke pelabuhan di Borneo Utara. Antaranya termasuklah penambahan keluasan dermaga, bilangan tempat kapal berlabuh yang melibatkan perkapalan laut dalam dan pesisir pantai.³⁰ Pelabuhan Kudat merupakan salah satu pelabuhan utama yang dibangunkan oleh pihak SBUB di bahagian utara Borneo Utara. Pihak SBUB telah menyediakan pelbagai perancangan untuk membangunkan Kudat sebagai bandar pelabuhan yang mampu menarik pedagang luar untuk datang.

Hal ini terbukti apabila Pelabuhan Kudat telah menjadi salah satu daripada pusat mengeksport komoditi utama kopi, koko dan kopra yang merupakan hasil pertanian utama di Kudat. Walaupun Kudat merupakan pusat pentadbiran bagi SBUB, tetapi para pedagang enggan singgah di Pelabuhan Kudat atas alasan kedudukan Kudat yang jauh dan para pedagang lebih memilih untuk singgah di Pelabuhan Labuan. Pihak SBUB juga mengalami kesukaran untuk menjalankan urusan pentadbiran khususnya bagi kawasan-kawasan pedalaman kerana kedudukannya yang agak jauh dari pusat pentadbiran. Akhirnya, pihak SBUB telah bertindak memindahkan pusat pentadbirannya ke Sandakan.

Pelabuhan Sandakan dan Tawau

Sandakan menjadi pusat pentadbiran SBUB yang kedua setelah pihak SBUB mengambil keputusan untuk mengubah pusat pentadbiran dari Kudat ke Sandakan. Pelabuhan Sandakan menjadi tumpuan aktiviti perkapalan sejak ia dijadikan sebagai pusat pentadbiran pada tahun 1884. Pelbagai usaha telah dilakukan untuk membangunkan Pelabuhan Sandakan ketika itu. Antara

usaha yang dilakukan ialah membina beberapa infrastruktur pelabuhan seperti gudang, limbungan, dermaga, tempat menyimpan bekalan arang batu serta kawasan untuk kapal-kapal wap berlabuh. Selain itu, pihak SBUB juga menyediakan kemudahan sokongan seperti alat-alat pandu layar seperti boya dan alat-alat pandu suar. Kesemua kemudahan ini disediakan bagi memberikan keselesaan dan kemudahan kepada pedagang dan anak-anak kapal.



Foto 1 Pelabuhan Sandakan pada tahun 1903

Sumber: Hanizah Hj Idris, *Perdagangan Pelabuhan di Borneo*, hlm.86.

Pelabuhan Tawau pula merupakan pelabuhan kedua terpenting di kawasan pantai timur selepas Pelabuhan Sandakan. Tawau telah dibuka pada tahun 1893 kerana pihak SBUB melihat potensinya sebagai sebuah bandar pelabuhan di timur Borneo Utara yang strategik dan kaya dengan tanah yang subur. Perlu difahami bahawa perkembangan Pelabuhan Tawau seiring dengan berkembangnya sektor pertanian di daerah tersebut. Pelabuhan Tawau juga mengalami pembangunan pesat khususnya dalam pengeksporan getah dan kayu balak. Hasil komoditi seperti getah, *manila hemp* dan kayu balak telah membantu membangunkan Tawau, sekali gus pelabuhannya.

Pelabuhan Jesselton

Jesselton telah menjadi pusat pentadbiran Borneo Utara yang ketiga selepas SBUB memindahkan pusat pentadbirannya dari Sandakan ke Jesselton. Pelabuhan Jesselton berperanan sebagai sebuah pelabuhan yang menjadi tumpuan bagi pengumpulan bahan mentah khususnya dari kawasan pedalaman seperti Keningau, Beaufort dan Melalap. Kedudukan Jesselton yang terletak di bahagian teluk selatan Gaya menjadikannya salah sebuah pelabuhan utama di kawasan pantai barat Borneo Utara. Pada tahun 1899, pihak SBUB mengambil keputusan untuk membangunkan Jesselton sebagai sebuah bandar pelabuhan.³¹

Pembinaan Pelabuhan Jesselton sejajar dengan pemindahan pusat pentadbiran Borneo Utara dari Sandakan ke Jesselton. Pada awalnya, Jesselton bukanlah pilihan utama untuk menggantikan Sandakan. Lokasi awal yang terpilih adalah Gaya namun, kawasan Gaya hampir keseluruhannya musnah akibat pemberontakan Mat Salleh dan pengikutnya pada tahun 1897. Oleh itu, William Clark Cowie memilih Jesselton untuk menggantikan Gaya kerana melihat potensinya sebagai pusat perdagangan yang penting khususnya apabila landasan kereta api siap dibina kelak. Perkara ini sekali gus memudahkan urusan untuk membawa hasil komoditi dari ladang ke kawasan pelabuhan. Cowie beranggapan bahawa Jesselton juga turut memiliki kelebihan semula jadi seperti tanah yang rata dan sangat sesuai untuk dijadikan pekan berbanding Gaya.³² Jesselton juga mempunyai sumber air yang banyak untuk kegunaan seharian dan terlindung daripada ancaman taufan sepertimana yang dilaporkan oleh akhbar British iaitu;

With a view to supplying a good coast station for the railway proposed to be put in hand along the West Coast from Beaufort, the Commisioner of Lands, Mr. Henry Walker, was recently instructed to inspect the South Channel from Gaya Bay. We now learn that has resulted in the discovery of a very suitable town site and anchorage on the coast nearly opposite to old Gaya. Mr. Walker reports that there are about thirty acres of good dry flat land, over six chains wide and half a mile long, available for a town. They lie at the foot of low grassy hills on which there are good bungalow sites and there is good anchorage at a distance of less than half a mile which can be reached by a stone mole and wooden pier. At the T head the depth at low water will be 24 feet, sufficient for ocean-going steamers.³³

Secara keseluruhannya, selepas pembukaan Pelabuhan Labuan oleh pihak SBUB pada tahun 1846, lebih banyak pelabuhan yang muncul di Borneo Utara terutamanya pelabuhan pesisir pantai. Antara pelabuhan utama yang dibangunkan ialah Pelabuhan Jesselton, Sandakan, Kudat dan Tawau. Bermula dengan pelabuhan di muara sungai sebagai pusat pengumpulan hasil hutan dari kawasan pedalaman kemudiannya berpindah ke pelabuhan pesisir pantai yang lebih besar dan strategik, sekali gus telah meningkatkan pendapatan sumber ekonomi SBUB. Dalam masa yang sama, pembinaan landasan kereta api yang menghubungkan bandar-bandar pelabuhan di Borneo Utara telah memudahkan lagi kerja-kerja membawa hasil dagangan eksport ke pelabuhan-pelabuhan dengan lebih cepat dan teratur. Sehubungan dengan itu, kewujudan pelabuhan ini secara tidak langsung telah menjadi salah satu aspek yang terpenting dalam pembangunan perdagangan Borneo Utara.

Kesimpulan

Aktiviti perkapalan dan pelabuhan berkait rapat antara satu sama lain dalam memberikan impak positif kepada perkembangan Borneo Utara khususnya semasa pentadbiran SBUB. Pembinaan Terusan Suez telah membawa pembaharuan kepada dunia perkapalan apabila kapal-kapal wap mula menguasai dunia perkapalan dan juga perdagangan. Kapal-kapal layar mula digantikan dengan kapal wap yang mampu belayar lebih lama dan membawa lebih ramai penumpang dan muatan. Dengan kerancakan aktiviti perkapalan, pelabuhan-pelabuhan di Borneo Utara juga semakin berkembang apabila pihak SBUB mengambil langkah untuk membangunkan pelabuhan-pelabuhan pesisir pantai bagi menampung jumlah kapal dagang yang datang ke pelabuhan di Borneo Utara. Hal ini demikian kerana pelabuhan muara sungai tidak mampu untuk menampung jumlah kapal yang banyak dan juga faktor geografi pelabuhan muara sungai yang sempit dan perairan cetek menyebabkan kapal-kapal besar tidak sesuai untuk berlabuh. Kedatangan kapal-kapal wap dari pelbagai syarikat perkapalan ini bukan sahaja bertujuan untuk menjalankan aktiviti perdagangan semata-mata, malah ia juga membawa masuk golongan buruh luar untuk bekerja di sektor ekonomi di Borneo Utara. Dalam masa yang sama, kapal-kapal ini juga menyediakan perkhidmatan membawa penumpang khususnya untuk pegawai-pegawai SBUB yang berkunjung ke destinasi tertentu. Dengan kehadiran syarikat-syarikat perkapalan dan perkembangan pelabuhan di Borneo Utara, pembangunan ekonomi di Borneo Utara semakin berkembang pesat dengan kedatangan kapal-kapal dan golongan pelabur yang secara tidak langsung turut memberikan keuntungan besar kepada SBUB.

Nota

- ¹ Warren, J.F, *The Sulu Zone 1768-1898: The Dynamics of External Trade, Slavery and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State*, Singapore: Singapore University Press, 1985, hlm. 197.
- ² Ismail Ali, *Sejarah Pembudayaan Perahu Tradisi di Sabah*, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2016, hlm. 38.
- ³ Hanizah Hj Idris, *Perkembangan Perdagangan, Perkapalan dan Pelabuhan*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006, hlm. 4.
- ⁴ Shai, A. *The Fate of British and French Films in China 1880-1949*, New York: Springer, 1999, hlm. 4.
- ⁵ Tak Wing Ngo, *Hong Kong's History: State and Society Under Colonial Rule*, United Kingdom: Taylor & Francis, 2001, hlm. 4.
- ⁶ *British North Borneo Herald*, 17 April 1886, hlm. 171.
- ⁷ *British North Borneo Herald*, 2 September 1891, hlm. 251.
- ⁸ *British North Borneo Herald*, 6 Februari 1892, hlm 85.
- ⁹ Ibid.
- ¹⁰ Salma Nasution Khoo, *More Than Merchants: A History of German-Speaking Community in Penang 1880s-1940s*, London: Areca Books, 2006, hlm. 121.
- ¹¹ *British North Borneo Herald*, 15 Julai 1889, hlm. 286.
- ¹² *British North Borneo Herald*, 5 September 1901, hlm. 366.
- ¹³ *British North Borneo Herald*, 26 April 1895, hlm. 166.

- ¹⁴ Ibid.
- ¹⁵ British North Borneo Herald, 1 Januari 1897, hlm. 21.
- ¹⁶ British North Borneo Herald, 11 Mac 1883, hlm. 134.
- ¹⁷ British North Borneo Herald, 8 April 1892, hlm. 166.
- ¹⁸ Annual Report Marine Department, 1950, hlm. 50.
- ¹⁹ British North Borneo Herald, 22 April 1900, hlm. 172.
- ²⁰ Tregonning, K.G., The Origin of the Straits Steamship Company in 1890, Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, vol.38, No.2 (208), Disember 1965, hlm.274-289.
- ²¹ British North Borneo Herald, 11 Mac 1884, hlm.60.
- ²² British North Borneo Herald, 8 April 1892, hlm.166.
- ²³ British North Borneo Herald, 19 Jun 1896, hlm. 251
- ²⁴ Annual Report of the Marine Department, 1950, hlm. 50.
- ²⁵ Annual Report of the Marine Department, 1957, hlm.19.
- ²⁶ Anwar Sullivan dan Cecilia Leong, Commemorative History of Sabah, Sabah State Government, Sabah Centenary Publications Committee, 1981, hlm. 4.
- ²⁷ Dokumen Gazetir Wilayah Persekutuan Labuan, Jawatankuasa Kebangsaan Geografi Malaysia, 2012, hlm. 3.
- ²⁸ Hanizah Hj Idris, op.cit., hlm. 185.
- ²⁹ Singapore Free Press, 1850.
- ³⁰ Anwar Sullivan dan Cecilia Leong, Commemorative History of Sabah, Sabah State Government, Sabah Centenary Publications Committee, 1981, hlm. 204.
- ³¹ Danny Wong, From Gaya to Jesselton, Borneo Research Journal, Vol.1, December 2007, hlm. 31.
- ³² Jesselton Dalam Kenangan (1899-1967), Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah, hlm. 19.
- ³³ British North Borneo Herald, 1899, hlm. 343.

Senarai Rujukan

Dokumen Arkib

Annual Report of the Marine Department, 1950.

Annual Report of the Marine Department, 1957.

British North Borneo Herald, 17 April 1886.

British North Borneo Herald, 2 September 1891.

British North Borneo Herald, 6 Februari 1892.

British North Borneo Herald, 1 Januari 1897.

British North Borneo Herald, 11 Mac 1883.

British North Borneo Herald, 8 April 1892.

British North Borneo Herald, 22 April 1900.

British North Borneo Herald, 8 April 1892.

British North Borneo Herald, 19 Jun 1896.

Dokumen Gazetir Wilayah Persekutuan Labuan, Jawatankuasa Kebangsaan Geografi Malaysia, 2012.

Buku dan Jurnal

Hanizah Hj Idris. (2006). *Perkembangan Perdagangan, Perkapalan dan Pelabuhan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Hanizah Hj Idris. (2006). *Perkembangan Perdagangan, Perkapalan di British Borneo 1800-1963*. Universiti Malaya. (Tesis Dr Falsafah).

Ismail Ali. (2016). *Sejarah Pembudayaan Perahu Tradisi di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Shai, A. (1999). *The Fate of British and French Films in China 1880-1949*. New York: Springer.

- Sullivan, Anwar & Cecilia Leong. (1981). *Commemorative History of Sabah*. Sabah State Government: Sabah Centenary Committee.
- Tak Wing Ngo. (2001). *Hong Kong's History: State and Society Under Colonial Rule*. United Kingdom: Taylor & Francis.
- Tregonning, K.G. (1965). The Origin of the Straits Steamship Company in 1890, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. vol.38, No.2 (208).
- Warren, J.F. (1985). *The Sulu Zone 1768-1898: The Dynamics of External Trade, Slavery and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State*. Singapore: Singapore University Press.

PERKEMBANGAN PERNIAGAAN KECIL MASYARAKAT DUSUN DI TAMU KOTA BELUD, SABAH, 1881-1940

Small Enterprise Development of Dusun Community at Tamu Kota Belud, Sabah, 1881-1940

MARRY LALIM¹

Maktab Rendah Sains Mara Sandakan

E-mel: ¹marrylalim@yahoo.com

Dihantar: 19 Mei 2021/ Diterima: 20 Julai 2021

Abstrak

Artikel ini memfokuskan kepada perkembangan aktiviti perniagaan kecil yang dijalankan oleh masyarakat Dusun di Kota Belud semasa era zaman penjajahan British antara tahun 1881 sehingga tahun 1940. Penulisan artikel ini berdasarkan daripada beberapa sumber primer seperti fail sekretariat, laporan-laporan kerajaan, surat khabar, manakala sumber sekunder melalui buku. Secara amnya, kedatangan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) pada tahun 1881 banyak memberi perubahan terhadap pelbagai kehidupan masyarakat tempatan khususnya masyarakat Dusun sehingga mengubah corak kegiatan ekonomi, daripada bersifat sara diri kepada ekonomi perniagaan kecil di kawasan tamu Kota Belud. Sebelum kedatangan SBBUB ini, aktiviti penduduk Dusun adalah sara diri tanpa adanya campur tangan dengan pihak luar dan tidak banyak berinteraksi dengan masyarakat luar. Namun, transformasi ini mula berlaku ketika SBBUB cuba campur tangan dalam sistem ekonomi mereka dan turut mengambil alih pentadbiran di daerah tersebut. Dalam artikel ini, kegiatan perniagaan kecil masyarakat Dusun diberi perhatian utama dengan memfokuskan perkembangan kegiatan perniagaan mereka, faktor penglibatan dan kesan penglibatan SBBUB dalam aktiviti perniagaan kecil di Kota Belud. Kewujudan dan penglibatan masyarakat Dusun dalam aktiviti perniagaan kecil di Kota Belud juga dipengaruhi sifat masyarakat ini yang mementingkan kelangsungan hidup menyebabkan aktiviti perniagaan kecil ini terus berkembang pada ketika itu.

Kata kunci: Perniagaan kecil, Tempasuk, Kota Belud, masyarakat Dusun Kota Belud.

Abstract

This article focuses on the small business development activities carried out by the Dusun community at Kota Belud during the British colonial era between 1881 to 1940, before the Second World War. The writing of this article is based on several primary sources such as secretariat files, government reports, newspapers while secondary sources through books. In generally, the arrival of the British North Borneo Chartered Company (BNBCC) in 1881 giving changes to the various lives of Dusun communities, thus changing the pattern of economic activities from subsistence to small enterprise economy in Tamu Kota Belud. Prior to the arrival of the North Borneo Chartered Company (BNBCC), the activities of the Dusun community were self-sufficient without any interference with outside parties and did not interact much with the outside community. However, this transformation began to take place when the BNBCC tried to intervene in their economic system and also took over the administration in the district. BNBCC intervention has also changed the traditional economic activities of the Dusun community in Kota Belud and also brought about changes in various aspects of their lives. In this article, the small business enterprise activities of the Dusun community are given major attention by focusing on the development of their business activities, involvement factors and the impact of SBBUB involvement in small enterprise activities in Kota Belud. The lifestyles and participation of Dusun community in small business enterprise in Kota Belud is also influenced by the manner of living that emphasises on sustainability and these small enterprise activities to continue to be implemented.

Keywords: *Small enterprise, Tempasuk, Kota Belud, Kota Belud Hamlet Community.*

Pengenalan

Artikel ini membincangkan tentang sejarah perkembangan perniagaan kecil masyarakat Dusun Kota Belud semasa era penjajahan SBBUB dan sebelum berlakunya Perang Dunia Kedua, iaitu dalam lingkungan tahun 1881 sehingga tahun 1940. Objektif kajian ialah mengkaji perkembangan aktiviti kegiatan perniagaan kecil masyarakat Dusun di Kota Belud semasa era pentadbiran SBBUB. Kajian turut meneliti faktor penglibatan masyarakat Dusun dalam kegiatan ekonomi perniagaan kecil, sejarah awal penubuhan Tamu Kota Belud serta peranan pihak pentadbir tempatan dan pentadbir SBBUB dalam usaha menyokong penglibatan masyarakat tempatan.


Penulisan terawal yang membincangkan perkembangan aktiviti perniagaan kecil di Kota Belud ini dikupas oleh Owen Rutter (1929). Beliau ada menyatakan bahawa berlakunya satu kegiatan perniagaan kecil dalam

masyarakat tempatan di Tempasuk (yang kini dikenali sebagai Kota Belud) pada awal pagi.¹ Selain itu, Tina Rimmer (1999) menjelaskan bahawa tamu ini merupakan pasar terbuka dan menjadi tempat tumpuan masyarakat untuk berkumpul dan menjual barangan tempatan. Walaupun beliau hanya mengupas tentang tamu yang berada di daerah Tamparuli sahaja, tetapi beliau telah mengaitkan bahawa peniaga-peniaga kecil yang datang berniaga di tamu berkenaan adalah terdiri daripada masyarakat tempatan dari daerah-daerah berhampiran.² Chong Han San dan Low Ai Fiah (2008) turut menyokong pendapat sarjana ini dengan menyatakan tamu merupakan tempat untuk masyarakat tempatan menjual hasil produk masing-masing dan mereka akan menetapkan tarikh khas untuk berjumpa bagi menjalankan perniagaan kecil berkenaan. Penulis ini juga menyatakan bahawa pengunjung di tamu ini terdiri daripada penjual dan pengunjung dari pelbagai daerah lain dan beliau juga turut membincangkan tentang perkembangan secara ringkas tentang aktiviti di tamu pada masa lampau dan masa kini.³ K.G Tregonning turut menyatakan bahawa tamu ini mempunyai peranan penting untuk aktiviti sosial masyarakat tempatan di Sabah⁴ dan kenyataan beliau turut disokong oleh Johan M. Padasian yang menyatakan bahawa terdapat pelbagai kegiatan masyarakat tempatan di tamu selain daripada menjalankan perniagaan kecil.⁵

Tidak dinafikan bahawa telah banyak penulisan yang menyentuh tentang aktiviti perniagaan di tamu di Sabah. Namun, kupasan dalam penulisan lebih berbentuk umum dan menyentuh kepada seluruh masyarakat tempatan di Sabah. Malah, perbincangan khusus untuk penglibatan masyarakat Dusun dalam aktiviti perniagaan kecil di Tamu Kota Belud tidak pernah dilakukan. Oleh itu, artikel ini akan cuba mengupas dan mengetengahkan perkembangan aktiviti perniagaan kecil di Kota Belud khususnya menerusi penglibatan masyarakat Dusun di Kota Belud.

Lokasi Kawasan Kajian

Lokasi bagi kajian ini adalah di daerah Kota Belud, Sabah yang terletak di pantai barat utara Sabah dengan keluasan 1385.6 km persegi.⁶ Daerah ini merupakan salah sebuah daerah yang tertua di negeri Sabah yang pada awalnya lebih dikenali sebagai Tempasuk.



Peta 1 Peta Daerah Kota Belud, Sabah.

Sumber: Dipetik daripada Jabatan Geografi, Universiti Malaya (2008)

Pada sekitar tahun 1878, pihak British telah menjadikan Tempasuk sebagai sebuah tempat pentadbiran di bahagian utara, Borneo Utara. Hal ini disebabkan lokasi yang strategik, iaitu berada di tengah pertemuan masyarakat Dusun, Bajau dan Iranun telah memudahkan pihak British membangun tempat tersebut.⁷ Sungai Tempasuk banyak menghubungkan masyarakat tempatan yang menetap di daerah ini. Terdapat beberapa suku kaum utama yang tinggal di daerah ini, iaitu masyarakat Dusun, Bajau, Iranun dan terdapat golongan kaum lain seperti kaum Cina dan Ubian. Dari segi jumlah kampung pula, terdapat lebih daripada 100 buah kampung di Kota Belud yang terbahagi kepada tiga bahagian utama mengikut sistem pentadbiran politik, iaitu kawasan Usukan, kawasan Tempasuk dan kawasan Kadamaian. Masyarakat Dusun di Kota Belud lebih banyak mendiami di dua buah kawasan iaitu di kawasan Tempasuk dan Kedamaian.⁸

Konseptual Masyarakat Dusun dan Perniagaan kecil

Masyarakat Dusun yang menetap di Kota Belud ini biasanya dibezakan mengikut perbezaan loghat penggunaan bahasa dan daerah kawasan mereka tinggal.⁹ Bagi masyarakat Dusun yang tinggal di daerah Kota Belud, kebanyakan mereka lebih dikenali sebagai Dusun Tindal dan Dusun Tobilung. Masyarakat Dusun Tindal tinggal di kawasan pedalaman daerah Kota Belud, manakala masyarakat

Dusun Tobilung menetap di pesisir pantai daerah ini. Kedua-dua masyarakat ini dapat dibezakan melalui loghat bahasa dan pakaian tradisional mereka. Selain itu, mereka juga boleh dibezakan melalui kawasan tempat tinggal kerana kedua-dua etnik ini tinggal secara berasingan iaitu di kawasan pedalaman dan pesisir pantai. Namun demikian, antara persamaan kedua-dua masyarakat ini adalah dari segi adat resam dan budaya. Kegiatan ekonomi pertanian dan penternakan merupakan sumber utama pendapatan masyarakat ini untuk menampung kehidupan mereka. Dalam konteks artikel ini, masyarakat Dusun difokuskan sebagai subjek utama untuk mengkaji perkembangan penglibatan mereka dalam perniagaan kecil.

Perniagaan kecil dalam konteks artikel ini adalah perniagaan yang dijalankan secara kecil-kecilan di Tamu Kota Belud. Terdapat pelbagai definisi diberikan kepada tamu. Tamu di negeri sabah merupakan sebuah pasar terbuka ataupun *open air market* dijalankan di sesuatu tempat yang sederhana besarnya.¹⁰ Mereka biasanya menjalankan kegiatan perniagaan kecil ini di kawasan persimpangan jalan ataupun di tempat-tempat pertemuan seperti muara sungai untuk memudahkan mereka menjalankan kegiatan perniagaan ini. Kegiatan perniagaan di tamu merupakan satu perkara yang sangat dinantikan oleh penduduk tempatan dan tempoh yang diambil untuk membuat persiapan ke tamu tersebut adalah selama satu hari. Dalam konteks kajian ini, perniagaan kecil merujuk kepada kegiatan perniagaan yang dijalankan di tamu atau pasar yang terbuka.

Perkembangan Awal Perniagaan Kecil di Kota Belud

Perkembangan kegiatan perdagangan di Kota Belud telah bermula sejak abad ke-15 lagi apabila terdapatnya hubungan perdagangan dengan kerajaan luar. Hubungan perdagangan pedagang dari luar ini bermula apabila Kerajaan Brunei menjalin hubungan perdagangan dengan kerajaan India, Arab dan China.¹¹ Kedatangan Islam di Brunei pada abad ke-10 menyebabkan Kerajaan Brunei semakin dikenali oleh pedagang-pedagang dari luar. Pedagang-pedagang ini biasanya akan singgah sebentar di sepanjang Teluk Brunei (sekarang dikenali sebagai selat Laut Selatan) dan berhenti di sepanjang kawasan muara sungai untuk membaiki kapal serta mendapatkan bekalan air. Kedudukan yang strategik di Kuala Abai sehingga ke Sungai Tempasuk yang mempunyai muara sungai yang dalam memudahkan kapal pedagang untuk berlabuh dan seterusnya menjalin hubungan perdagangan dengan masyarakat tempatan di sepanjang Sungai Tempasuk. Antara barangan tempatan yang menjadi pertukaran antara para pedagang dengan masyarakat tempatan adalah produk pertanian, rotan dan damar, manakala barangan dari China pula adalah seperti sutera, baju, tembikar dan barangan besi.¹²

Seterusnya, menjelang awal abad ke-18 dan 19-Masihi selaras dengan kepesatan perdagangan dan kekayaan sumber bumi di Sabah telah menarik kuasa Eropah seperti Belanda, Sepanyol dan Portugis untuk datang menjalankan kegiatan perdagangan di Sabah. Pada awalnya, hubungan perdagangan dengan kuasa luar ini adalah melalui Kerajaan Brunei, namun disebabkan kedudukan geografi kawasan di Kota Belud ini adalah di pesisir pantai, maka ia turut menarik minat kuasa-kuasa luar ini untuk menjalinkan hubungan perdagangan dengan masyarakat setempat. Kedudukan Sabah yang terletak di laluan perdagangan utama Asia Tenggara menyebabkan banyak kapal dagang yang terdiri daripada pedagang asing ke Sabah.¹³ Malah, persaingan kuasa Eropah untuk menguasai laluan perdagangan telah menyebabkan kuasa Eropah seperti Sepanyol, Jerman, Belanda dan British cuba menaungi Sabah. Hal inilah yang berlaku dalam konteks negeri Sabah, setelah kedatangan William Clarke Cowie ke Sabah pada tahun 1876, akhirnya telah menyebabkan Sabah berada di bawah pentadbiran SBBUB.¹⁴

Sebelum pentadbiran Sabah diambil alih oleh SBBUB pada tahun 1881, kegiatan ekonomi masyarakat tempatan tertumpu kepada kegiatan sara diri skala kecil dan hasil pertanian bukan untuk dikomersialkan. Malah, kegiatan perniagaan kecil yang dilakukan oleh masyarakat tempatan hanya melibatkan pertukaran barangan (sistem barter) dengan penduduk di lingkungan sekitar kampung sahaja. Walaupun, terdapat hubungan antara masyarakat tempatan dengan para pedagang luar seperti pedagang Cina, Arab dan Brunei,¹⁵ tetapi skala penglibatan masyarakat tempatan khususnya masyarakat Dusun yang berada di kawasan pedalaman hanyalah kecil.¹⁶

Hanya menerusi kehadiran Pretymen¹⁷ yang dilantik sebagai residen Tempasuk pada tahun 1878, juga telah mengubah pelbagai aspek politik, sosial dan ekonomi di kawasan Tempasuk.¹⁸ Dari aspek pentadbiran, Pretymen telah mengubah sistem pentadbiran tradisional kepada pentadbiran SBBUB. Beliau turut meletakkan pentadbir atau pemimpin tempatan mentadbir di kawasan kampung dengan memberi laporan kepada pihak pentadbir SBBUB setiap minggu. Pertemuan antara ketua pemimpin juga diadakan pada setiap minggu untuk berbincang tentang masalah yang dihadapi oleh penduduk. Beliau telah menubuhkan pusat pentadbiran di Genambur untuk memudahkan kawalan dan melawat tempat tersebut setiap pada hujung minggu.¹⁹ Hal ini demikian kerana sebelum kedatangan Pretymen, sering berlaku permusuhan dan perpecahan antara masyarakat Dusun, Bajau Samah dan Iranun. Oleh itu, Pretymen telah mengadakan beberapa siri pertemuan dengan wakil pemimpin tempatan antara ketiga-tiga suku kaum di daerah ini untuk mengurangkan dan menghentikan konflik yang berlaku.²⁰ Beliau juga telah meletakkan enam orang polis untuk menjaga ketenteraman di Tempasuk.²¹ Namun, usahanya tidak begitu

berkesan kerana penduduk tempatan yang tidak menghiraukan undang-undang pihak Inggeris yang dilaksanakan. Malahan, keadaan bertambah teruk kerana perbalahan antara masyarakat masih sering berlaku dan wujud penentangan masyarakat kepada pihak British. Akhirnya, pentadbiran di daerah ditinggalkan oleh pihak British begitu sahaja pada tahun 1879 sehinggalah pada tahun 1897.²²

Pada tahun 1897, pihak British telah mengambil inisiatif untuk menduduki semula Tempasuk kerana tindakan sebahagian masyarakat Bajau yang menyokong Mat Salleh bagi menentang British dan membakar kediaman pegawai British di Ambong. Berikutan peristiwa itu, pihak British telah menempatkan beberapa orang polis dan tentera untuk mengawal daerah ini. Namun demikian, penentang daripada masyarakat tempatan yang sering berlaku dan sukar dikawal. Justeru, untuk mengawal tindak laku masyarakat di Tempasuk, pihak British telah melantik Ketua Anak Negeri di daerah ini untuk mentadbir tugas-tugas yang berkaitan dengan pentadbiran tempatan. Ketua Anak Negeri ini juga dipertanggungjawabkan untuk melantik wakil Ketua Anak Negeri bagi setiap suku kaum mengikut kampung di daerah ini. Pelantikan ini akhirnya meredakan sikap masyarakat untuk terus menentang pihak British kerana setiap wakil ini telah diberi tunjuk ajar untuk mengawal dan menyampaikan maklumat terhadap anak-anak buahnya.²³

Situasi dan keadaan yang lebih awam secara tidak langsung telah memulihkan sistem ekonomi masyarakat tempatan di Tempasuk. Hubungan baik antara masyarakat tempatan membolehkan wujudnya kegiatan ekonomi perniagaan kecil yang lebih teratur dan sistematik.²⁴ Penglibatan ahli masyarakat di Tempasuk dalam perniagaan kecil bermula dengan aktiviti pertukaran barangan dengan sesama masyarakat tempatan lain telah berkembang setelah berlakunya pemusatan tempat perniagaan kecil yang lebih dikenali sebagai tamu.²⁵ Tamu ini adalah sangat penting bagi masyarakat tempatan di daerah ini kerana memberi kemudahan kepada penduduk kampung untuk menjual dan membeli hasil pertanian dan perikanan serta bagi mendapatkan keperluan harian. Terdapat beberapa tamu di daerah Kota Belud pada masa itu, iaitu:

Jadual 1 Senarai lokasi tamu di Kota Belud

Nama Tempat	Tahun Dibuka
Tamu Genambur	1902
Tamu Timbang	1902
Tamu Obong (berdekatan dengan Tamu Kabidahan)	1902
Tamu Sayap	1903
Tamu Kabidahan	1904
Tamu Bambangan	1902
Tamu Garanuntong (Ulu Ratau)	1902

Sumber: Diperoleh dan diubah suai daripada *Annual Report British North Borneo Herald British* dari tahun 1882-1920

Jadual 1 menyenaraikan tempat berjual beli bagi produk barangan tempatan. Didapati bahawa pada ketika itu terdapat tujuh buah tempat pertemuan utama masyarakat tempatan dengan masyarakat lain dan pedagang dari luar iaitu Tamu Genambur (Batu 10), Tamu Timbang, Tamu Obong, Tamu Sayap, Tamu Kabidahan, Tamu Bambang dan Tamu Garanutung. Kewujudan lokasi tamu ini membuktikan bahawa wujudnya aktiviti perniagaan secara kecil-kecilan dalam kalangan masyarakat tempatan dan pedagang dari luar. Setiap tamu ini akan diadakan pada tarikh dan masa berbeza agar tidak berlaku pertindihan jadual masa tersebut untuk memudahkan peniaga luar datang ke tamu. Setiap tamu ini juga mempunyai pelbagai keistimewaan dan keunikan yang berbeza menyebabkan pedagang-pedagang dari luar turut berkunjung di setiap ketujuh-tujuh tamu berkenaan.

Selain daripada Tamu Genambur, tempat lain yang banyak dikunjungi oleh pedagang luar adalah Tamu Sayap. Hal ini disebabkan permintaan yang tinggi daripada pedagang luar seperti damar dan rotan menyebabkan ramai pedagang luar datang ke tempat tersebut untuk mendapatkan produk tempatan. Kewujudan tempat perniagaan secara kecil-kecilan ini telah menyebabkan pedagang dari luar, terutamanya pedagang Cina telah membina lot-lot kedai²⁶ yang kecil berhampiran dengan tamu tersebut. Operasi kegiatan perniagaan di tamu ini biasanya dilakukan setiap dua kali dalam sebulan atau satu kali seminggu mengikut yang ditetapkan oleh pemimpin masyarakat. Selain daripada aktiviti berjual beli di tamu berkenaan, setiap pemimpin masyarakat juga akan bertemu di tempat tersebut untuk menjaga kegiatan perniagaan kecil yang ada dan seterusnya membincangkan masalah dan mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah dalam kalangan masyarakat mereka sendiri.²⁷

Penglibatan Masyarakat Dusun dalam Perniagaan Kecil di Tamu

Penglibatan masyarakat Dusun Kota Belud dalam perniagaan kecil pada awalnya bermula dengan keinginan untuk mendapatkan barangan keperluan daripada masyarakat tempatan yang lain. Antara faktor utama penglibatan mereka dalam perniagaan kecil adalah disebabkan kekurangan keperluan asas yang lain dalam kehidupan. Kebanyakan mereka tinggal di kawasan pedalaman dan hasil utama yang mereka peroleh adalah hasil pertanian, hasil sungai dan hasil laut. Hal ini disebabkan tempat tinggal mereka sangat mempengaruhi kegiatan ekonomi harian mereka. Sebagai contohnya, masyarakat Dusun yang tinggal di kawasan bukit dan lembah lebih tertumpu kepada kegiatan pertanian dan mencari hasil hutan, manakala bagi masyarakat Iranun dan Bajau yang tinggal di kawasan pesisir pantai lebih tertumpu kepada kegiatan ekonomi menangkap ikan dan kraf tangan. Walaupun hasil dapatan ini sememangnya mencukupi untuk menampung kehidupan seharian mereka, tetapi mereka masih memerlukan keperluan asas lain

yang dihasilkan oleh masyarakat tempatan sekitar yang lain seperti garam dan hasil laut. Sebagai contohnya, masyarakat Iranun terkenal dengan aktiviti jualan sarang burung dan hasil laut, masyarakat Bajau terkenal dengan jualan hasil laut dan penghasilan garam, manakala bagi masyarakat Dusun pula terkenal dengan jualan hasil pertanian seperti padi dan hasil hutan iaitu damar.²⁸

Selain itu, faktor bencana alam²⁹ yang sering merosakkan tanaman pertanian menyebabkan masyarakat Dusun terpaksa keluar untuk mencari keperluan asas daripada masyarakat tempatan yang lain di daerah Kota Belud seperti mendapatkan keperluan asas daripada masyarakat Bajau atau masyarakat Iranun. Bencana alam seperti kemarau yang berpanjangan dan hujan yang berterusan banyak merosakkan hasil pertanian mereka sehingga tidak membuahkan hasil. Demikian juga, faktor hujan yang berpanjangan menyukarkan mereka untuk masuk ke dalam hutan untuk mencari hasil hutan bagi kelangsungan hidup. Keadaan bencana alam ini banyak memusnahkan tanaman yang mereka usahakan sehingga tidak membuahkan hasil yang mencukupi. Hal ini pernah berlaku sekitar tahun 1905, iaitu kemarau yang berpanjangan menyebabkan tanaman padi yang ditanam oleh masyarakat Dusun telah rosak.³⁰ Kekurangan hasil pertanian ini menyebabkan mereka terpaksa bergantung dengan masyarakat lain untuk mendapatkan keperluan asas yang lain. Pada awalnya, kegiatan aktiviti mereka dimulai dengan aktiviti bertukar barangan keperluan asas sahaja. Namun, kegiatan pertukaran barangan ini telah berubah menjadi satu kegiatan perniagaan kecil apabila wujudnya penggunaan sistem mata wang yang diperkenalkan oleh SBBUB. Hal ini dapat mengatasi masalah pertukaran barang tidak serentak dalam kalangan peniaga tersebut.



Foto 1 Masyarakat Dusun sedang berinteraksi antara satu sama lain di tamu
Sumber: Koleksi gambar Arkib Negeri Sabah

Faktor ketiga penglibatan masyarakat Dusun dalam perniagaan kecil ini adalah disebabkan masa lapang. Masa lapang ini juga menjadi antara penyebab penglibatan mereka dalam perniagaan kecil. Hal ini disebabkan apabila tiba musim menunggu hasil pertanian mereka untuk dituai, mereka mempunyai masa yang panjang untuk berehat dan berinteraksi dengan masyarakat lain. Ia merupakan salah satu cara untuk mengisi masa lapang mereka. Berdasarkan Foto 1, jelas memperlihatkan bahawa masyarakat ini sedang duduk bercerita dengan rakan-rakan mereka di tamu yang merupakan salah satu aktiviti lazim yang dilakukan setelah aktiviti berjual beli dijalankan di tamu. Ada kalanya, mereka akan menetapkan satu tarikh khusus untuk bertemu dan akhirnya melakukan kegiatan perniagaan secara kecil-kecilan dengan kaedah berinteraksi sambil menjual hasil pertanian yang ada. Malah, terdapat sebahagian masyarakat Dusun yang menjadikan tamu sebagai tempat untuk berhibur. Hal ini demikian kerana suasana tamu yang selalu diserikan alunan dan persembahan muzik tradisional yang dipersembahkan secara tidak langsung oleh peniaga yang menjual peralatan muzik tradisional seperti gong, gendang dan kulintangan.



Foto 2 Suasana kegiatan perniagaan kecil di tamu

Sumber: Koleksi gambar Arkib Negeri Sabah

Foto 2 di atas menunjukkan tentang kegiatan perniagaan yang dijalankan pada peringkat awal pembabitan masyarakat Dusun di Tamu semasa penjajahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara. Melalui foto di atas, dapat kita perhatikan bahawa tamu berkenaan telah dibina di sebuah kawasan tanah lapang bagi memudahkan urus niaga tersebut dijalankan. Terdapat juga beberapa pondok kecil yang telah disediakan sebagai gerai untuk tempat mereka menjalankan perniagaan. Namun demikian, ada juga dalam kalangan masyarakat Dusun ini yang hanya menjalankan perniagaan tanpa gerai yang dibina oleh mereka.

Tuntasnya, tamu merupakan pusat pertemuan ahli masyarakat tempatan khususnya masyarakat Dusun untuk pelbagai aktiviti. Pada peringkat awal penglibatan masyarakat Dusun di tamu, mereka tidak mempunyai tempat yang khusus untuk berjual beli dan mereka hanya akan duduk di tempat yang lapang untuk menjual hasil pertanian dan perikanan mereka. Namun demikian, setelah satu tempoh masa, terdapat segelintir peniaga kecil Dusun mula membina pondok khas untuk menjalankan kegiatan perniagaan mereka secara rutin.

Faktor keempat, kedatangan pedagang luar juga merupakan salah satu faktor penarik masyarakat Dusun terlibat dalam perniagaan kecil. Hubungan perdagangan di antara China dengan Borneo mahupun Sulu dan Jolo telah lama berlaku sebelum abad ke-18 untuk mendapatkan hasil dagangan seperti *camphor*, trepang, mutiara, agar-agar, cangkerang kura-kura, sarang burung dan sebagainya. Barang dagangan tersebut mendapat permintaan yang tinggi di China dan boleh didapati dalam perjalanan mereka melalui Labuan, Brunei dan Singapura, manakala pedagang daripada China membawa barang dagangan seperti tekstil, tembikar, gangsa, pakaian dan sebagainya. Pada awalnya pedagang dari luar seperti pedagang Cina, Arab, Sulu dan Brunei telah datang ke Utara Borneo untuk mendapatkan hasil hutan.³¹ Antara hasil tempatan yang sangat terkenal menjadi permintaan utama pedagang dari luar adalah rotan, damar, sarang burung, kentang dan ikan masin.³² Keadaan ini akhirnya menyebabkan masyarakat tempatan menyediakan keperluan yang diminta oleh pedagang tersebut dan terlibat secara tidak formal dalam kegiatan perniagaan kecil. Permintaan pedagang luar ini menyebabkan mereka cuba untuk menanam beberapa jenis tanaman yang lain seperti tembakau, tebu dan padi. Hal ini disebabkan British melihat keadaan tanah di Kota Belud pada ketika tersebut subur, mempunyai tanah lapang yang sesuai untuk menanam tanaman yang lain untuk dikomersialkan. Permintaan yang tinggi ini menyebabkan harga jualan hasil hutan ini terus meningkat. Sebagai contoh, jadual berikut merupakan hasil penjualan damar yang sentiasa meningkat dalam tempoh setahun.

Jadual 2 Perubahan harga jualan hasil hutan (damar)

Bulan	Harga Jualan (Dollar)	Kuantiti
Mac 1904	1.50	1 pikul
Jun 1904	3.00	1 pikul
Disember 1904	5.00	1 pikul

Sumber: Diubah suai dan diperoleh daripada laporan tahunan *British North Borneo Herald* pada tahun 1904

Jadual 2 menunjukkan bahawa terdapat perubahan harga jualan hasil hutan oleh masyarakat Dusun di daerah pedalaman pada tahun 1904. Hasil hutan ini biasanya terdapat di Tamu Genambur dan Tamu Sayap sahaja. Permintaan yang tinggi terhadap hasil hutan (damar) menyebabkan harga jualan ini meningkat dalam tempoh setahun, iaitu pada awalnya damar hanya dijual dalam harga 1.50 dollar 1 pikul. Walau bagaimanapun, harga jualan ini meningkat kepada 3 dollar 1 pikul dan akhirnya menjadi harga pasaran kepada 5 dollar 1 pikul. Kualiti hasil hutan yang baik ini menyebabkan ramai pedagang China datang ke tamu untuk mendapatkan barangan tempatan. Permintaan yang tinggi daripada pedagang China pada ketika itu telah meningkatkan harga pasaran damar dan seterusnya menjadikan damar sebagai salah satu produk hasil tempatan yang mendapat permintaan ramai oleh pedagang dari luar.

Peranan Pemimpin Masyarakat dalam Perniagaan Kecil

Kepesatan kegiatan perniagaan kecil yang dijalankan di tamu menyebabkan campur tangan pemimpin masyarakat dan pentadbir British. Hal ini disebabkan kedatangan pedagang dari luar untuk mendapatkan hasil tempatan memerlukan suatu tadbir urus yang lebih teratur.³³ Salah satu peranan dan inisiatif pemimpin masyarakat dalam perniagaan di tamu adalah penetapan tempat yang khas untuk berjumpa dengan pedagang luar dan masyarakat lain bagi menjalankan kegiatan perniagaan kecil. Demikian juga penetapan dari segi tempoh masa bagi mengadakan tamu iaitu sama ada sebulan sekali atau seminggu sekali.

Selain itu, para pemimpin masyarakat juga bertanggungjawab dalam memastikan kegiatan urus niaga di tamu berjalan lancar dan selamat. Hal ini disebabkan terdapat kes tertentu seperti kecurian dan huru-hara dicetuskan oleh para pengunjung tamu.³⁴ Malah, pemimpin masyarakat juga bertanggungjawab untuk mendengar dan mengatasi sebarang masalah yang timbul dalam kalangan masyarakat di tamu.³⁵ Oleh itu, terdapat satu kawasan atau sudut khas di kawasan tamu yang dikenali sebagai tempat pengadilan atau mahkamah adat bagi menyelesaikan pelbagai masalah tingkah laku masyarakat tempatan. Kawasan tersebut akan menjadi tempat oleh semua wakil atau pemimpin masyarakat untuk berbincang dan perbicaraan bagi menentukan kaedah penyelesaian bagi sebarang masalah yang melibatkan adat istiadat. Berikut merupakan senarai ketua masyarakat yang dilantik sebagai pemimpin masyarakat pada ketika itu.

Jadual 3 Senarai nama pemimpin masyarakat tempatan di Tempasuk (Kota Belud)

Bil	Nama	Jawatan
1	Orang Kaya-kaya Arsad	Ketua Masyarakat Bajau
2	Lingkok	Ketua Masyarakat Dusun Tempasuk
3	Gunting	Ketua Masyarakat Dusun Kiau-Genambur

Sumber: Diubah suai daripada *British North Borneo Herald* 1881-1920

Berdasarkan Jadual 3, dapat disimpulkan bahawa pelantikan ketua masyarakat ini membolehkan urusan kehidupan masyarakat terutamanya dari segi permasalahan kaum dapat diselesaikan. Peranan pemimpin masyarakat adalah sangat penting dalam menjaga dan mengatur kehidupan masyarakat pada ketika tersebut. Selain itu, pemimpin masyarakat merupakan antara pengantara dengan pihak pentadbir British tentang maklumat yang disampaikan kepada penduduk tempatan masing-masing. Selain daripada masalah sosial tempatan yang berlaku seperti melakukan huru-hara, mencuri dan berkelakuan tidak sopan. Walau bagaimanapun, kadangkala keadaan huru-hara juga sering berlaku di kawasan tamu. Justeru, pada 16 Disember 1904, atas inisiatif pemimpin tempatan, mereka telah meminta bantuan daripada pihak SBBUB untuk mengawal keadaan di tamu tersebut.³⁶

Penglibatan SBBUB dalam Perniagaan Kecil di Tempasuk

Penglibatan pihak SBBUB terhadap kegiatan ekonomi di tamu telah menimbulkan pelbagai reaksi yang berbeza dalam kalangan masyarakat tempatan. Misalnya, sebahagian besar masyarakat Bajau yang tidak mahu menerima perubahan yang dilakukan oleh SBBUB. Mereka melihat penglibatan SBBUB telah menyebabkan mereka kehilangan kuasa untuk mentadbir di Tempasuk. Namun, pada perspektif masyarakat Dusun pula, mereka menyokong penglibatan SBBUB kerana dapat mengatasi masalah huru-hara yang sering berlaku.

Langkah pertama yang dilakukan SBBUB adalah dengan menguatkuasakan undang-undang dalam kalangan masyarakat setempat. Malah, pihak SBBUB meletakkan pihak polis untuk mengawal kawasan tempat tersebut bagi mengelakkan huru-hara.³⁷ Pengenalan undang-undang dan tindakan bagi sebarang juga akan diumumkan di tamu adalah sebagai satu pengajaran kepada masyarakat lain, manakala untuk kesalahan kes yang berat pula, hukuman penjara akan dikenakan mengikut kategori kesalahan. Kesannya, telah berlaku perkembangan yang baik dalam aktiviti perniagaan kecil di tamu.³⁸

Selain itu, SBBUB juga telah menjadikan tamu sebagai medium penyebaran maklumat yang ingin disampaikan oleh pihak SBBUB kepada masyarakat tempatan.³⁹ Hal ini disebabkan maklumat akan mudah tersebar kerana pihak

British hanya akan menampal notis di kawasan tamu kerana mudah dibaca dan seterusnya disebarkan kepada pihak umum. Keadaan ini memudahkan pihak British untuk menyebarkan apa-apa maklumat yang ingin disampaikan kepada pihak setempat tanpa perlu melalui ketua masyarakat mereka.

Penglibatan SBBUB dalam aktiviti perniagaan kecil di Tempasuk juga berjaya mengatasi beberapa masalah asas yang dihadapi oleh para peniaga kecil di tamu.⁴⁰ Salah satu masalah yang dihadapi adalah masalah kecurian binatang ternakan seperti kerbau dan lembu.⁴¹ Keadaan ini telah menyukarkan peniaga kecil khususnya masyarakat Dusun kerana lembu dan kerbau digunakan sebagai pengangkutan utama untuk bergerak ke tamu.⁴² Masalah kecurian ini juga sering dikaitkan dengan masalah tingkah laku sekelompok masyarakat setempat yang tidak mendengar arahan dan tidak berdisiplin. Namun demikian, masalah ini telah berjaya diatasi oleh pihak SBBUB selepas penahanan pencuri tersebut dan dihukum penjara di penjara Sandakan.⁴³

Masalah kedua ialah penetapan kadar harga barangan yang diniagakan yang terlalu mudah dan dianggap tidak berkualiti.⁴⁴ Hal ini menyebabkan pedagang dari luar seperti pedagang Brunei dan China membeli barangan mereka dengan harga yang lebih rendah daripada pasaran semasa. Perkara ini pernah berlaku apabila masyarakat Dusun membawa hasil hutan mereka seperti rotan yang dibeli dengan harga 5 dollar per pikul walhal harga pasaran semasa adalah 7.50 dollar per pikul. Perkara ini adalah disebabkan kualiti hasil hutan mereka adalah kurang disebabkan rotan yang dijual adalah sangat kecil, tidak matang dan kurang berkualiti. Namun, masalah ini telah diatasi melalui mesyuarat bersama pemimpin masyarakat di Jesselton dalam usaha menetapkan harga barangan di tamu. Hasil perbincangan tersebut, akhirnya mereka bersetuju bahawa setiap harga barangan tempatan yang ada di tamu perlu diselaraskan mengikut keputusan mesyuarat tersebut. Contohnya harga jualan padi dijual mengikut harga pasaran iaitu 2½ sen bagi 1 gantang dan \$1.00 bagi 40 gantang.⁴⁵ Selain itu, pentadbir tempatan juga telah menetapkan cukai bagi minuman tapai dengan harga cukai 6 sen bagi 1 gantang dan harga 25 sen bagi bayaran setahun. Penetapan harga barangan di tamu ini memudahkan pengawalan harga barangan tempatan serta mengelakkan penindasan kepada para peniaga kecil masyarakat Dusun.

Masalah ketiga adalah berkaitan dengan masalah pengangkutan yang menyebabkan kekangan kegiatan perniagaan kecil pada ketika itu. Hal ini disebabkan belum wujud lagi sistem pengangkutan secara sistematik oleh pihak SBBUB. Peniaga tempatan terpaksa berjalan kaki dengan mengambil masa lima sehingga 10 jam daripada kawasan kampung ke tamu.⁴⁶ Hal yang sama juga berlaku bagi masyarakat Dusun yang tinggal di daerah luar seperti

Tambunan dan Ranau. Mereka akan mengambil masa sekurang-sekurangnya dua hingga empat hari untuk sampai ke tempat mereka berjual beli. Bagi mengatasi masalah ini, masyarakat setempat akan menggunakan jalan melalui jalan sungai. Namun, keadaan banjir yang deras boleh menghanyutkan sampan-sampan tersebut sehingga menyebabkan kehilangan nyawa. Masalah pengangkutan ini sering berlaku, terutama bagi pedagang luar dan tempatan yang ingin berkunjung ke Tamu Genambur kerana lokasi tamu ini terletak jauh ke kawasan pedalaman Kota Belud (ulu Sungai Tempasuk). Namun demikian, usaha pentadbir SBBUB dengan memperbaiki jalan raya di Tempasuk yang menghubungkan antara kawasan kampung dengan tamu.⁴⁷ Pegawai daerah SBBUB ini juga akan memantau perkembangan pembuatan jalan raya yang dibina pada setiap dua kali sebulan. Jalan raya ini dibina oleh banduan yang ditahan oleh pihak SBBUB kerana melakukan pelbagai jenis kesalahan.

Masalah keempat adalah berkaitan penularan wabak penyakit dalam kalangan peniaga kecil tempatan di tamu. Misalnya, wabak penyakit kolera pada tahun 1905 yang telah meragut nyawa banyak orang.⁴⁸ Hal ini diburukkan dengan tindakan dan sikap masyarakat tempatan menolak vaksin yang disediakan oleh pentadbir SBBUB telah menyebabkan wabak penyakit ini lebih cepat menular. Malah, pada tahun 1919, wujud lagi satu penyakit global yang baharu iaitu simptom demam, sesak nafas dan batuk.⁴⁹ Keadaan ini menyebabkan aktiviti jual beli di tamu tidak dapat dilakukan kerana ramai pedagang dari luar tidak datang berdagang ke tempat tersebut bagi mengelakkan penularan wabak penyakit berjangkit tersebut. Kekurangan para pedagang dari luar menyebabkan aktiviti perniagaan kecil hanya dalam kalangan masyarakat tempatan sahaja tanpa dikunjungi oleh pedagang-pedagang dari luar.⁵⁰ Tindakan dan langkah yang diambil oleh SBBUB untuk memastikan ahli masyarakat menerima vaksin adalah dengan meminta bantuan daripada pemimpin tempatan untuk menerangkan kepada masyarakat agar menerima vaksin tersebut untuk mencegah penularan wabak penyakit.⁵¹

Tuntasnya, penglibatan pihak SBBUB dalam kegiatan perniagaan kecil di tamu, Tempasuk telah menyebabkan peningkatan ekonomi. Pelbagai masalah yang timbul sebelum ini semasa di bawah penglibatan pemimpin tempatan telah berjaya diatasi. Kegiatan ekonomi perniagaan kecil khususnya daripada masyarakat Dusun di tamu telah menjadi asas kepada perkembangan ekonomi di Tempasuk.

Kesimpulan

Perkembangan perniagaan kecil oleh masyarakat Dusun di daerah Kota Belud (dahulunya dikenali sebagai Tempasuk) bermula sebelum campur tangan British 1881 – 1905 dan akhirnya diletakkan di bawah pihak SBBUB pada tahun 1905. Hal ini disebabkan sebagai satu usaha untuk membantu masyarakat setempat untuk menjalankan perniagaan kecil dengan lebih lancar. Campur tangan pihak British ini juga membawa pelbagai kesan kepada kemajuan perkembangan perniagaan kecil ini kerana mereka membantu mengelakkan huru-hara, kecurian, penetapan harga jualan dan pemberontakan yang sering berlaku pada ketika itu. Walaupun dilihat bahawa aktiviti perniagaan kecil di tamu ini mengalami turun naik seperti kekurangan pengunjung dari luar. Namun, masyarakat Dusun di Kota Belud tetap menjalankan kegiatan perniagaan kecil mereka. Keuntungan bukanlah matlamat utama masyarakat Dusun menjalankan perniagaan kecil namun mereka lebih kepada ingin menjalin hubungan silaturahim dengan masyarakat lain serta nilai rasa tanggungjawab untuk berkongsi lebihan kepada orang lain. Sifat masyarakat yang mementingkan kelangsungan hidup menyebabkan aktiviti perniagaan kecil ini terus berkembang pada ketika itu.

Nota

- ¹ Owen Rutter, *The Pagans of North Borneo*, California: Hutchinson & Company, 1929.
- ² Tina Rimmer, *The Tamparuli Tamu: A Sabah Market*, Kota Kinabalu: The Sabah Society, 1999.
- ³ Chong Han San dan Low Ai Fuh, *The Tamu: Sabah's Native Market*, Kota Kinabalu: Opus Publication, 2008.
- ⁴ K.G. Tregonning, *Under Chartered Company Rule: North Borneo (1881-1946)*, Kuala Lumpur: University of Malaya, 2007.
- ⁵ Johan M. Padasian, *Cultural Progress and The Arts*, dalam, Anwar Sullivan dan Cecilia Leong, (Peny.), *Commemorative History of Sabah, 1881-1981*, Sabah State Government: Centenary Publication Committee, 1981.
- ⁶ Yap Beng Liang, *Politik dan Ekonomi Masyarakat Bajau Kota Belud Sabah*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2001, hlm. 25.
- ³ Parti Pasok Momogun ditubuhkan di Keningau untuk menyatukan orang suku kaum Dusun dan Murut di Sabah. Penubuhannya bertujuan untuk menentang penyertaan Sabah dalam Malaysia kerana rakyat Sabah dianggap masih jauh ketinggalan dari segi pendidikan dan ekonomi. Bagi meneruskan perjuangannya, parti ini kemudiannya diganti dengan Parti United National Pasok Momogun Organisation (UNPMO). Ia ditubuhkan bagi menentang penubuhan Malaysia dan tidak bersetuju dengan penggunaan istilah Kadazan oleh Huguan Siou Donald Stephens. Margeret Roff, The Rise and Demise of Kadazan Nationalism, Journal of Southeast Asian History, Vol.10 (2), 1969: 339.
- ⁴ Raymond BoinTombung, Keluarga Dusun, Kota Kinabalu: SQS Printing Sdn. Bhd, 1990, hlm.1-10; Lihat juga, Perlembagaan Kadazandusun Cultural Association's (KDCA), Artikel 6 (1), Kota Kinabalu: Hongkod Koisaan.
- ⁵ *Ibid.*, hlm. 5-6.
- ⁶ Hanafi Hussin, Worldview dan Amalan: Pengalaman Kadazan Dataran Penampang Sabah, Borneo Research Journal, (1), 2007: 7-29.
- ⁷ Malakun, C. D. B, Political Development in Sabah 1881-1981, Dalam, Anwar Sullivan dan Cecilia Leong, (peny.), Commemorative history of Sabah 1881-1981, Kota Kinabalu, Sabah: Sabah State Government, 1981, hlm. 119-180.
- ⁸ Hegemoni adalah merujuk kepada suatu kuasa besar seperti 'kelas masyarakat pemerintah' (*ruling class*) yang amat berpengaruh dalam mengawal segala tindak-tanduk masyarakat dalam sesebuah parti. Selain itu, dalam membincangkan susur galur dominasi parti politik di bawah pimpinan Huguan Siou, ia boleh dikaitkan dengan situasi di mana Huguan Siou pada dasarnya merupakan penjawat awam dalam kerajaan negeri dan mempunyai hubungan akrab parti yang mentadbir Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Pemilihan menduduki jawatan yang penting dalam masyarakat Kadazandusun (sebagai Huguan Siou iaitu ketua komuniti

Kadazandusun) justeru kerana masyarakat Kadazandusun beranggapan bahawa Huguan Siou akan menjadi wakil mereka untuk menyuarakan segala harapan kepada pemerintah atau kerajaan. Donald Stephens dipilih sebagai Huguan Siou pertama dalam konteks moden kerana bukan sahaja berpendidikan tinggi, mempunyai pengaruh dan hubungan yang baik dengan kerajaan penjajah, dan merupakan ahli yang dilantik dalam Dewan Undangan Penjajah ketika itu yang dilantik oleh Kerajaan Borneo Utara British.

- ⁹ Berita Bernama, Luis Harap Tuah 'Huguan Siou' Untuk Pertahankan Dun Kiulu, 18 Mac 2014: 6; Lihat juga, Arnold Puyok, *Ethnic Factor in the 2008 Malaysian General Election: The Case of The Kadazan Dusun (KD) in Sabah*, JEBAT 35 (2008): 1-16.
- ¹⁰ Utusan Malaysia, Tarikan Poster 'Huguan Siou', 11 Oktober 2003: 15.
- ¹¹ Md. Salleh Md. Said, *Voting Patterns of The Bajau Ethnic Community in Sabah Politics, 1963-2004*, Tesis Sarjana, Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, 2005, hlm. 1-6.
- ¹² Pandikar Amin Haji Mulia, *Siapa Selepas Pairin?* Kota Kinabalu: Marah Yakin Sdn. Bhd, 1993, hlm. 199-202.
- ¹³ Chamil Wariah, *UMNO SABAH: Mencabar dan Dicabar*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1992, hlm. 86-96.
- ¹⁴ Khusairi Talib, *PBS Keluar Membela Maruah*, Kuala Lumpur: Goldana Corporation Sdn. Bhd, 1991, hlm. 89-98.
- ¹⁵ Berita Harian, Najib Akan Tolak Gelaran Huguan Siou, Hormati Budaya KDM, 14 Februari 2013: 11.
- ¹⁶ Mohd Razlan Salleh, Hormati Budaya Sabah, *Harian Metro*, 15 Februari 2013: 23.
- ¹⁷ Suzianah Jiffar dan Amin Ridzuan Ishak, Anuar Tidak Layak digelar Huguan Siou, *Berita Harian*, 13 Februari 2013: 12.
- ¹⁸ *Harian Metro*, Gelaran 'Huguan Siou Malaysia' Mengundang Rasa Tidak Puas Hati, 14 Februari 2013: 8; Lihat juga, Michael Teh, *KDCA Offended By 'Huguan Siou' Anuar*, *New Sabah Times*, 13 Februari 2013: 7.
- ¹⁹ Mohd Razlan Salleh, 'Kami Mahu Penjelasan', *Harian Metro*, 14 Februari 2013: 4.
- ²⁰ Joniston Bangkuai, *Insensitive and Disrespectful: Only a Worthy Leader Can Hold the Sacred Office of the Kadazandusun Huguan Siou*, *New Straits Times*, 13 Februari 2013: 14.; Lihat Juga, Joniston Bangkuai and Roy Goh, *Secred Award: Conferment of 'Huguan Siou' Title on Anuar Riles Sabahans*, *New Straits Times*, 14 Februari 2013: 12.
- ²¹ Razeef Rahman, Gelaran 'Huguan Siou' hanya untuk KDM sahaja, *New Sabah Times*, 16 Februari 2013: 7.
- ²² Temu bual bersama Rosanani Sogondu di Kampung Penapa Sugud, Penampang pada 25 Januari 2015. Responden ini berumur 83 tahun. Dilahirkan pada 30 Julai 1932 di Kampung Nampasan, Penampang. Beliau merupakan pesara di Majlis Perbandaran Kota Kinabalu.
- ²³ Gelaran Huguan Siou adalah hanya untuk masyarakat Kadazandusun sahaja. Namun, media massa seperti surat khabar sering kali menggunakan gelaran Huguan Siou untuk masyarakat Kadazandusun dan Murut khususnya yang berkaitan dengan politik. Keadaan ini akan menimbulkan kekeliruan terhadap konsep institusi Huguan Siou itu sendiri kepada masyarakat kini khususnya bagi generasi muda masyarakat Kadazandusun dan kaum lain di Sabah. Ibid.
- ²⁴ Tregonning, K.G, *Under Chartered Company Rule: North Borneo, 1881-1946*, Kuala Lumpur: Synergy Media, 2007, hlm. 15.
- ²⁵ Mat Zin Mat Kib, Tun Mustapha: His Role and Contribution to the Development in Sabah, Malaysia, *TAWARIKH: Vol 3 (2)*, 2003: 112.
- ²⁶ Temu bual bersama Rev. Fr. Ronny Peter Mailap, 34 tahun, Dewan Gereja Kampung Tiong, Tambunan, 22 Februari 2015.
- ²⁷ Catholic Diocese of Keningau, *Pemberkatan dan Perasmian Gereja Baru Kirokot*, 14 Mei 2011: 7.
- ²⁸ Temu bual bersama Mahmud bin Sabin, op. cit.
- ²⁹ Temu bual bersama Benedict Topin (Dr.), 59 Tahun, Setiausaha Kerja KDCA, Penampang Sabah. 6 Ogos 2013. Lihat Juga Dayu Sansalu, *Kadazandusun di Sabah Pendidikan dan Proses Pemodenan 1881-1967...* hlm. 270.
- ³⁰ Allan Dumbong, 2007, *Sekolah Jenis Kebangsaan Kadazandusun*. <http://kdca.org.my/archives/date/2007/06>, Diakses 23 Jun 2013.
- ³¹ Sitti Nor Azizah Talata, Kolej KDM Mula Sesi Belajar Julai, *Utusan*, 17 April 2011: 12.
- ³² Kerajaan Sokong Penubuhan Kolej KDM Sabah, *Bernama*, 17 Jun 2012.

³³ Pairin Harap Kolej KDM bakal Capai Status Universiti, New Sabah Times, 06 Mac 2010: 8. 2010.

³⁴ Allan Dumbong, 16 Pelajar Sekolah Menengah Akan Terima Anugerah Huguan Siou Anjuran KDCA. <http://kdca.org.my/archives/category/branch/page/3>, Diakses 13 Mac 2012.

Senarai Rujukan

Dokumen Arkib

- Berita Bernama. (2012). Kerajaan Sokong Penubuhan Kolej KDM Sabah. 17 Jun: 7.
- Berita Bernama. (2014). Luis Harap Tuah "Huguan Siou" Untuk Pertahankan Dun Kiulu. 18 Mac: 6.
- Berita Harian. (2013). Najib Akan Tolak Gelaran Huguan Siou, Hormati Budaya KDM, 14 Februari: 11.
- Berita Harian. (2013). Suzianah Jiffar dan Amin Ridzuan Ishak. Anuar Tidak Layak digelar Huguan Siou. 13 Februari: 12.
- Catholic Diocese of Keningau. (2011). Pemberkatan dan Perasmian Gereja Baru Kirokot. 14 Mei: 7.
- Harian Metro. (2013). Gelaran "Huguan Siou Malaysia" Mengundang Rasa Tidak Puas Hati. 14 Februari: 8.
- Harian Metro. (2013). Mohd Razlan Salleh. Hormati Budaya Sabah. 15 Februari: 23.
- Harian Metro. (2013). Mohd Razlan Salleh. 2013. Kami Mahu Penjelasan. 14 Februari: 4.
- New Sabah Times. (2013). Michael Teh. KDCA Offended By 'Huguan Siou' Anuar. 13 Februari: 7.
- New Sabah Times. (2013). Razeef Rahman. Gelaran "Huguan Siou" Hanya Untuk KDM Sahaja. 16 Februari: 7.
- New Sabah Times. (2010). Pairin Harap Kolej KDM bakal Capai Status Universiti. 06 Mac: 8.
- New Straits Times. (2013). Joniston Bangkuai dan Roy Goh. Sacred Award: Conferment of 'Huguan Siou' Title on Anuar Riles Sabahans. 14 Februari: 12.
- New Straits Times. (2013). Joniston Bangkuai. Insensitive and Disrespectful: Only a Worthy Leader Can Hold the Sacred Office of the Kadazandusun Huguan Siou. 13 Februari: 14.
- Perlembagaan Kadazandusun Cultural Association's (KDCA), Artikel 6 (1), Hongkod Koisaan, Kota Kinabalu.
- Utusan. (2011). Sitti Nor Azizah Talata. Kolej KDM Mula Sesi Belajar Julai. 17 April: 12.
- Utusan Malaysia. (2013). Tarikan Poster 'Huguan Siou'. 11 Oktober: 15.

Buku dan Jurnal

- Arnold Puyok. (2008). Ethnic Factor in the 2008 Malaysian General Election: The Case of The Kadazan Dusun (KD) in Sabah. *JEBAT* 35 (1-16).
- Chamil Wariah. (1992). UMNO SABAH: Mencabar dan Dicabar. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hamdan Aziz. (2013). Peranan USIA dalam Pendidikan, Dakwah, dan Politik di Sabah, Malaysia, 1967-1976. *SUSURGALUR*: 1(2) September.
- Hanafi Hussin. (2007). Worldview dan Amalan: Pengalaman Kadazan Dataran Penampang Sabah. *Borneo Research Journal*. Volume 1. December.
- Khusairi Talib. (1991). PBS Keluar Membela Maruah. Kuala Lumpur: Goldoana Corporation Sdn. Bhd.
- Malakun, C. D. B. (1981). Political development in Sabah 1881-1981. Dalam. *Commemorative history of Sabah 1881-1981*. (ed.). Anwar Sullivan and C. Leong, Kota Kinabalu, Sabah: Sabah State Government.

- Mat Zin Mat Kib. (2003). Tun Mustapha: His Role and Contribution to the Development in Sabah, Malaysia. *TAWARIKH*: Vol 3 (2).
- Md. Salleh Md. Said. (2005). *Voting Patterns of The Bajau Ethnic Community in Sabah Politics, 1963-2004. Tesis Sarjana*. Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia.
- Pandikar Amin Haji Mulia. (1993). *Siapa Selepas Pairin?* Kota Kinabalu: Marah Yakin Sdn. Bhd.
- Raymond Boin Tombung. (1990). *Keluarga Dusun*. Kota Kinabalu: SQS Printing Sdn. Bhd.
- Tregonning, K.G. (2007). *Under Chartered Company Rule: North Borneo, 1881-1946*. Kuala Lumpur: Synergy Media.

Laman Sesawang

- Allan Dumbong. 2007. Sekolah Jenis Kebangsaan Kadazandusun. <http://kdca.org.my/archives/date/2007/06>. Diakses 23 Jun 2013.
- Allan Dumbong. 2011. 16 Pelajar Sekolah Menengah Akan Terima Anugerah Huguan Siou Anjuran KDCA. <http://kdca.org.my/archives/category/branch/page/3>. Diakses 13 Mac 2012.

Temu Bual

- Benedict Topin (Dr.). Umur 59 Tahun. Setiausaha Kerja KDCA. Penampang Sabah. 6 Ogos 2013.
- Rosanani Sogondu. 83 tahun. Kampung Sugud, Penampang. 25 Januari 2015.
- Rev. Fr. Ronny Peter Mailap. 34 tahun. Dewan Gereja Kampung Tiong, Tambunan. 22 Februari 2015.

EKSPLORASI SUMBER MINERAL DI BORNEO UTARA: DARI PERSPEKTIF MINERAL EXPLORER FRANK HATTON

Exploration of Mineral Resources in North Borneo: From the Perspective of Mineral Explorer Frank Hatton

DAVIS MILLER AK SIBA

SK Long Bemang, 98050 Marudi, Sarawak
E-mel: davismiller90@yahoo.com
Dihantar: 19 Mei 2021 / Diterima: 1 Julai 2021

Abstrak

Kepulauan Borneo digambarkan sebagai sebuah kepulauan yang kaya dengan sumber mineral (*British North Borneo Herald*, 1889). Perkara ini juga ada dinyatakan oleh para pelayar atau *navigators* khususnya orang Eropah dalam *old travel book* mereka. Antara sumber mineral yang didakwa wujud di Kepulauan Borneo ialah seperti emas, antimoni, cinnabar, arang batu, tembaga dan bijih besi. Perkembangan imperialisme dan kolonialisme di Barat telah menyebabkan orang Eropah berlumba-lumba untuk mendapatkan tanah jajahan di sebelah timur. Di Borneo Utara, selepas mendapat Piagam Diraja pada tahun 1881, pihak *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC) melihatkan bahawa sumber ekonomi yang utama bagi kelancaran pentadbiran awal mereka di Borneo Utara adalah bergantung kepada penemuan sumber mineral oleh para *mineral explorer*. Usaha BNBCC kian serius apabila tertubuhnya beberapa buah syarikat dan jawatankuasa berkaitan sumber mineral mula beroperasi seperti *Mineralogy Department*, *Gold Committee*, *British North Borneo Gold Syndicate*, *British Borneo Gold Mining Company*, *British Borneo Exploration Company* dan lain-lain. Selain melantik *mineral explorer*, pihak BNBCC juga memberikan ganjaran sebanyak \$500 dollar kepada mana-mana individu yang berjaya menjumpai sumber mineral di Borneo Utara (*British North Borneo Herald*, 1884). Maka, penulisan ini cuba untuk mengetengahkan eksplorasi sumber mineral yang telah dijalankan oleh *mineral explorer* dalam dekad awal pentadbiran BNBCC di Borneo Utara khususnya oleh Frank Hatton.

Kata kunci: Borneo Utara, sumber mineral, penerokaan, *mineral explorer*.

Abstract

The Borneo Islands are described as an archipelago rich in mineral resources (British North Borneo Herald, 1889). This is also stated by sailors or navigators, especially Europeans in their old travel books. Among the mineral resources

claimed to exist in the Borneo Islands are gold, antimony, cinnabar, coal, copper and iron ore. The development of imperialism and colonialism in the West made Europeans race to gain colonies in the east. In North Borneo, after obtaining the Royal Charter in 1881, the British North Borneo Chartered Company (BNBCC) saw that the main economic source for the smooth running of their early administration in North Borneo was dependent on the discovery of mineral resources by mineral explorers. BNBCC's efforts became more serious when the establishment of several companies and committees related to mineral resources began to operate such as the Mineralogy Department, Gold Committee, British North Borneo Gold Syndicate, British Borneo Gold Mining Company, British Borneo Exploration Company and others. In addition to appointing mineral explorers, the BNBCC also gives a reward of \$ 500 dollars to any individual who succeeds in finding mineral resources in North Borneo (British North Borneo Herald, 1884). Thus, this writing attempts to highlight the mineral resource exploration that has been carried out by mineral explorers in the early decades of the BNBCC administration in North Borneo especially by Frank Hatton.

Keywords: North Borneo, mineral resources, exploration, mineral explorer.

Pengenalan

Dakwaan bahawa Kepulauan Borneo sangat kaya dengan keberadaan sumber mineral telah menarik minat pelabur luar khususnya para pelabur Eropah. Dakwaan ini telah wujud sekitar abad ke-16 melalui sebaran maklumat daripada catatan dan rekod pelayar Eropah seperti Portugis, Belanda, Sepanyol, dan Inggeris (*British North Borneo Herald*, Julai 1889). Kepulauan Borneo sering dikaitkan dengan kekayaan sumber mineral emas. Kekayaan sumber mineral di Kepulauan Borneo khususnya bahagian selatan Borneo boleh dijelaskan berdasarkan kepada lawatan Pigafetta ke Brunei pada tahun 1553. Beliau menjelaskan bahawa;

The elephants with richly caparisoned housings of silk and gold, the door posts of ivory inlaid with the same precious metal, the golden mounted keris of the Sultan and his Pangerans, the wonderfully worked sarongs of the chiefs' stiff with auriferous embroidery (British North Borneo Herald, Julai 1889).

Malah, Hunt dalam laporannya kepada Sir Stamford Raffles *on the Great and Rich Island of Borneo* menyatakan bahawa seseorang itu hanya perlu datang ke Kepulauan Borneo, maka poketnya akan penuh terisi dengan emas dan berlian (Owen Rutter, 1922:276). Sementara itu, wilayah Dutch Borneo seperti wilayah Sambas dan Mantan telah terbukti kaya dengan sumber mineral terutamanya emas semenjak tahun 1712 lagi. Pada masa yang sama, wilayah

tenggara Borneo juga kaya dengan sumber mineral. Kawasan tersebut ialah milik Sultan Keoti dan Pasir. Sungai Brau dan Bulungan juga dipercayai turut kaya dengan sumber mineral. Bagi wilayah Borneo Utara, Dalrymple telah menulis sejak sekian lama akan kewujudan sumber mineral emas di wilayah utara Borneo. Dalrymple menjelaskan bahawa;

The district of Mangeedara produces plenty of very fine gold, which is soft like wax, the most remarkable place for this is Tambeesan within Geeong, but the river disembogues into the North Sea, between Tambeesan and Sandakan (Pryer dan Tarling, 1989: 112).

Oleh itu, tidak menghairankan jika kebanyakan penduduk tempatan di Borneo Utara sering menyatakan bahawa emas wujud di Sungai Segama ketika era pentadbiran BNBCC di Borneo Utara. BNBCC melihat ekonomi sumber mineral telah berjaya memberikan pulangan di Sarawak dan kawasan *Dutch Borneo*, jadi mengapa tidak ekonomi sumber mineral di wilayah mereka di Borneo Utara juga turut berjaya memberikan pulangan yang lumayan kepada syarikat. Pengkaji seperti Theodor Posewitz (1892), Owen Rutter (1922), K. G. Tregonning (1958), Amarjit Kaut (1998) dan Md Saffie (2007) menjelaskan bahawa emas, minyak, tembaga, berlian dan arang batu merupakan antara sumber mineral yang wujud di Borneo Utara.

Usaha Awal British North Borneo Chartered Company (BNBCC)

Dekad awal pentadbiran BNBCC di Borneo Utara, selain daripada ekonomi pertanian dan perdagangan, ekonomi sumber mineral juga dilihat sebagai salah satu sektor ekonomi yang mampu menjana keuntungan kepada pihak syarikat (*British North Borneo Herald*, November 1884). Oleh itu, usaha serius BNBCC terhadap ekonomi sumber mineral di Borneo Utara bermula semenjak tahun 1881 lagi dengan tertubuhnya *Mineralogy Department*. Pada awalnya, pihak BNBCC melantik orang perseorangan dan individu, iaitu *mineral explorer* untuk menjalankan eksplorasi sumber mineral di wilayah Borneo Utara. Mereka yang dilantik akan dibayar dalam bentuk royalti. Dalam konteks mineral, mineral emas merupakan keutamaan bagi BNBCC dan pihak *mineral explorer* dalam membuat eksplorasi sumber mineral mereka. Maka, beberapa buah jawatankuasa dan syarikat khususnya berkaitan sumber mineral emas telah diwujudkan di Borneo Utara. Misalnya, *Gold Committee*, *British North Borneo Gold Syndicate*, *British Borneo Gold Mining Company* dan yang seumpamanya (Owen Rutter, 1922: 277-278). Tambahan lagi, William Pryer pula menyatakan bahawa;

Early in 1878 I was informed by the native that gold existed in the Mekor and shortly afterwards I was told at the Sungai Bilang as well. Down the present time, the natives remain faithful to this tales that the Segama always said to be the best district for gold (British North Borneo Herald, Julai 1889).

Tiga perkara penting dalam perhatian BNBCC berkaitan ekonomi sumber mineral di Borneo Utara iaitu diusahakan sendiri, disewakan kepada syarikat Eropah atau syarikat Cina dan hanya membenarkan orang Cina dan pelombong Melayu untuk bekerja di lombong. Namun, hakikatnya pihak BNBCC lebih cenderung agar ia kelak akan dibangunkan oleh syarikat Cina iaitu pekerja dan pelombong Cina. Hal ini demikian kerana BNBCC melihat kegagalan pelabur Eropah berbanding pelabur Cina dalam sektor mineral di Tanah Melayu turut mempengaruhi keputusan mereka dalam merangka eksplorasi awal dan pembangunan ekonomi sumber mineral di Borneo Utara. Selain itu, pihak BNBCC juga turut memberikan ganjaran dalam bentuk kewangan kepada individu yang menjumpai atau menemui sumber mineral di Borneo Utara. Ganjaran sebanyak \$500 dolar yang diberikan pula secara tidak langsung telah membawa kepada banyaknya maklumat yang diberikan dalam kalangan penduduk tempatan. Lambakan maklumat berkenaan kewujudan sumber mineral ini telah menambahkan lagi minat BNBCC bahawa wilayah Borneo Utara yang sememangnya kaya dengan sumber mineral. Namun begitu, si penemu sumber mineral akan dibayar sebanyak \$100 dolar kerana telah menemukan sumber mineral berkenaan. Selebihnya, \$400 dolar akan dibayar setelah maklumat kepada penemuan itu terbukti berjaya dari segi konteks perlombongannya dan menghasilkan pulangan kepada pihak syarikat (*British North Borneo Herald*, November 1884).

Dari segi satu sudut, *mineral explorer* pada dasarnya merupakan individu penting dalam eksplorasi dan penerokaan sumber mineral untuk BNBCC. Sepanjang tahun 1881 sehingga 1900, eksplorasi sumber mineral di Borneo Utara dijalankan sama ada oleh pegawai kerajaan atau orang perseorangan yang dilantik dan dibantu oleh pihak syarikat. Oleh itu, terdapat beberapa individu atau *mineral explorer* yang memberikan sumbangan dan membuat eksplorasi sumber mineral di wilayah ini. Antaranya ialah Frank Hatton, R. D. Beeston, Beveridge, A. M. Everett, Walters, Skertchly, Allard, Amos, Sefton, Daly, Little, Smith dan yang lain (Pryer & Tarling, 1989: 113). Walaupun demikian, penulisan ini tidak berpeluang untuk menjelaskan kesemua peranan dan sumbangan para *mineral explorer* seperti yang telah diutarakan di atas. Penulisan ini akan cuba untuk menonjolkan eksplorasi sumber mineral yang telah dibuat oleh Frank Hatton. Rasionalnya, Frank Hatton merupakan *mineral explorer* yang pertama membuat *scientific exploration* berkaitan sumber mineral di Borneo Utara selepas penubuhan *Mineralogy Department*.

Frank Hatton, 1881 sehingga 1883

Frank Hatton dilahirkan di Horfield, Bristol dan mendapat pendidikan di Marcy, berhampiran Lille di Perancis dan kemudian King's College School. Beliau juga turut mendapat pendidikan di Royal School of Mines di London dan beliau

turut memenangi hadiah Frankland dari Institut Kimia. Dengan minat yang mendalam terhadap kajian geologi, beliau telah berkhidmat untuk BNBCC untuk menjalankan eksplorasi mineral Borneo Utara. Frank Hatton merupakan antara *mineral explorer* yang terawal dilantik oleh BNBCC untuk membuat *prospecting* sumber mineral di Borneo Utara, walaupun A. M. Everett ialah individu terawal yang dicadangkan oleh BNBCC untuk menjalankan eksplorasi mineral di Borneo Utara. Namun, pada ketika itu A. M. Everett sedang berkhidmat dan dilantik sebagai *mineral explorer* bagi Sultan Brunei. Malah, tindakan BNBCC untuk mendapatkan khidmat A. M. Everett juga telah mendapat bantahan rasmi daripada *Brunei Mining Association* (*British North Borneo Herald*, November 1884). Oleh itu, BNBCC menerusi *Mineralogy Department* melantik dan mendapatkan khidmat Frank Hatton.

Beliau memulakan ekspedisi pertamanya pada tahun 1881 setelah bertolak dari London pada bulan Ogos 1881 dan tiba di Labuan pada bulan Oktober 1881. Sepanjang tahun 1881 sehingga tahun 1883, Frank Hatton telah menjalankan beberapa siri eksplorasi dan penerokaan sumber mineral, antaranya seperti berikut;

- i. Sekuati dan Sungai Kurina.
- ii. Sungai Labuk dan Kudat.
- iii. Kinoram dan Kota Marudu.
- iv. Kinabatangan dan Segama.



Foto 1 Frank Hatton
Sumber: Hatton (1885: 437–446).

Walau bagaimanapun, pada tahun 1883 beliau telah meninggal dunia kerana dipercayai tertembak diri sendiri semasa memburu gajah. Selepas kematiannya, mayatnya telah dibawa oleh sampan selama beberapa hari melalui Sungai Kinabatangan untuk ke Elopura (Sandakan). Beliau telah dikebumikan di tanah perkuburan Kristian di Sandakan pada tahun 1883.

Sekuati dan Sungai Kurina

Bagi eksplorasi dan penerokaan yang pertama ke Sekuati dan Sungai Kurina, Frank Hatton dan pasukannya tiba di wilayah berkenaan untuk mengenal pasti keberadaan petroleum dan minyak khususnya di Sekuati. Keberadaan sumber mineral minyak di Sekuati ialah hasil laporan daripada *explorer* Francis Xavier Witt (British North Borneo Herald, Julai 1889; Hatton dan Hatton, 1886: 135).¹ Walau bagaimanapun, kuantiti minyak di Sekuati kurang memuaskan. Menurut Hatton;

I was rather disappointed with the quantity of petroleum floating on the river, but a good quantity of gas seemed to be bubbling up at the spring (Hatton dan Hatton, 1886: 139).



Foto 2 Lakaran Huttonville Siquati Oil Mines

Sumber: Hatton dan Hatton (1886: 75)

Lebih penting, minyak sememangnya wujud di wilayah Sekuati. Hal ini dapat dibuktikan melalui beberapa buah penggalian *oil spring* atau telaga minyak oleh Hatton dan pasukannya. Hatton menulis dalam diari beliau menyatakan bahawa;

I had a hole dug, are foot deep by two feet wide long, at the main oil spring. Oil bubbled up freely. There was a thickness of four inches of oil floating on the mud and water saturated with oil, in a few minutes (Hatton dan Hatton, 1886: 141).

Walaupun demikian, gas tersebut bukan merupakan gas yang mengandungi kualiti minyak yang baik. Gas tersebut dilaporkan *colourless*, *tasteless* dan merupakan *inodorous gas*. Malah, Hatton berpendapat sekiranya terdapat teknologi dan mesin yang sesuai, *oil spring* berkenaan boleh mengeluarkan kira-kira 100 gelen minyak dalam masa sehari (Hatton dan Hatton, 1886: 156; *British North Borneo Herald*, Julai 1889). Namun, *oil shale* tersebut memerlukan kawasan sekitarnya untuk dibuat uji kaji bagi menentukan kuantitinya yang sebenar.

Selain itu, hasil eksplorasi Hatton dan pasukannya ini turut mengesahkan keberadaan sumber mineral *ironstone* atau bijih besi di sekitar Sekuati dan Sungai Kurina, khususnya kawasan sekitar daerah Kudat. Hal ini membawa petunjuk akan kemungkinan tanggapan bahawa kawasan sekitar daerah Kudat juga turut terdapat sumber mineral arang batu. Tambahan pula, Frank Hatton telah menjumpai spesimen arang batu di Sekuati yang mempunyai persamaannya dengan kualiti arang batu di Labuan (Hatton dan Hatton, 1886: 173). Hal ini turut disokong oleh dakwaan penduduk tempatan berkaitan kewujudan sumber mineral arang batu di kawasan sekitar Taritipan, Marudu. Namun, dakwaan tersebut tidak tepat setelah eksplorasi dijalankan oleh Hatton dan pasukannya di kawasan sekitar Taritipan kerana hanya terdapat *iron pyrites* sahaja.

Sungai Labuk dan Kudat

Hasil daripada maklumat penduduk tempatan, eksplorasi ini dijalankan atas arahan daripada Gabenor BNBC yang mengarahkan Hatton untuk menyiasat keberadaan sumber mineral antimoni di Sungai Labuk. Hal ini adalah berdasarkan laporan daripada penduduk tempatan yang menunjukkan kepada beliau dua ketul kecil antimoni masing-masing seberat 11.235 g dan 13.726 g yang dipercayai spesimen daripada kawasan sekitar Labuk.

Malah, penduduk tempatan iaitu Haji Sedik menyatakan bahawa beliau mengetahui tempat sumber mineral antimoni berkenaan (*British North Borneo Herald*, Julai 1889). Jadual 1 menjelaskan hasil eksplorasi Frank Hatton dan pasukannya bagi eksplorasi di Sungai Labuk dan Kudat.

Jadual 1 Sumber mineral di Kudat dan Sungai Labuk

Kawasan	Jenis Mineral
Tanah Tumpas, Liposu	<i>Syenite, greenstone, serpentine, oxide of iron boulders, mica schist</i>
Telupid	<i>No useful mineral</i>
Timbalas	<i>Quartz, mica schist</i>
Mentapok	<i>Quartz</i>
Bendowen	<i>Quartz</i>
Nobow, Peringan, Gopie (Kalagion)	<i>Quartz, Slate</i>
Kinang-Konang	<i>Copper, grey slate, quartz, iron pyrites</i>
Bukit Garass	<i>Steatite, olive green</i>

Sumber: Diubah suai daripada *British North Borneo Herald*.

Walau bagaimanapun, hasil eksplorasi beliau gagal menemui sebarang kewujudan antimoni di Sungai Labuk dan Kudat. Frank Hatton menegaskan bahawa spesimen antimoni yang telah ditunjukkan kepada beliau di Sandakan yang seterusnya membawa kepada eksplorasi sumber mineral beliau ke Sungai Labuk dan Kudat, bukanlah spesimen yang datangnya daripada wilayah milik BNBCC sama ada Sungai Labuk atau sekitar Kudat, sebaliknya daripada wilayah lain. Hal ini sebagaimana yang dilaporkan oleh beliau:

I here learned that Hadji Sedik had been up here with some men collecting gutta, and that he himself had never left Pungoh village. No one had ever heard of the antimony, and I have concluded in my own mind that those minute specimens given to me from Sandakan never came out of the Company's territory, but were imported (Hatton dan Hatton, 1886: 239).

Kinoram dan Marudu

Eksplorasi ketiga Frank Hatton dan pasukannya ialah ke kawasan sekitar Kinoram dan Marudu. Hatton dan pasukannya berada di Kinoram dan Marudu selama empat bulan, iaitu bermula Julai 1882 sehingga Oktober 1882. Hasil maklumat penduduk tempatan yang mendakwa bahawa wilayah sekitar Kinoram dan Marudu mempunyai sumber mineral seperti arang batu, antimoni dan tembaga (*British North Borneo Herald*, Ogos 1889). Oleh itu, Frank Hatton menulis kepada Gabenor William Treacher pada 22 April 1882 melaporkan bahawa, "*I am much pleased with Kinoram and I think it may turn out a good mineral country when properly explored*" (Hatton & Hatton, 1886: 223).

Justeru, Frank Hatton dan pasukannya telah menjadikan Kinoram sebagai *mineral exploration camp* mereka. Hal ini berikutan daripada Frank Hatton percaya bahawa sumber mineral tembaga wujud di Sungai Kinoram dan Sungai Kias, serta sumber mineral arang batu wujud di Sungai Marudu. Namun, hasil

yang sama juga diperoleh oleh Frank Hutton kerana tidak menemui sebarang sumber mineral di ketiga-tiga sungai setelah eksplorasi dan penyiasatan dilakukan. Kawasan di Sungai Kinoram dan Marudu hanya mempunyai sumber mineral seperti *iron pyrites, limestone, sandstone, clays, quartz, syenite, serpentine greenstone, conglomerate* dan *silica*. Walau bagaimanapun, di kawasan sekitar Tumboyokon memperlihatkan uji kaji Hatton terhadap spesimen yang dijumpai oleh beliau dan pasukannya menunjukkan wujudnya peratusan kecil tembaga (*British North Borneo Herald*, September 1889). Justeru, eksplorasi sumber mineral di sekitar Kinoram dan Marudu telah gagal menemui sumber mineral yang telah diharapkan.

Eksplorasi Terakhir Frank Hatton

Berbeza dengan kebanyakan ekplorasi sebelum ini, eksplorasi Hatton yang terakhir ini lebih kepada pemerhatian ke kawasan sekitar Kinabatangan dan Segama. Berbanding eksplorasi sebelum ini, Frank Hatton dan pasukannya telah menemui sumber mineral arang batu di kawasan "carangan" di sekitar Kinabatangan iaitu sekitar Pinungah, Melian, dan Tungara (*British North Borneo Herald*, Oktober 1899). Namun, arang batu berkenaan hanyalah dalam kuantiti yang sedikit (Foto 1). Di samping itu, Frank Hatton dan pasukannya juga menjumpai sumber mineral emas di Long Bilang, Segama (Hatton & Hatton, 1886: 226). Walau bagaimanapun, Frank Hatton telah meninggal dunia akibat kemalangan tertembak dirinya sendiri sebelum sempat membuat eksplorasi sumber mineral di bahagian sungai *upper Segama*. Kematian mengejut Frank Hatton pada 1 Mac 1883 secara tidak langsung telah melambatkan eksplorasi sumber mineral BNBCC di Borneo Utara dan eksplorasi ini hanya disambung semula oleh Kapten R. D. Beeston pada Jun 1883 (*British North Borneo Herald*, Januari 1890).




Foto 3 Arang batu di "Carangan"
Sumber: Frank Hatton dan Joseph Hatton (1886).

Akhir sekali, eksplorasi sumber mineral Frank Hatton di Borneo Utara boleh dijelaskan sepertimana pada Jadual 2.

Jadual 2 Hasil eksplorasi sumber mineral Frank Hatton, 1881-1883

Kawasan	Sumber Mineral
Sekuati	Arang Batu, Minyak dan Petroleum
Kudat	Bijih besi
Segama	Emas
Marudu	Arang Batu
Tumboyokon (Kinoram dan Marudu)	Tembaga
Carangan (Eksplorasi Terakhir)	Arang Batu

Sumber: Diubah suai daripada *British North Borneo Herald*, Frank Hatton dan Joseph Hatton (1886).

Kesimpulan

Jika meneliti eksplorasi sumber mineral Frank Hatton di Borneo Utara, beliau dan pasukannya membuat eksplorasi dengan memfokuskan kawasan sungai dan sekitarnya. Eksplorasi pertama sehingga ke eksplorasi terakhir, Hatton dan pasukannya menelusuri Sungai Kurina dan Sungai Sekuati, kemudiannya di sekitar Sungai Labuk, kawasan sekitar Kudat sehingga ke Teluk Marudu dan terakhir, Hatton dan pasukannya membuat eksplorasi ke Sungai Kinabatangan sehingga ke Pinungah dan Tungara (Theodor, 1892: 68). Hal ini demikian kerana andaian daripada pihak BNBCC dan para *mineral explorer* yang mempercayai bahawa sumber mineral emas yang wujud di Borneo Utara ialah jenis *alluvial gold* dan *drift gold*, iaitu emas yang wujud di sekitar pertebingan sungai atau *river-beds* (Owen Rutter, 1922: 277). Oleh itu, eksplorasi sumber mineral Frank Hatton lebih banyak tertumpu di sungai dan kawasan sekitar sungai sahaja. Tidak dinafikan, secara keseluruhannya eksplorasi oleh Frank Hatton dikatakan kurang berjaya dalam menemui sumber mineral emas dan mineral bermutu lain. Namun, beliau merupakan individu yang penting ketika dekad awal penglibatan BNBCC dalam eksplorasi sumber mineral di Borneo Utara. Hal ini bersandarkan kepada tulisan diari, peta, rajah dan lakaran eksplorasi beliau telah dijadikan rujukan penting oleh *mineral explorer* selepas beliau.

Nota

¹ Frank Hatton dan pasukannya tiba di Sekuati pada 19 November 1881. Hatton dibantu oleh orang tempatan iaitu orang Dusun, bangsa Dayak dan orang Melayu Sarawak. Eksplorasi di sekitar Sekuati dan Sungai Kurina berlangsung selama dua bulan lebih. Hatton dan pasukannya meninggalkan Sekuati dan Sungai Kurina pada 6 Januari 1882.

Sumber Rujukan

Dokumen Arkib

British North Borneo Herald. November 1884.

British North Borneo Herald. Julai 1889.

British North Borneo Herald. Ogos 1889.

British North Borneo Herald. September 1889.

British North Borneo Herald. Oktober 1889.

British North Borneo Herald. Januari 1890.

Buku dan Jurnal

Ada Pryer. (1989). *Mrs Pryer in Sabah: Diaries and Papers from the Late Nineteenth Century Edited and Introduced by Nicholas Tarling*. Auckland: Centre for Asian Studies, University of Auckland.

Amarjit Kaur. (1998). *Economic Change in East Malaysia: Sabah and Sarawak Since 1850*. London: Macmillan Press LTD.

Anwar Sullivan dan Cecilia Leong (Eds). (1981). *Commemorative History of Sabah 1881-1982*. Kota Kinabalu: Kerajaan Negeri Sabah.

D. D. Daly. (1888). Explorations in British North Borneo: 1883-87. *Proceedings of the Royal Geographical Society and Monthly Record of Geography, New Monthly Series*. Vol. 10, No. 1, 1-24.

E. S. Hutchison. (2005). *Geology of North-West Borneo: Sarawak, Brunei and Sabah*. Amsterdam: Elsevier.

Frank Hatton dan Joseph Hatton. (1886). *North Borneo: Explorations and Adventures on the Equator*. New York: Scribner & Welford.

Hatton, Joseph. (1885). Frank Hatton in North Borneo. *Century Illustrated Magazine*. 30 (3): 437-446.

I. Ross. (2007). *Silimpon: A Borneo Mine*. Kota Kinabalu: Opus Publications.

K. G. Tregonning. (1958). *Under Chartered Company Rule (North Borneo 1881-1946)*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press

K. G. Tregonning. (1965). *A History of Modern Sabah (North Borneo 1881-1963)*. Singapura: University of Malaya Press.

Md Saffie Abdul Rahim. (2007). *Jepun di Borneo Utara: Migrasi dan Kegiatan Ekonomi 1884-1941*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Owen Rutter. (1922). *British North Borneo: An Account of its History, Resources and Natives Tribes*. London: Constable & Co. Ltd.

Theodor Posewitz. (1892). *Borneo: Its Geology and Mineral Resources*. (Terj. Frederick H. Hatch). London: E. Stanford.

SEJARAH PERBURUHAN: SISTEM PEREKRUTAN BURUH DI BORNEO UTARA 1881-1941

History of Labor: The Labor Recruitment System in North Borneo 1881-1941

SYAIB AHMED¹

MAUREEN DE SILVA²

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

E-mel: ¹syaibahmed@ymail.com; ²maureend@ums.edu.my

Dihantar: 19 Mei 2021 / Diterima: 9 Mei 2021

Abstrak

Artikel ini mengulas tentang sistem perekrutan buruh yang dilaksanakan oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBUB) di Borneo Utara dari tahun 1881 sehingga tahun 1941. Apabila sistem perburuhan yang lebih teratur dan bergaji diperkenalkan, SBUB menghadapi krisis kekurangan tenaga kerja bagi menampung seluruh pengoperasian sektor ekonomi di Borneo Utara. Justeru, penguatkuasaan undang-undang telah membolehkan SBUB melaksanakan dasar imigrasi bagi menggalakkan kemasukan imigran-imigran dari luar. Oleh kerana SBUB sangat bergantung kepada penggunaan buruh Cina dan Jawa, maka sistem perekrutan buruh di Borneo Utara dilihat kompleks kerana melibatkan pihak pentadbiran SBUB, Kerajaan Kolonial luar dan agensi perekrutan. Kajian ini bertujuan menganalisis sistem perekrutan yang digunakan ke atas buruh Cina, buruh Jawa dan buruh tempatan dengan mengambil kira peranan kerajaan kolonial dan agensi perekrutan, sebagai badan yang mengawal selia seluruh organisasi perekrutan di Borneo Utara. Penulisan ini dibuat berdasarkan sumber yang diperoleh dari buku, artikel jurnal, internet dan sumber-sumber rasmi dari Arkib Negeri Sabah seperti akhbar British iaitu *British North Borneo Herald* (BNBH), fail-fail rekod Borneo Utara (*North Borneo Central Archive, Miscellaneous Files Series*) dan Warta Kerajaan Borneo Utara (*Official Gazette*).

Kata kunci: Sistem perekrutan buruh, buruh Cina, buruh Jawa, buruh tempatan, Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBUB).

Abstract

This article reviews the labour recruitment system implemented by the British North Borneo Chartered Company (BNBC) in North Borneo from 1881 to 1941. When an organized and structured paid labour system was introduced, BNBC faced a labour shortage crisis to run the entire operation of the economic sector in North Borneo. Thus, law enforcement has enabled BNBC to implement an immigration policy to

encourage the entry of immigrants from oversea as BNBC is highly dependent on the use of Chinese and Javanese labour, the labour recruitment system in North Borneo is seen as complex as it involves the BNBC administration, external Colonial Government and recruitment agencies. This study aims to analyze the recruitment system applied to Chinese, Javanese and local labour by taking into account the role of the colonial government and recruitment agencies that embodied all recruitment organizations in North Borneo. This research is written based on academic books, article journals, internet, and official sources from the Sabah State Archives such as the British newspaper the British North Borneo Herald (BNBH), North Borneo Central Archive, Miscellaneous Files Series and the Gazette Government of North Borneo (Official Gazette).

Keywords: *Labour recruitment system, Chinese labour, Javanese labour, local labour, British North Borneo Chartered Company (BNBC).*

Pengenalan

Apabila amalan perhambaan dihapuskan dan sistem perburuhan yang teratur (bergaji) diperkenalkan, SBUB menghadapi masalah kekurangan sumber tenaga buruh. Bagi memastikan operasi sektor ekonomi berskala besar (pembalakan, pertanian dan perlombongan) dan jaminan pelabur luar tidak terjejas, SBUB memperkenalkan undang-undang *Estate Coolies and Labourers Protection Proclamation of 1883* bagi membolehkan imigran luar dibawa masuk ke Borneo Utara dan seterusnya membolehkan buruh direkrut bekerja, diikuti bersama peruntukan perlindungan buruh di tempat kerja serta syarat-syarat pekerjaan (Tregonning, 1965: 104). Perundangan ini dilaksanakan bersesuaian dengan garis panduan wilayah-wilayah koloni British yang lain bagi memuaskan hati pentadbiran kolonial British di Asia agar proses mendapatkan tenaga buruh dari luar dipermudahkan (Md Saffie Abdul Rahim, 2002: 11). Di Borneo Utara, SBUB sangat bergantung kepada tenaga buruh Cina, buruh Jawa dan buruh tempatan ekoran kegagalan untuk mendapatkan tenaga buruh dari India dan Jepun. Kewujudan kumpulan tenaga buruh yang berbilang ras menyebabkan sistem perekrutan buruh yang dilaksanakan SBUB berbeza-beza mengikut permintaan dan kedudukan geografi buruh yang direkrut (sama ada dalam atau luar dari wilayah Borneo Utara). Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisis sistem perekrutan yang dikenakan ke atas buruh Cina, buruh Jawa dan buruh tempatan dengan mengambil kira peranan kerajaan kolonial dan agensi perekrutan, sebagai badan yang mengawal selia seluruh organisasi perekrutan di Borneo Utara dari tahun 1881 sehingga tahun 1941.

Sumber dan Metode

Kajian ini menggunakan pendekatan disiplin sejarah dengan menganalisis data secara kualitatif menggunakan sumber-sumber primer dan sekunder berdasarkan penyelidikan di arkib dan perpustakaan. Sumber primer yang digunakan terdiri daripada bahan-bahan rujukan dari Arkib Negeri Sabah (ANS) seperti akhbar British iaitu *British North Borneo Herald* (BNBH), fail-fail rekod Borneo Utara (*North Borneo Central Archive, Miscellaneous Files Series*) dan Warta Kerajaan Borneo Utara (*Official Gazette*), manakala sumber sekunder yang digunakan termasuklah buku, artikel jurnal dan internet (Hansard).

Hasil dan Perbincangan

Sistem Perekrutan Buruh di Borneo Utara

Dalam konteks Borneo Utara, urusan pengambilan tenaga kerja dilakukan melalui wakil yang dihantar oleh Kerajaan SBUB atau agensi perekrutan. Lazimnya, segala urusan pengambilan atau perekrutan buruh dikendalikan oleh broker buruh. Broker buruh atau agensi perekrutan merupakan pihak yang bertanggungjawab mengendalikan urusan perkhidmatan mengimport atau merekrut buruh. SBUB sangat menekankan prosedur operasi perekrutan buruh di Borneo Utara apabila setiap urusan perekrutan memerlukan Broker buruh memiliki 'lesen perekrutan buruh' terlebih dahulu sebelum merekrut buruh secara sah yang boleh dibuat melalui Pelindung Buruh. Kegagalan berbuat demikian boleh dikenakan denda (\$100) atau penjara tiga bulan (*Official Gazette*, 1916: 151; *Official Gazette*, 1940: 279). Terdapat tiga jenis lesen perekrutan yang boleh dimohon oleh broker buruh, iaitu lesen tahunan atau 12 bulan (\$75), lesen untuk tempoh tiga bulan (\$25) dan lesen perekrutan sementara di bawah pertimbangan Pelindung Buruh dengan bayaran sebanyak 50 sen bagi setiap seorang buruh yang direkrut (*Official Gazette*, 1940: 277).

Buruh yang direkrut perlu menjalani pemeriksaan kesihatan terlebih dahulu sebelum dipertemukan dengan Pegawai Daerah yang bertugas (mengikut daerah buruh direkrut) mengikut Perundangan Perekrutan Buruh 1940. Hal ini bertujuan bagi memastikan buruh yang direkrut sah di sisi undang-undang (tidak dipaksa atau salah tafsir kontrak), sihat untuk bekerja dan menyiapkan pernyataan bertulis buruh (maklumat buruh seperti nama, umur, kampung) untuk dihantar. Kemudian, kos penghantaran buruh ke tempat kerja dan pulang setelah kontrak tamat akan dibiayai sepenuhnya oleh broker buruh atau majikan. Sekiranya buruh-buruh yang direkrut tidak memenuhi kriteria-kriteria yang dimaksudkan, maka pegawai yang bertugas boleh membatalkan kontrak kerjanya dengan menyerahkan satu memorandum kepada broker

buruh untuk diserahkan kepada Pelindung Buruh (*Official Gazette*, 1940: 278). Setelah proses-proses ini selesai, barulah buruh dihantar ke tempat kerja di bawah pembiayaan broker buruh atau majikan. Terdapat tiga jenis buruh yang direkrut di Borneo Utara iaitu buruh tempatan, buruh Cina dan buruh Jawa.

Perekrutan Buruh Tempatan

Bagi buruh tempatan, perekrutan tempatan tidak memerlukan lesen. Sebaliknya, broker luar dikehendaki memiliki lesen kecuali perekrut berbangsa British yang mempunyai kebenaran daripada pihak pentadbiran SBUB. Urusan melibatkan pengambilan buruh tempatan dilihat sangat ketat apabila setiap broker buruh yang memiliki lesen perlu mencari seorang penjamin kecuali bagi mereka yang telah mendapat kebenaran daripada pihak pentadbiran (pegawai lesen). Perekrut juga perlu mengambil kira kelas buruh (kesesuaian kerja) yang perlu direkrut, tempat-tempat yang boleh dilawati dan tempoh sah lesen. Lesen perlu diserahkan kepada pegawai daerah untuk disahkan sebelum proses perekrutan dapat dibuat (NBCA 1183, Memorandum on Native Labour). Pemimpin peribumi tidak boleh terlibat dengan kegiatan perekrutan, sama ada bertindak sebagai agen (orang tengah) atau menerima sebarang imbuhan yang melibatkan urusan perekrutan buruh tempatan (*Official Gazette*, 1940: 279). Kemudian, buruh tempatan yang direkrut akan diperiksa kesihatannya terlebih dahulu, dan sekiranya didapati tidak sihat atau tidak sesuai untuk bekerja, mereka akan dihantar pulang di bawah tanggungan majikan atau perekrut. Buruh tempatan tidak dibenarkan sama sekali bekerja di luar wilayah Borneo Utara dan hanya dibenarkan bekerja berdekatan (kampung halaman) sahaja untuk tempoh sebulan (NBCA 1183, Memorandum on Native Labour).

SBUB pada awalnya tidak menggalakkan penduduk tempatan terlibat dalam dunia perburuhan. Pertama, SBUB tidak mahu mengganggu corak kehidupan tradisional penduduk tempatan yang mengamalkan kegiatan penanaman padi yang dikhuatiri hanya akan mengganggu pengeluaran hasil beras, terutamanya di wilayah Keningau dan Tambunan (Despatches, Court to Governor 1918). Kedua, perpindahan keluar penduduk tempatan mencari pekerjaan di ladang getah, terutamanya di sebelah pantai barat menyebabkan SBUB mengalami kesukaran mendapatkan tenaga kerja (buruh tempatan) untuk projek pembinaan kerajaan (pembinaan jalan dan pembersihan hutan) bagi menambah baik jaringan komunikasi penduduk luar bandar. Tambahan pula, perpindahan keluar penduduk beramai-ramai hanya menyebabkan kadar kelahiran penduduk tempatan di pedalaman menurun (Despatches, Governor to Chairman 1918). Ketiga, SBUB menerima rungutan dan aduan daripada ketua kampung bahawa perpindahan keluar penduduk tempatan yang mencari pekerjaan mengabaikan (nafkah) anak-anak, isteri dan keluarga

masing-masing (NBCA 497, *Desertion by Husbands in the Native Villages*). Hal ini demikian kerana penghijrahan penduduk tempatan secara besar-besaran akan menyebabkan ketua-ketua kampung kehilangan kuasa pentadbiran dan pemimpin-pemimpin kampung akan menuntut pungutan cukai daripada pihak SBUB (*Despatches, Governor to Chairman 1918*).

Di samping itu, disebabkan tiada pengalaman bekerja, budaya minum arak (samsu) dan acara keramaian (pesta menuai) yang sudah sebatik dalam kehidupan penduduk tempatan menjadi faktor penduduk tempatan dianggap tidak sesuai bekerja sebagai buruh kerana bimbang gaya hidup mereka akan menjejaskan kualiti kerja dan produktiviti ekonomi (NBCA 1183, *Labour, Native, Recruitment and Employment*). Tambahan pula, kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh penduduk tempatan dan pengurus ladang menunjukkan perbezaan yang sangat ketara apabila penduduk tempatan cenderung menjalankan kegiatan perkebunan secara kecil-kecilan melalui perkongsian hasil tanaman. Pengurus ladang menolak sistem perkongsian hasil dalam sistem ekonomi pertanian kerana tidak menguntungkan apabila tanah yang luas perlu dikongsi oleh ramai orang. Pihak Eropah menolak sistem ini kerana disifatkan sebagai mundur, tidak berkembang, melemahkan kawalan buruh, mengancam keselamatan ekonomi dan tidak boleh diterima sama sekali semasa era kolonial pada masa itu (Ochiltree, 2004: 42). Secara teknikalnya, perekrutan buruh tempatan dilihat leceh kerana perekrutan buruh tempatan hanya dibenarkan bagi mereka yang memiliki lesen sahaja (NBCA 1201, *Employment of Natives by Estates*). Oleh kerana buruh tempatan hanya dibenarkan bekerja secara kontrak bulanan (sebulan) dan dibenarkan pulang ke kampung halaman masing-masing dalam tempoh tiga bulan setiap tahun, maka majikan perlu memperbaharui kontrak mereka setiap bulan dan membenarkan mereka pulang (*Despatches, Governor to President 1924*). Persepsi negatif dan kurangnya minat terhadap penggunaan buruh tempatan yang dilihat rumit dan merugikan semasa awal pentadbiran menyebabkan penglibatan masyarakat tempatan dalam dunia perburuhan terbatas.

According to *tusut* genealogies, Panglima Kaka died of old age at Bukit Tapang after they stayed there for 16 years. His followers led by his son Lenggai left Bukit Tapang to live temporarily at Lubok Basi at the present boundary between Entingan and Nangka. They migrated again through Sungai Entingan and arrived at Kampung Entingan in 1905. There was abundant fish in the river, including a number of *Jeringan* fish and the place name Entingan. Some said it was named after a man called Entingan. Lenggai anak Kaka was elected as the first head man of Kampung Entingan. A community hall called “Dewan Lenggai” and was named after him. He resigned as a headman and was succeeded by his brother Dana anak Kaka. They invited some of their family members and relatives at Munggu Pasu to stay with them at Entingan. As their numbers multiplied, years later, some of the villagers started to open up new areas such as Nangka, Rembus, Plaie and Semawang. This explains why some of the communities of Iban Kua’ in all these places are all closely family-related.

Narrative 3: Kelambung Api and Other Pioneers

Another group of Iban Kua’ who have stayed at an area called Sampun of Asajaya District for six generations is near to lower Sadong river. It is located approximately 35 kilometres from Samarahan District and many of them have family-relationship with the Iban Kua’ in Samarahan up to the west until Lundu. Sampun can be divided into five different villages such as Sampun Tebun, Sampun Jugu, Sampun Gerunggang, Sampun Kelili and Sampun Baru. The

narrative by Sawi anak Nyalat of Sampun Tebun, suggests that they are also the descendant of a chief named Jampang or Kelambung Api who migrated westward from Sebuyau to search for new place and to avoid enemy contact Brooke's arrival. They were attacked and forced to migrate to the present Asajaya District, Samarahan District, Lundu District and also to Selabat near Kuching District.

The people of Sampun area go to Selabat to visit their ancestral land that was given by their great grandparent. They took similar route taken by Luyoh (Gelungan's eighth descendant) who migrated to Selabat near the present Muara Tebas. Interestingly Iban Kua' of Sampun have a historical place called Tamoi. It is a place for some local, especially those who still practicing *adat miring* (offering) to seek for blessings and protection from the *petara* (god) few days before *Gawai* festival. There is also a *lumbong* (tomb) of Jampang who fought against their enemy when they first moved to Sampun. In Iban tradition, only the *bujang berani* (brave bachelor) is eligible to be buried in a *lumbong* rather than a normal pendam (graveyard). It was because of his spiritual ability to defend their territory by using his charm, the Iban Kua' of Sampun still live there for the past six generations.

There was a group of Iban searching for a new land for farming during the rule of Sir Charles Brooke (1868 to 1917), like those from Kampung Mangka. According to the headman of Kampung Mangka, Sup anak Bawong, they were originally a group of Ibans from nearby Kampung Sebayor and Kampung Melaban.

During the Japanese occupation that started in 1941, many Chinese traders came to Samarahan area and settled around the present day of Kampung Mangka. Chinese traders had occupied land for planting black pepper and *gambir* (*uncaria rhynchophylla*). It was a lucrative and popular agricultural product during that time. They lived together with the Ibans and Malays.

The establishment of Kampung Mangka started when a Chinese man named Kong See Namka paddled through a small river to sell his agricultural products in Kuching. He passed daily through two Iban longhouses located along the river bank. The residents decided to name the river and the land as Sungai Mangka and Kampung Mangka respectively according to his name (Namka). Until now, there are still local Chinese who had built their modern house in Kampung Mangka. Many of them had lived for years and also married to some Ibans in Kampung Mangka.

There was also an Iban village situated not far from Kampung Rembus near Batang Samarahan. Not much known about this village as there are a few of residents. Back then, they settled at Sungai Keruin close to Kampung Plaie. Their ancestors who first settled here were from Kampung Plaie, Kampung Rembus and also some descendant of Iban Kua' from Lundu who were searching for new land for rice cultivation. Many of them had stayed overnight in a small hut before they built a permanent settlement.

It was named Kampung Sungai Batu (Riverstone) in 1940 by the British. Earlier it was called Kampung Tapang Pugok. It happened when the British docked their small ship at the mouth of Batang Samarahan tributary due to a large stone that blocked their way. This occurred when the tide is low. Eventually, the British decided to wait until the water level is rising.

A few kilometres from Kampung Sungai Batu, there is also a new Iban village called Kampung Jegoi. This village was established in 1993 with only twelve families. They were originally from nearby village such as Rembus, Plaie, Sebayor and Sungai Tanju. Historically, Kampung Jegoi was only a place where peoples planted their paddy. Some of them stay overnight in a small hut as there were no systematic road networks connecting other villages. While people from Sungai Tanju had to travel by boat to get there. As their number multiplied every year, the farmers decided to establish a new village under the leadership of Masa anak Pinki and the village existed until today.

Conclusion

The Sebuyau or Iban Kua' way of tracing their social origin is represented by a succession of ancestral names connected to the origin places. Names such as Gelungan and Sendi as the first ancestors of Sebuyau Iban are the most important form of level of hierarchy, which in order to trace down all the early ancestors and migrational histories. In addition, the riverine areas such as Batang Ai, Batang Lupar, Batang Sadong and Sarawak river plays an important role in the early migration of the Iban as the place for living and for transportation. As discussed in this article, the Iban Kua' settled in Samarahan area since early 1880's. They are descendants of Gelungan and Sendi that migrated through Merakai, Lubok Antu and the other one is Panglima Kala that migrated through Serikin, Bau. They occupied most part of modern Kuching such as Bukit Mata Kuching (Munggu Pasu) in the olden days. Besides, the colonial rule of the British also plays an important role in tracing down the migrational histories of the Iban Kua' in Samarahan. We have to accept the fact that the modern history Sarawak really began with the first landing of James Brooke in 1839. Therefore, it is very crucial for government agencies, historians and academicians to collect and record some more historical event in the Iban Kua' in Samarahan.

Acknowledgement

The authors would foremost like to thank the Ministry of Higher Education for the Niche Research Grant Scheme (NRGS) with the grant number NRGS/1090/2013(04) as well as Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) for providing all necessary facilities to carry out this study. The authors would also like to thank all the key informants, chiefly Dato' Sri Edmund Langgu anak Saga, the late Mr. Edward Brandah anak Madi and Mr. Alban Kunding anak Manggui, Mr. Robert anak Lugah, Mr. Sawi and Nyalat and Mr Gilbert Apon anak Tuta who shared their genealogical histories to this study. The authors would also like to thank all the community leaders and the Ibans of Samarahan for their cooperation and willingness to participate in this study.

References

- Freeman, D. (1992). *The Iban of Borneo* (No. 41). S. Abdul Majeed.
- Gomes, E. H. (1907). *The Sea-Dyaks of Borneo*. Society for the Propagation of the Gospel in Foreign Parts.
- Ho, A. Y. (1998). *Old Kuching*. Oxford University Press.
- Husaini, S. (2008). *Samarahan: Dari Kampung Terpencil ke Desa Ilmu*. Kota Samarahan: Pejabat Residen Samarahan.
- Kedit, P. M. (1988). Iban Bejalai and Sarawak's Development. *Development in Sarawak*, 135 -155.
- Ngidang, D. (2005). Deconstruction and reconstruction of native customary land tenure in Sarawak. *Southeast Asian Studies*, 43 (1): 47 – 75.
- Pringle, R. (2010). Rajahs and rebels: *The Ibans of Sarawak under Brooke rule, 1841-1941*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Sandin, B., & Sather, C. A. (1994). *Sources of Iban traditional history*. Sarawak Museum Journal (Special Issue No.7). Kuching: Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- State Planning Unit. (2015). *Sarawak Facts and Figure 2015*.
- Sutlive, V. and Sutlive J. (1994) *Handy reference: Dictionary of Iban and English*. Kuala Lumpur: Ampang Press.
- Sutlive, V. and Sutlive J. (2001). *The Encyclopedia of Iban Studies, Volume III*. Kuching: Tun Jugah Foundation.

SEJARAH BUDAYA NGAYAU DALAM MASYARAKAT IBAN DI SARAWAK *Ngayau Culture in the Iban Community in Sarawak*

GREGORY KIYAI @ KEAI

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak
E-mel: gregory_kiyai@yahoo.com
Dihantar: 20 Mei 2021 / Diterima: 21 Julai 2021

Abstrak

Ngayau (headhunting) adalah amalan memburu kepala berdasarkan adat istiadat yang diamalkan oleh masyarakat Iban sejak masa silam lagi sebelum dihentikan oleh Rajah Brooke semasa pemerintahannya pada tahun 1839. Tindakan Brooke tersebut telah menimbulkan pelbagai reaksi daripada masyarakat Iban di Sarawak dan secara tidak langsung mengubah landskap budaya dan kepercayaan orang Iban terutama dalam konteks sosioekonomi dan politik mereka. Makalah ini memfokuskan pada inti tentang kebudayaan *Ngayau (headhunting)*, manifestasinya dalam budaya sebagai sebuah adat dan kepercayaan budaya masyarakat Iban. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif yang bergantung pada temu bual melalui kaedah pengumpulan data secara memori kolektif dengan informan yang dipercayai mempunyai kepakaran dalam sejarah dan adat istiadat Iban. Oleh itu, hasil kajian mendapati bahawa sejarah *Ngayau (headhunting)* telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap pembentukan identiti budaya mereka sebagai sebuah etnik peribumi Sarawak yang kaya dengan adat istiadat dan warisan. Sejarah *Ngayau (headhunting)* telah memberikan imej secara visual dalam bentuk kebanggaan, kepahlawanan dan keberanian kepada masyarakat Iban itu sendiri. Tujuan penerbitan kertas kerja ini adalah sebagai usaha untuk mengarkibkan dan mewujudkan pemahaman yang neutral bagi masyarakat untuk memahami amalan *Ngayau (headhunting)* dalam budaya dan adat resam masyarakat Iban di Sarawak.

Kata kunci: Kajian Borneo, adat, budaya, sejarah, Iban, *ngayau*, Sarawak.

Abstract

Ngayau (headhunting) is a practice of headhunting which is based on the custom practiced by the Iban community since the days before it was stopped by Brooke during his governed in 1839. His action has caused a variety of reactions from the Iban community in Sarawak and it indirectly changed the cultural landscape and

beliefs of the Iban people especially in their socio-economic and political context. This paper focuses on the core of Ngayau's (headhunting) practice as a custom, culture and spiritual belief in the culture of the Iban community by using the qualitative method that relies on collective memory interviews with informants who are believed to have expertise in the history and customs of Iban. Therefore, the findings have found that Ngayau's (headhunting) history has left a profound impact on the formation of the Iban community now in leading their legacy as a nation that is rich in customs and heritage. Ngayau's (headhunting) history has given representation in the form of pride, heroism and bravery in the image of the Iban community itself. This paper is an effort to archive and create a neutral understanding for the community to comprehend Ngayau's (headhunting) practices in the culture and customs of the Iban community in Sarawak.

Keywords: Borneo studies, custom, culture, historical, Iban, ngayau's, Sarawak.

Pengenalan


Peradaban dan tamadun terbina dari sebuah kemajuan hidup manusia melalui aspek sosial, ekonomi dan politik. Manusia mengambil tempoh masa yang lama dalam mengukuhkan tamadun mereka secara berperingkat-peringkat untuk membentuk budaya dan identiti mereka. Usaha untuk mengekalkan ketamadunan tersebut agar terus berkesinambungan, manusia secara tidak langsungnya telah memikirkan pelbagai kaedah pengekalan warisan melalui proses warisan, pembelajaran dan perluasan kuasa secara tekanan untuk menstabilkan budaya dan identiti mereka. Secara tidak langsung, aktiviti budaya tersebut akan mewujudkan perasaan patriotisme dan jati diri yang tinggi dalam kelompok masyarakat tersebut sehingga mereka sanggup berkorban untuk melindungi dan mempertahankannya daripada gugur atas faktor-faktor bencana dan konflik di antara manusia.

Melalui penelitian sejarah lepas, sebelum ketibaan penjajah Barat dari Eropah, telah wujud konflik perluasan kuasa dalam kalangan masyarakat di Pulau Borneo dan sekitarnya. Masyarakatnya hidup dalam konflik yang tegang dan terisolasi antara satu sama lain. Peperangan antara etnik sering terjadi di Pulau Borneo disebabkan oleh pelbagai faktor seperti perebutan kawasan penempatan, pejarahan harta atau tuntutan adat dan kepercayaan iaitu *Adat Ngayau*. *Adat Ngayau* telah menjadi satu teknik perluasan kuasa yang paling efektif ketika itu dan tidak hanya berlaku dalam budaya Iban, namun turut berlaku dalam budaya etnik Murut dan etnik Dusun di Sabah serta etnik Kayan di Sarawak. Faktor ini telah ditambah oleh kedatangan James Brooke ke Sarawak pada tahun 1838 yang telah mengubah landskap sosiobudaya masyarakat

peribumi di Borneo secara mendadak, khususnya di Sarawak (Toh & Low, 2019: Novatin Syarifuddin, 2016: Liman Lawai, 2003).

Kaedah Penyelidikan

Menurut Mead's (1929), *Collective Memory* adalah satu ingatan kolektif yang pada dasarnya merupakan penyusunan semula masa lalu dan menyesuaikan imej, kepercayaan dan pengalaman tersebut dalam masa kini. Selain itu, menurut Olick (1999:337), *Collective Memory* adalah satu tindakan yang memasukkan faktor representasi kolektif (simbol, makna, naratif dan ritual yang sedia ada dalam sesebuah masyarakat), struktur budaya dan kenangan individu yang secara peribadi dan terbentuk oleh sosial budaya.



Rajah 1 Memori manusia

Sumber: Olick, 1999

Menurut Barbara Misztal (2003), memori manusia dapat diturunkan dalam pelbagai bentuk iaitu, (i) Memori refleksi adalah ingatan peribadi seseorang yang melibatkan interaksi dengan orang-orang di sekitarnya sehingga sulit untuk dilupakan oleh orang yang mengalami peristiwa tersebut. (ii) Memori generasi adalah memori yang diturunkan oleh suatu generasi yang lebih tua kepada generasi penerusnya atau generasi yang lebih muda sehingga memori tersebut terus hidup dalam budaya. Memori ini menyebabkan suatu peristiwa akan terus berlanjutan dan mengalami kemunduran sekiranya dilupakan dan (iii) Memori tradisi adalah satu ingatan yang statik, berorientasi pada masa lalu dan bersifat konservatif. Selain itu, ingatan tersebut adalah tahan terhadap perubahan dan sebagai alat untuk mengintegrasikan di antara masa lalu dan masa kini sehingga wujud perkembangan yang seimbang di mana informan yang telah ditemu bual adalah sekumpulan pakar yang mahir dalam budaya Iban. Kaedah pengumpulan yang digunakan untuk mendapatkan data adalah menggunakan teknik *Collective Memory*, iaitu temu bual secara individu (*in-depth interview*) dan kaedah temu bual secara kumpulan berfokus (*focus group interview*).

Perbincangan Lepas

Konsep dan Definisi Pemburuan Kepala dalam Kebudayaan Manusia

Konsep pemburuan kepala dalam budaya awal manusia telah menjadi perbualan yang sengit dalam penelitian sarjana antropologi tentang peranan, fungsi dan motivasi sosialnya. Walau bagaimanapun, para sarjana kontemporari umumnya bersetuju bahawa fungsi utama amalan pemburuan kepala dalam budaya manusia adalah menjurus kepada upacara keagamaan dan sebahagian daripada proses penstrukturan, pengukuhan dan pertahanan hubungan hierarki antara masyarakat dan individu.

Pembuktian arkeologi membuktikan bahawa budaya pemburuan kepala telah dipraktikkan secara meluas dalam pelbagai budaya seperti period PraColumbia, Asia Timur, Prasejarah Eropah dan semasa era prakolonial di New Zealand. Berdasarkan kepada Donald A. Proulx (2001), pemburuan kepala musuh untuk dijadikan sebagai objek dalam amalan ritual manusia, memiliki sejarah yang panjang dalam tamadun manusia. Dipercayai tradisi ini telah wujud sejak era praseramik (sebelum 1800 BC) semasa era PraColumbian iaitu sekitar 2000 sehingga 300 BC dan berlanjutan sehingga zaman *Chavin*, *Moche*, *Paracas*, *Nasca*, *Huari* dan *Inca*. Perkara ini dibuktikan dengan penemuan 100 buah kepala manusia yang telah diawet dan terpisah dari anggota badannya di tapak ekskavasi di Peru. Berdasarkan kepada penelitian arkeologi, masyarakat *Pre Columbian* telah menggunakan pisau obsidian, iaitu bilah pisau yang diperbuat daripada lava gunung berapi yang telah mendap dan membentuknya menjadi kaca kemudian akan mengasah serpihan lava tersebut agar menjadi tajam untuk memotong kepala musuh.

Menurut Susan D. Rusell (1989), sekitar tahun 200 sehingga 350 SM, tradisi pemburuan kepala telah menyebar luas ke kawasan Asia Tenggara dan Melanesia. Di Filipina, misalnya tradisi pemburuan kepala telah berlaku secara meluas di kawasan penduduk yang hidup di dataran rendah dan tinggi sebelum ketibaan orang Sepanyol ke Nusantara pada pertengahan tahun 1500-an. Selepas kemasukan agama Katolik dari Sepanyol, penduduk di Filipina mula menghentikan amalan pemburuan kepala (kecuali di kawasan pergunungan utara Filipina). Walau bagaimanapun, sekelompok suku seperti di Burma, Assam di India dan penduduk Dayak di Borneo masih meneruskan amalan tersebut sehinggalah kepupusannya secara menyeluruh selepas kedatangan pihak kolonial yang membawa ajaran agama Kristian dari Eropah. Beliau turut menjelaskan bahawa konsep tradisi pemburuan kepala dalam budaya peribumi Asia Tenggara dilihat dari lima perspektif, iaitu perspektif kolonial, keagamaan, struktur kosmologi, emosi dan pandangan kitaran hidup dan pandangan ideologi.

Menurut Awang Azman Awang Pawi (2013: 139-154), pandangan dunia secara menyeluruh atau dikenali sebagai *weltanschauung* merujuk kerangka idea dan kepercayaan individu, kumpulan dan budaya dalam menginterpretasikan dunia mereka. Dalam konteks etnik di Sarawak, masing-masing mempunyai kepercayaan yang dibina dalam lingkungan kehidupan persekitaran mereka. Dalam budaya Iban, *Ngayau* (pemburuan kepala) merupakan satu adat yang harus dilaksanakan, terutamanya oleh kaum lelaki Iban untuk berperang. Peperangan adalah sebuah komponen dari budaya yang mempunyai hubungan rapat dengan bentuk aktiviti spiritual manusia. Perkara ini adalah hasil daripada pembentukan agama tradisional Iban iaitu *Pengarap Lama*.

Menurut Gomes (1911), Howell dan Bailey (1900), Adat *Ngayau* ialah suatu institusi yang diamalkan oleh masyarakat bukan Islam (iaitu Dayak Iban) di Sarawak dalam kurun ke-19 dahulu. *Ngayau* ialah satu istilah yang digunakan untuk merujuk kepada suatu amalan memburu kepala manusia yang terdapat dalam kalangan kebanyakan masyarakat Dayak Sarawak seperti Iban dan Kayan. Sebenarnya, konsep *ngayau* adalah suatu institusi yang mempunyai kaitan amat erat dengan institusi perkahwinan, keagamaan dan nilai keperwiraan. Dalam kalangan masyarakat Iban, menjadi suatu syarat bagi seorang lelaki untuk mempersembahkan dahulu satu kepala kepada bakal isteri sebagai bukti keberanian dan kegagahannya sebelum perkahwinan dilangsungkan. Keupayaan untuk memiliki beberapa kepala musuh adalah perlu untuk melayakkan seseorang itu menduduki sesuatu jawatan penting dalam struktur masyarakatnya sebagai seorang ketua atau kedudukan sosial yang lain yang lebih tinggi.

Pemburuan Kepala dalam Kebudayaan Masyarakat Iban

Menurut Tawai (2017), berdasarkan kepada sumber lisan Iban di Batang Ai, Adat *Ngayau* dalam budaya Iban dapat diteliti dengan tradisi lisan Iban iaitu *Leka Timang Gawai Kelingkang Nanga*. Kisah tersebut bermula apabila kisah *Aki Lang Sengalang Burung* yang dijemput *Ngabang* (menziarahi) ke rumah panjang, namun disebabkan tidak memiliki buah tangan yang berharga untuk diberikan kepada manusia, maka Sengalang Burung bersama dengan tujuh orang menantunya iaitu *7 Burung Mali Iban* (*The 7 Iban Omen Birds*), *Ketupung* (*Rufous Piculet*), *Beragai* (*The Scarlet-Rumped Trogon*), *Bejampung* (*Crested Jay*), *Pangkas* (*Maroon Woodpecker*), *Embuas* (*Banded Kingfisher*), *Papau* (*Diard's Trogon*) dan *Nendak* (*White-Rumped Shama*) telah ke rumah Bengkung (gergasi) untuk mencuri kepala manusia. Menyedari bahawa koleksi kepalanya dicuri, maka Bengkung bersumpah akan membalas kembali perbuatan tersebut dengan *Mengayau* (memotong kepala) kepala masyarakat Iban dan legenda ini kekal menjadi tradisi dalam masyarakat Iban.

Selain itu, menurut Abang Enterey (85 tahun), tradisi *Ngayau* dalam budaya Iban bermula disebabkan oleh tekanan kekerasan oleh etnik Kantu yang selalu mengganggu dan menyerang, terutamanya isteri dan anak gadis masyarakat Iban. Etnik Kantu turut menyerang rumah panjang Iban pada waktu malam dengan mencucuk buluh yang telah diruncingkan dari bawah rumah. Akibat daripada kekerasan tersebut, masyarakat Iban telah belajar strategi perang yang digunakan oleh musuh-musuhnya untuk menjadi lebih kuat dalam melindungi komuniti Iban yang lain. Kemahiran tersebut telah diasah selama bertahun-tahun dan telah menjadi adat dalam budaya Iban sehingga kemasukan penjajah Barat yang telah menghapuskan amalan tersebut di Pulau Borneo. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada penulisan yang ditulis oleh Benedict Sandin (1962) dalam bukunya *Sengalang Burong*, tindakan etnik Kantu memulakan serangan Kayau ke atas masyarakat Iban adalah tindak balas terhadap seorang pahlawan Iban, iaitu Serapuh dikatakan telah memenggal kepala anak kepada etnik Kantu untuk tujuan upacara mengakhiri majlis berkabung di rumah panjang. Tragedi tersebut telah menuntut sekumpulan etnik Kantu membalas dendam dengan melancarkan serangan kembali terhadap penduduk Iban.

Menurut Durin *et al.* (2011), sejak kecil lagi anak lelaki Iban telah diajar oleh ibu atau nenek mereka bersikap berani untuk membalas dendam seperti membunuh dengan cara memenggal kepala musuh yang telah membunuh ahli keluarga mereka. Cara orang tua menanamkan sifat berani kepada anak kecil itu melalui nyanyian semasa mendodoikan anak dan kadang-kadang bercerita secara lisan tentang mitos yang berkaitan dengan dewa-dewa perang yang selalu mendapat kepala musuh dengan banyak semasa pergi berperang atau *ngayau*. Selain itu, para gadis turut memberikan galakan kepada pemuda Iban yang bujang untuk turun melakukan ekspedisi *ngayau* dan membawa balik kepala musuh untuk mengahwini mereka. Selain itu, seorang pemuda yang telah mendapatkan kepala musuh akan menjadi kebanggaan kepada seluruh keluarganya dan mendapat gelaran *Bujang Berani* dan disanjung tinggi oleh masyarakat Iban pada zaman dahulu.

Dapatan Penyelidikan

Dalam budaya perang Iban, adat *Ngayau* dilihat melalui dua jenis *kayau* (jenis peperangan) iaitu *Kayau Anak* dan *Kayau Serang*. Matlamat *Kayau* Iban adalah bergantung dengan tujuan dan hasrat pahlawan yang turun berperang. Keberanian dan kegagahan seseorang lelaki Iban dinilai dari ketangkasnya dalam perang dan tekniknya dalam *mengayau* kepala musuh. Berikut merupakan penerangan yang lebih jelas tentang *Kayau Serang* dan *Kayau Anak*:



Foto 1 Pahlawan Iban
Sumber: Muzium Sarawak (2019)

Kayau Serang

Kayau Serang atau *Matak Serang* adalah sebuah ekspedisi perang besar yang dilakukan secara beramai-ramai dan diketuai oleh panglima perang Iban yang perkasa seperti Rentap dan Linggir. Dalam ekspedisi peperangan ini, masyarakat Iban akan bersatu hati dengan rumah panjang lain untuk mengalahkan musuh mereka dengan tindakan menyerang rumah panjang atau kubu pertahanan orang lain secara mengejut. Sebelum turun berperang, *Tuai Serang* (ketua) akan mengatur strategi perang dalam menumpaskan musuh berdasarkan kepada kekuatan pihak lawan, keadaan geografi dan logistik perang.

Tujuan *Kayau Serang* adalah untuk meluaskan kekuasaan, serangan balas dan sebagai tanda protes untuk patuh terhadap kekuasaan luar dari koloni masyarakat Iban. Salah satu peristiwa *kayau serang* yang pernah terjadi dalam sejarah Iban adalah pada tahun 19 Ogos 1844 apabila Rentap mengisytiharkan perang terhadap Rajah Brooke kerana kebenciannya terhadap bangsa kulit putih yang ingin merampas tanah masyarakat Iban di Skrang dan Saribas khususnya. Selain itu, sikap Brooke yang telah mengenakan cukai yang tinggi ke atas penduduk tempatan serta usahanya untuk menghentikan amalan *Ngayau* dalam masyarakat Iban membuatkan kebencian Rentap terhadap Rajah Brooke semakin membara. Rentap melihat bahawa Rajah Putih tersebut sengaja mencabar kewibawaannya sebagai pahlawan Iban yang berani dan telah melakukan serangan yang pertama dan berjaya mengalahkan para askar Brooke dengan membunuh 29 orang dan 56 yang lainnya cedera.

Selain itu, *kayau serang* turut berlaku dalam kalangan orang Iban sesama Iban. Menurut Datuk Sri Edmmund Langgu (85 tahun), pada tahun 1902 telah terjadi *kayau serang* Penghulu Munan dari Sibu bersama-sama dengan 900 orang pahlawan Iban dari Batang Rajang dan Kanowit menyerang rumah panjang Jimbun di Ulu Engkari, Julau. Peristiwa perang ini terjadi kerana

keengganan Iban di Ulu Ai yang tidak menerima kekuasaan Rajah Brooke di Sarawak. Serangan tersebut telah mengorbankan 53 orang pahlawan Iban dari Ulu Ai dan rumah panjang mereka telah dibakar. Pada tahun 1837 sebelum kedatangan Rajah Brooke di Sarawak, Orang Kaya Pemancha Dana telah membuat *pekat* (perkumpulan) "*Bejalai ka Bungai Jarau*" dengan ketua-ketua Iban dari Saribas untuk menyerang Iban dari Undop dan Iban Dau yang selalu mengganggu aktiviti *Ngayau* masyarakat Iban di Kumpang dan Lemanak. Teknik serangan *Kayau Serang* adalah dengan membakar rumah panjang. Sementara itu, pahlawan Iban akan bersembunyi di suatu tempat untuk menunggu musuh keluar dari rumah. Kaum perempuan dan kanak-kanak akan dilepaskan dan dibiarkan melarikan diri, manakala kaum lelaki akan dipenggal kepala. Walau bagaimanapun, tidak semua musuh yang kalah telah dipenggal kepala, sebaliknya ada yang dijual sebagai hamba kepada Sultan Brunei atau pembesar Brunei (Apeng Sajok, 2018). Menurut Lemambang Abang Entrey (80 tahun), bagi hamba yang tidak diperlukan lagi perkhidmatannya akan dibebaskan oleh tuannya. Misalnya, Pahlawan Janting dari Banting pernah mengadakan ritual *Gawai Betembang* yang bertujuan membebaskan hamba yang mereka peroleh semasa *Ngayau*. Selepas habis ritual tersebut, mereka telah dibebaskan sepenuhnya sebagai orang yang merdeka dan masyarakat tidak dibenarkan untuk memanggil mereka sebagai "ulun" lagi.

Kayau Anak

Kayau Anak merupakan serangan yang melibatkan jumlah pengikut yang kecil dan sedikit, selalunya serangan jenis ini menggunakan serangan hendap yang diatur oleh sekumpulan kecil penduduk terdiri lebih kurang 20 orang pahlawan Iban yang berani dan tangkas. Mereka akan menyasarkan serangan kepada individu dalam kelompok kecil semasa dalam perjalanan ke sawah, ketika mandi di sungai atau semasa mencari makanan di hutan. Tujuan *Kayau Anak* adalah bermotifkan balas dendam di antara keluarga dan keluarga yang lainnya. *Kayau Anak* adalah *Kayau* yang sangat ditakuti oleh orang Iban pada masa dahulu. Oleh itu, setiap kali masyarakat Iban hendak turun ke ladang mengerjakan tanaman padi mereka akan dijaga oleh beberapa pahlawan sewaktu bekerja bagi mengelakkan serangan mengejut pihak musuh secara tiba-tiba.

Menurut Lemambang Abang Entrey (80 tahun) berdasarkan penulisan Sandin (1967), sejarah *Kayau Anak* dimulakan dengan peristiwa etnik Seru telah membunuh cucu ketua Iban Saribas, iaitu Demong yang bernama Belaki dan isterinya Beremas (adik Ketua Serang Iban yang bernama Uyt) ketika mereka sedang mengerjakan sawah bendang di kawasan milik mereka di Tanjung Kundong, Batang Paku. Menyedari akan kejadian tersebut, pahlawan Iban Saribas iaitu Jimbai, Umar, Jelema dan Buma telah mengejar etnik Seru yang sedang

berehat di bawah pohon lalu memenggal kepala mereka dengan serta-merta. Sejak kejadian itu, berlaku balas dendam di antara Iban Saribas dan etnik Seru.

Menurut Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang (80 tahun), berdasarkan kepada sumber lisan Iban dari Saribas, Gawai Kenyalang akan dirayakan terlebih dahulu oleh Tuai Kayau Iban bersama-sama pengikutnya sebelum turun berperang. Dalam kosmologi Iban, *Gawai Kenyalang* merupakan upacara ritual yang dibuat oleh dewa-dewi di Panggau Libau bagi meraikan *Dewa Sengalang Burung* (Dewa Perang). Di dunia manusia, Sengalang Burung dikenali sebagai burung enggang (*Rhinoceros Hornbill*), iaitu merupakan raja segala burung. Tujuan utama sambutan *Gawai Kenyalang* adalah untuk meraikan dan memberkati perjalanan *Tuai Kayau* bersama pengikutnya sebelum mereka melakukan ekspedisi Ngayau. Pekara ini turut dinyatakan oleh William H. Davenport (2000):

Gawai Kenyalang adalah bertujuan untuk menaikkan semangat dan menyemarakkan perasaan berani pahlawan Iban yang hendak turun melakukan ekspedisi Ngayau. Dalam upacara Gawai Kenyalang, sebuah patung kenyalang akan diukir secara khusus oleh golongan tua Iban yang mahir. Patung tersebut dibuat menggunakan kayu belian dan diukir menyerupai seekor burung kenyalang sebagai simbol interpretasi dewa perang iaitu Sengalang Burung. Selain motif kenyalang, ukiran tersebut turut menyelitkan ukiran figura-figura manusia sebagai lambang pahlawan Iban yang turun berperang. Ukiran kenyalang tersebut akan diwarnakan menggunakan warna-warna asas yang dominan dalam budaya Iban, iaitu *Kangan* (hitam), *Belacu* (putih), *Gadong* (warna-warna lembut) dan *Mansau* (warna terang).

Secara umumnya, masyarakat Iban bukan dalam kelompok masyarakat maritim, namun apabila turun melakukan ekspedisi *Ngayau*, mereka mahir dalam mengemudi lautan menggunakan perahu kayu yang dipanggil sebagai *Bangkong*. Dalam jurnal pengembaraan Munshi Abdullah mencatatkan dengan teliti bagaimana Dayak Iban yang bertatu serta tegap fizikalnya mampu belayar sehingga ke pantai timur Malaya sekitar tahun 1830 dengan perahu mereka yang unik. Berdasarkan Warren (2004), perahu *Bangkong* ini mempunyai kelajuan yang luar biasa bersandarkan kepada kain luar yang diperbuat daripada kajang kanvas seolah-olah menyerupai kapal perang Eropah. Buktinya apabila pahlawan Iban dari Saribas mampu mematahkan cubaan lanun Iranun menculik wanita-wanita Iban dan kanak-kanak kecil untuk dijual dijadikan hamba abdi selepas melakukan *modus operandi* rompakkan secara besar-besaran di muara Sungai Saribas.

Menurut Lemambang Buchaw Undan (80 tahun), semasa pembuatan perahu *Bangkong*, seluruh permukaannya akan diukir menggunakan motif-motif tradisional Iban yang dipercayai mempunyai unsur-unsur spiritual dan

Upacara Miring (upacara persembahan makanan kepada roh Petara) yang diketuai oleh *Renong Kayau* (tukang tilik) akan diadakan semasa pertama kali meletakkan perahu *Bangkong* di atas air. Mengikut kepercayaan Iban, Dewa Perang iaitu *Sengalang Burung* akan bersama-sama menyertai ekspedisi *Ngayau* dan menyebarkan semangatnya agar pahlawan Iban sentiasa berani berhadapan dengan musuh di medan perang.

Dahulu, terdapat seorang pahlawan Iban yang dikenali sebagai Unggang Lebor Menua yang berasal dari Entanak, Betong memiliki sebuah perahu *Bangkong* yang sangat besar. Beliau merupakan seorang pahlawan Iban yang terbilang dan menguasai perairan sungai Kuala Saribas sehinggalah ke perairan Tanjung Datu. Semua pelayar yang melalui perairan tersebut tunduk akan kekuasaan Unggang dan kisah ini diceritakan dengan jelas dalam penulisan Pringle (1970). Perahu *Bangkong* ini turut diceritakan dalam catatan Brooke semasa beberapa hari sebelum berlakunya peristiwa Perang Beting Marau pada tahun 1849, di mana Iban Saribas dan Iban Skrang bersama-sama dengan 107 buah perahu *Bangkong* telah turun melakukan ekspedisi *Ngayau* ke kawasan Dalat dan Matu. Mereka dilaporkan telah menyerang dan menyamun perkampungan dengan membakar, membunuh kaum lelaki dan budak serta memenggal leher mereka, manakala kaum wanitanya telah diculik untuk dijual sebagai hamba.

Keberanian dalam Budaya Iban

Menurut Miler (1946), pahlawan Iban yang turun berperang memiliki hati yang berani, ketangkasan fizikal serta kekuatan luar biasa yang tidak dapat dijelaskan dalam kudrat manusia normal. Mereka seolah-olah diberikan kuasa spiritual untuk menjadi hebat dan gagah selepas berjaya memenggal kepala musuh. Dalam konsep kebudayaan Iban, keberanian adalah sebuah etika yang terpuji dan disanjung oleh masyarakat Iban di Sarawak semasa zaman silam, terutamanya bagi kaum lelaki Iban. Kisah-kisah keberanian dan kepahlawanan Iban adalah terinspirasi daripada cerita-cerita legenda dewa-dewi oleh nenek moyang mereka dan telah menjadi satu adat yang diamalkan secara turun-temurun.

Menurut Tawai (70 tahun), dewa-dewi perang dalam tradisi lisan seperti Sengalang Burung, Keling, Laja dan Bungai Nuing telah menjadi ikon yang dipandang tinggi oleh masyarakat Iban semasa bertempur di medan perang bagi menyemarakkan motivasi dan semangat keperwiraan mereka. Mereka percaya bahawa Bujang Berani memiliki keistimewaan yang tinggi dan utama dalam status hierarki tradisional masyarakat Iban. Hierarki sosial adalah sangat penting bagi kaum Iban dalam meningkatkan nilai diri mereka dalam

masyarakat, sama ada untuk menjadi ketua, mendirikan rumah tangga serta sebagai contoh kepada generasi Iban yang baharu. Keunggulan dan karisma Bujang Berani adalah sebuah gelaran sepanjang hayat, biarpun individu tersebut telah meninggal dunia namun legasinya terus diceritakan sepanjang zaman oleh masyarakat Iban yang lain sebagai motivasi mereka dalam membangunkan sahsiah diri. Contoh yang paling dekat dengan konsep keberanian dalam masyarakat Iban adalah seperti Panglima Rentap yang telah melawan pihak kolonial semasa penyerangan tentera Brooke di Bukit Sadok atau memandangkan sejarah Iban yang moden seperti perwira negara iaitu mendiang Temenggong Datuk Kanang anak Langkau yang telah berjuang berhabis-habisan menentang komunis di Tanah Melayu pada tahun 1968 sehingga 1969 dan mendiang Tun Datuk Patinggi Temenggong Jugah anak Barieng yang memperjuangkan hak masyarakat Iban melalui politik dalam pembentukan Malaysia pada tahun 1963.



Foto 2 Parang Iban
Sumber: Kerja lapangan (2019)

Perbincangan

Ngayau adalah satu manifestasi adat dalam budaya Iban, pengaruh dalam budaya *Ngayau* adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan kepercayaan, status individu dan kelangsungan hidup.

Budaya *Ngayau* dalam budaya dan adat Iban secara dominannya dipengaruhi oleh adat *bejalai* (mengembara). Menurut Tawai (70 tahun), *Adat Bejalai* telah mendorong setiap pemimpin Iban berperang untuk menerokai kawasan baharu. Masyarakat Iban amat menyanjung tinggi budaya *bejalai* kerana dikaitkan dengan elemen kepercayaan spiritual, nilai sosial dan mitologi, iaitu seseorang lelaki Iban yang *bejalai* akan membawa rohnya bersama-sama menempuhi alam spiritual tersebut. Selain itu, budaya *bejalai* (mengembara) adalah kerana terlibat dalam kegiatan perdagangan seperti mencari *tajau* (tembikar) yang dapat mengangkat martabat sosial sehingga mereka sanggup *bejalai* dari wilayah sosial mereka. Semasa ekspedisi *Ngayau*, pahlawan Iban yang telah berjaya mengalahkan musuh haruslah memenggal kepala musuh

yang telah dibunuh sebagai tanda kemenangan dan keberanian. Mereka juga berhak untuk merampas harta benda musuh dan menangkap semua musuh yang hidup untuk dijual atau dijadikan sebagai hamba. Bagi ketua musuh yang memiliki anak gadis atau isteri yang cantik akan dijadikan sebagai isteri atau sebagai perempuan simpanan. Para pahlawan Iban yang berjaya membawa balik kepala musuh ke rumah panjang akan disambut sebagai Bujang Berani.

Menurut cerita lisan dari Saribas, aktiviti *Ngayau* ini bermula dari upacara berkabung masyarakat Iban. Sebelum berakhirnya tempoh berkabung selama sebulan, kaum kerabat serta sahabat handai akan keluar mencari kepala musuh untuk dibawa balik ke rumah panjang. Selepas berhasil mendapatkan kepala musuh, mereka akan disambut di kepala tangga rumah panjang dengan iringan pukulan gong. Adat ini dinamakan sebagai *Mangka ka Selaing*, iaitu adat menyambut kepala musuh menggunakan *Chapan* (nyiru) yang dilapis menggunakan *Pua Kumbu*. Kemudian, upacara ini akan diteruskan dengan melakukan adat *Naku Antu Pala*, iaitu upacara membawa kepala musuh ke ruai *Tuai Rumah* (ketua) untuk melakukan aktiviti menyalai kepala musuh di *Bedilang api* (para) dan upacara yang terakhir adalah mendirikan *Gawai Enchaboh Arung*, iaitu sebuah pesta untuk meraikan bujang berani yang telah mendapatkan kepala musuh tersebut. Apabila pahlawan Iban berjaya mendapatkan kepala musuh, maka tempoh masa berkabung bagi masyarakat Iban telah berakhir dengan sempurna. Tujuan adat ini dilakukan adalah bagi menggantikan jiwa si mati dengan kepala musuh agar rohnya tenang di alam Sebeyan (akhirat).

Bagi lelaki Iban yang sudah cukup umur akan bersedia untuk menempuhi alam perkahwinan yang telah diaturkan oleh ahli keluarga mereka. Dahulu, keluarga Iban sangat memilih dalam menentukan soal jodoh anak-anak mereka, terutamanya anak lelaki yang pernah turun berperang dan mendapat gelar Bujang Berani. Oleh itu, menantu perempuan yang dipilih haruslah berasal daripada keluarga yang baik-baik sahaja, mahir dalam menenun *Pua Kumbu* dan pandai menganyam. Dalam adat Iban, apabila suami berhasrat turun melakukan ekspedisi *Ngayau*, maka isteri haruslah menyediakan diri untuk menenun *Pua Kumbu* lebih awal sebagai persediaan untuk menyambut kepala musuh yang bakal dibawa balik dari *Ngayau*. Setibanya dari ekspedisi *Ngayau*, pahlawan Iban akan berteriak sekuat-kuatnya di pintu rumah menandakan mereka sudah sampai membawa kemenangan. Kepulangan tersebut disambut dengan pukulan gong secara bertalu-talu bagi menyambut ketibaan pahlawan berani. Kepala manusia yang dibawa balik akan disambut oleh anak gadis yang dipilih oleh keluarga pahlawan sebagai calon isteri dengan menggunakan pinggan seramik dan dialas dengan *Pua Kumbu*. Menurut Maria Liban (78 tahun), wanita Iban pada zaman dahulu tidak peduli seandainya menjadi balu di usia muda, asalkan suami mereka dapat membawa balik kepala musuh untuk

mendapatkan pengiktirafan Bujang Berani daripada masyarakat Iban. Oleh itu, semasa proses meminang anak gadis Iban, lelaki Iban harus menyediakan kepala musuh sebagai hantaran perkahwinan sebagai tanda keberanian dan ketinggian tarafnya sebagai pahlawan Iban.

Selain itu, faktor amalan pertanian pindah adalah salah satu faktor yang ada pengaruhnya ke atas kegiatan memburu kepala (Sutlive, 1978: 28). Amalan pertanian pindah memerlukan kawasan dalam usaha mendapatkan tanah yang lebih subur. Dalam usaha mencari kawasan yang subur inilah serangan atau penaklukan ke atas sesuatu kaum itu sering berlaku. Selalunya, dalam pertempuran seperti ini pihak yang terlibat akan mengambil kepala lawan sebagai bukti keperwiraan mereka. Namun demikian, tidak semua ahli antropologi yang pernah menulis tentang masyarakat Borneo setuju kepada pendekatan ini (King, 1976: 312). Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada cerita mendiang Biah Anji (90 tahun) kepada cucunya Chermai Iri (62 tahun), mengatakan telah terjadi ekspedisi *Ngayau* dalam masyarakat Iban yang bermigrasi untuk membuka penempatan baharu apabila Iban Ulu yang berpisah dengan Iban dari Saribas dan berpindah ke kawasan Lubok Antu, Entabai, Ulu Katibas, Ulu Yong dan Tisa. Semasa awal migrasi tersebut, masyarakat Iban di Ulu Ai telah menerima ancaman daripada etnik Beketan namun mampu untuk mengawal serangan tersebut, sehinggalah terjadi migrasi Dayak Iban merebut Batang Rajang dan memaksa Iban Ulu Ai berpindah ke Ulu Semansik sehinggalah ke Ulu Bangkit. Perpindahan masyarakat Iban bertujuan untuk mencari penempatan baharu untuk pembukaan tanah bagi penanaman padi huma yang telah menjadi ekonomi utama masyarakat Iban sehingga hari ini.

Keghairahan pahlawan Iban mendapatkan kepala musuh sebagai sesuatu objek yang berharga dalam budaya Iban adalah berkait rapat dengan kepercayaan *Pengarap Lama Iban* (agama lama Iban). Kepercayaan Pengarap Lama adalah sebuah kepercayaan gabungan dari unsur-unsur animisme, iaitu mempercayai bahawa alam yang menjadi tempat tinggal mereka mempunyai roh dan jiwa dan kepercayaan Dinamisme, iaitu mempercayai bahawa terdapat objek-objek budaya yang berfungsi secara sakral dalam membantu pemiliknya sekiranya diberikan pemujaan dan persembahan yang berisi makanan dan korban (darah haiwan). Kepercayaan ini dapat dilihat dengan jelas dalam sosial budaya masyarakat Iban apabila mengadakan upacara *Miring* (pemberian persembahan kepada roh) yang menggunakan pelbagai objek budaya Iban seperti pua kumbu, *ilang* dan seramik. Selain itu, dalam sistem kosmologi Iban, masyarakatnya meyakini beberapa perkara dalam kehidupan manusia, iaitu alam (termasuk flora dan fauna) mempunyai *semengat* (roh), mimpi mampu menjadi medium komunikasi di antara Petara (Tuhan), Antu (Roh baik dan roh jahat atau Dewa-Dewi) dan Mensia (Masyarakat Iban) dan dunia ini didiami

oleh tiga lapisan hierarki (i) Panggau Libau (dunia kayangan), (ii) Dunya Mensia (dunia manusia) dan (iii) Dunya Sebayau (akhirat) (Kiyai, 2019). Oleh itu, setiap tindakan dan aktiviti yang dilakukan oleh manusia haruslah mempunyai batas dan pantang larang bagi menjamin keseimbangan alam.



Foto 3 Antu Pala

Sumber: Muzium Sarawak (2019).

Kepala musuh yang diperoleh daripada ekspedisi *Ngayau* adalah tuntutan sakral adat Iban dalam proses menjaga keseimbangan alam. Masyarakat Iban percaya kepala yang diperoleh dari perang mempunyai kuasa spiritualnya yang dapat membantu masyarakat Iban dalam pelbagai perkara, terutamanya dalam perubatan tradisional Iban. Upacara *Gawai Burung* akan diadakan untuk mengubati pesakit yang dalam keadaan tenat dan dipercayai diganggu oleh *Antu Jai* (roh jahat) atau terkena sihir, maka *Manang* (bomoh) akan menggunakan kuasa Antu Pala bagi memohon restu dan pertolongan daripada Petara untuk proses penyembuhan.

Selain itu, kedatangan musim kemarau selalu memberi kesusahan kepada masyarakat Iban yang menjalankan aktiviti penanaman padi bukit. Tanaman padi yang tidak menjadi akibat kering-kontang akan memberi kesan kepada sumber ekonomi utama masyarakat Iban. Bagi mengatasi masalah tersebut, masyarakat Iban menggunakan kekuatan spiritual Antu Pala untuk memanggil hujan. Masyarakat Iban percaya bahawa Antu Pala dapat memberi kekayaan kepada pemiliknya serta boleh dijadikan azimat untuk menjaga rumah panjang dan sawah milik mereka daripada pencuri dan binatang berbisa. Bagi mengekalkan sakral yang terdapat pada Antu Pala, maka objek budaya tersebut haruslah selalu diberikan persembahan makanan setiap bulan. Walau bagaimanapun, sekiranya Antu Pala tidak mampu untuk memenuhi keinginan pemiliknya lagi,

maka mereka harus menjalankan ekspedisi *Ngayau* semula bagi mendapatkan kepala musuh yang baharu.

Kesimpulan

Ngayau merupakan manifestasi adat dalam budaya Iban dan tidak dilakukan semata-mata untuk membunuh. Ekspedisi *Ngayau* hanya dapat dilakukan sekiranya mempunyai tujuan atau mimpi dari *Urang Panggau* (mandat dari kayangan). Sebelum melakukan ekspedisi *Ngayau*, terdapat beberapa ritual yang harus dilaksanakan oleh pahlawan Iban bagi memohon keberkatan dan kelancaran proses *Ngayau* dari Petara.

Bagi lelaki Iban yang berjaya mendapatkan kepala musuh dalam ekspedisi *Ngayau* akan disanjung dan diangkat statusnya sebagai *Bujang Berani* dalam hierarki sosial masyarakat Iban. Sejak kecil, anak-anak lelaki Iban telah ditekankan dengan ajaran berunsurkan psikologi seperti cerita lisan, puisi dan tindakan melalui teladan agar apabila dewasa mereka akan menjadi lelaki yang berani dan yakin serta dapat membanggakan kedua-dua orang tuanya. Kini, walaupun budaya *Ngayau* tidak lagi dipraktikkan dalam budaya dan adat Iban atas perubahan faktor sosial seperti dasar penghapusan *Ngayau* oleh Brooke dan peralihan ke agama baharu, namun signifikan cerita, tokoh dan sejarah *Ngayau* Iban masa suatu ketika dahulu kekal teguh menjadi kebanggaan masyarakat Iban kini. Kalimat yang diinspirasikan dari ekspedisi *Ngayau*, iaitu *Agi Idup Agi Ngelaban* kekal sinonim dan relevan dengan bangsa Iban pada hari ini agar tidak pernah berputus asa dan berani dalam menongkah arus perubahan globalisasi.

Rujukan

Buku dan Jurnal

- Ali, I. (2019). *The Hegemony of the Vikings of the Eastern Seas in Borneo during the 18th and 19th Century*. INSANCITA, 4(1), 55-76. doi.org/10.2121/incita-jisisea.v4i1.1199.g1046
- Ali, M. F. B., Yapp, A., Kamarulzaman, W., & Kuan, G. K. (2015). *The Art of Panglima Bukit Sadok: The Process of Developing Web-Based Media Through Illustration and Graphics in Preserving Its Culture*. In Proceedings of the International Symposium on Research of Arts, Design and Humanities (ISRADH 2014) (Hlm. 429-438). Springer, Singapore.
- Darmawan, K. Z. (2008). *Penelitian etnografi komunikasi: tipe dan metode*. Mediator: Jurnal Komunikasi, 9(1), 181-188.
- Davenport, W. H. (2000). *Hornbill carvings of the Iban of Sarawak, Malaysia*. RES: Anthropology and Aesthetics, 37(1), 127-146. doi/pdf/10.1086/RESv37n1ms20167497

- Durin, A., Shah, Z. M., Helena, B., & Abdullah, M. G. (2011). *Influences of Ngayau Or Headhunting in The Production of Pua Kumbu Textile Motives in Iban Community, Sarawak*. *Jurnal Melayu*, 7:303-316.
- Ferraris, M., & Torrenco, G. (2014). *Documentality: a theory of social reality*. *Rivista di estetica*, (57), 11-27. <https://doi.org/10.4000/estetica.629>
- Gomes, E. H. (1911). *"Seventeen years among the Sea Dayaks of Borneo: a record of intimate association with the natives of the Bornean jungles"*. Kansas: Seeley & Company.
- Hanson, W. E., Creswell, J. W., Clark, V. L. P., Petska, K. S., & Creswell, J. D. (2005). *Mixed methods research designs in counseling psychology*. *Journal of Counseling Psychology*, 52(2), 224.
- Howell, W., & Bailey, D. J. S. (1900). *A Sea Dayak Dictionary, in Alphabetical Parts, with Examples and Quotations Shewing the Use and Meaning of Words*. American Mission Press.
- Irwin, Graham. (1986). *Borneo Abad Kesembilan Belas* [Borneo in Ninth Century]. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, E., & Mohd Noor, A. (2019). Perkembangan Sektor Pertanian Di Sarawak, 1970-1981. *SEJARAH: Journal of The Department of History*, 28(2).
- Kedit, P. M. (1993). *Iban bejalai* [Iban Wandering]. Published in Malaysia for Sarawak Literary Society by Ampang Press Sdn. Bhd.
- King, V. T. (1976). *Some Aspects of Iban-Maloh Contact in West Kalimantan*. Indonesia, (21), 85-114. DOI: 10.2307/3350958 <https://www.jstor.org/stable/3350958>
- Kiyai, G., & Tugang, N. (2019). *The Iban Journey of Afterlife: Artifak Iringan Tukang Sabak* [The Iban Journey of Afterlife: accompanying artefacts for the Crying Ladies]. *Journal of Borneo-Kalimantan*, 5(1), 7-7. <https://doi.org/10.33736/jbk.1599.2019>
- Low Kok On. (2010). *Lambang Semangat Juang dalam Legenda Rentap dan Sejarah Penentangannya terhadap Raja Brooke di Sarawak* [the Symbol of the Spirit of Fighting in the Legend of Rentap and the History of His Resistance to King Brooke in Sarawak]. *Sari-International Journal of the Malay World and Civilisation*. 28 (1): 151-157.
- Marican, S. (2005). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Kuala Lumpur: Prentice Hall/ Pearson Malaysia.
- Mead, G. H. (1929). *The nature of the past*. United States: Holt.
- Olick, J. K. (1999). *Collective memory: The two cultures*. *Sociological theory*, 17(3): 333-348.
- Pawi, A. A. (2013). *Weltanschauung and the Manifestation of Beliefs in the Ethnic Traditions of Sarawak*. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Jilid 6, Bil.2 :139-154. <http://jurnalmelayu.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2014/09/139-154-Welstanchung.pdf>
- Payne, Robert. (1986). *The White Rajah of Sarawak*. Singapore: Oxford University Press.
- Pringle, R. (1970). *Rajahs and rebels: the Ibans of Sarawak under Brooke rule, 1841-1941*. University Malaysia Sarawak.
- Proulx, D. A. (1999). *Nasca headhunting and the ritual use of trophy heads. Nasca: geheimnisvolle Zeichen im alten Peru*. Museum Rietberg Zürich, Zürich, 79-87. https://people.umass.edu/~proulx/online_pubs/Nasca_Headhunting_Zurich.pdf
- Russell, S. D. (Ed.). (1989). *Ritual, power, and economy: upland-lowland contrasts in mainland Southeast Asia* (Vol. 14). Northern Illinois Univ Center.
- Sajok, A. (2018). *Kempen Penghapusan Hamba di Borneo Utara 1845-1905*. *Jurnal Borneo Arkhailogia* (Heritage, Archaeology and History), 2(1).
- Sandin, Benedict. (1962). *Sengalang Burung*. Kuching: Borneo Literature Bureau.

- Sandin, Benedict. (1967). *The Sea Dayaks of Borneo Before White Rajah Rule*. London: MacMillan.
- Simonson, T. S., Xing, J., Barrett, R., Jerah, E., Loa, P., Zhang, Y., ... & Mowry, B. (2011). *Ancestry of the Iban is predominantly Southeast Asian: genetic evidence from autosomal, mitochondrial, and Y chromosomes*. PLoS one, 6(1), e16338
- Sutlive Jr, V. H. (1978). *The Iban of Sarawak*. North Arlington Heights, Illinois.
- Tahir, A., & Mohd Noor, A. (2017). *Visual Operasi Menghapus Serangan Lanun di Nusantara Dari Laporan The Illustrated London News, 1845-1872*. SEJARAH: Journal of The Department of History, (2):22.
- Vayda, A. P. (1976). *Iban Headhunting. In War in Ecological Perspective*. Springer, Boston, MA.
- Warren, James Francis. (2002). *Iranun and Balangingi: Globalization, Maritime Raiding and the Birth of Ethnicity*. Quezon City: New Day Publisher.
- Wright, Leigh R. (1966). "Piracy and the Powers in Nineteenth Century Borneo" in Journal of Asia Studies, Vol. XXV. Kota Kinabalu: Sabah Museum.

STESEN KERETA API PERTAMA DI BORNEO UTARA: STESEN KERETA API BUKAU, 1896-1945

The First Railway Station in North Borneo: Bukau Railway Station, 1896-1945

GOI LIK SIA¹

JUVIANA JIMA²

^{1 & 2}Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,

Universiti Malaysia Sabah

E-mel: ¹goiliksia@yahoo.com; ²jjuviana@yahoo.com

Dihantar: 18 Mei 2021 / Diterima: 1 Julai 2021

Abstrak

Kajian ini membincangkan tentang sejarah Stesen Kereta Api Bukau yang merupakan stesen kereta api pertama di Borneo Utara. Kajian ini bertujuan untuk melihat bagaimana perkembangan Stesen Kereta Api Bukau dalam lingkungan masa 1896 hingga 1945. Fokus kajian ini akan meneliti tentang sejarah awal pembinaan Stesen Kereta Api Bukau semasa pentadbiran SBBU yang menjadi titik permulaan kewujudan stesen kereta api yang pertama di Borneo Utara. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan sejarah. Sumber primer bagi kajian ini pula adalah berdasarkan Rekod Pejabat Tanah Jajahan, *North Borneo State Secretariat File* (Jabatan Arkib Negeri Sabah), Laporan Tahunan Borneo Utara, Laporan Tahunan Negeri Sabah, Laporan Tahunan Kereta Api Borneo Utara dan akhbar BNBH. Sumber sekunder pula terdiri daripada buku, jurnal dan akhbar. Pihak SBBU terpaksa menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran semasa membina Stesen Kereta Api Bukau. Dapatan kajian menunjukkan walaupun menghadapi keadaan yang sukar pihak SBBU tetap komited dalam mengembangkan sistem pengangkutan kereta api di Borneo Utara. Hasil kajian adalah penting untuk rujukan dalam mengetahui sejarah stesen kereta api terawal di Borneo Utara.

Kata kunci: Borneo Utara, sistem pengangkutan tradisional, sosial, Stesen Kereta Api, Bukau.

Abstract

This study discusses the history of Bukau Railway Station which was the first railway station in North Borneo. This study aims to see how the development of Bukau Railway Station in the period 1896 to 1945. The focus of this study will examine the early history of the construction of Bukau Railway Station during the administration of SBBU which was the starting point of the first railway station in North Borneo. This study uses a qualitative method through a historical

approach. The primary source for this study is based on Colonial Office Records, North Borneo State Secretariat File (Sabah State Archives Department), North Borneo Annual Report, Sabah State Annual Report, North Borneo Railway Annual Report, BNBH Press. Secondary sources consist of books, journals and newspapers. The SBBU had to face various obstacles and challenges while building the Bukau Railway Station. The findings of the study show that despite the difficult situation, the SBBU remains committed to developing the rail transport system in North Borneo. The results of the study are important for reference in knowing the history of the earliest railway stations in North Borneo.

Keywords: North Borneo, traditional transportation system, social, Railway Station, Bukau.

Pengenalan

Kekayaan sumber bahan mentah di Borneo Utara telah menarik minat pihak SBBU untuk mewujudkan sistem pengangkutan kereta api di Borneo Utara. Sekitar tahun 1800, sebahagian besar wilayah di Borneo Utara merupakan hutan tebal dan belum diterokai. Penerokaan kawasan hutan ini mewujudkan satu sistem pengangkutan yang baharu untuk memudahkan mereka meneroka kawasan pedalaman Borneo Utara seperti di Beaufort, Tenom, Sipitang, Keningau, Nabawan, Kuala Penyu dan Tambunan.¹ Namun begitu, ketiadaan satu sistem pengangkutan yang relevan dan berkesan untuk mengangkut kesemua bahan mentah menyebabkan sistem pertumbuhan ekonomi syarikat SBBU agak lambat.² Oleh itu, sistem pengangkutan kereta api telah diwujudkan di kawasan-kawasan tersebut.

Perkembangan Awal Sistem Pengangkutan Kereta Api di Borneo Utara 1800-an

Kewujudan sistem pengangkutan kereta api di Borneo Utara pada awalnya merupakan idea dan cadangan persendirian yang dikemukakan oleh William Clarke Cowie. Sebelum dilantik menjadi Pengarah Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBU), Cowie merupakan salah seorang daripada pemegang saham dalam SBBU.³ Sekitar tahun 1894 Cowie telah dilantik menjadi Pengarah Urusan SBBU bagi menggantikan Alfred Dent. Alfred Dent meletak jawatan sebagai Pengarah Urusan Syarikat kerana terdapat tuduhan kecuai dalam mengendalikan kewangan syarikat dan gagal membayar dividen kepada pemegang saham syarikat. Perkembangan sistem pengangkutan kereta api di Amerika, Kanada dan Britain telah memberi inspirasi kepada Cowie untuk membina sistem pengangkutan kereta api di Borneo Utara.⁴ Sistem

pengangkutan kereta api ini juga berkembang sehingga ke India, Australia, Amerika Selatan, Rusia dan juga China. Ini membuatkan Cowie bertekad untuk membina sistem pengangkutan ini di Borneo Utara.⁵

Kawasan yang mempunyai sistem pengangkutan kereta api dilihat mampu untuk membantu dalam memajukan ekonomi di sesebuah kawasan. Oleh hal yang demikian, Cowie nekad untuk mewujudkan sistem pengangkutan kereta api di Borneo Utara sekitar tahun 1890. Cowie telah melakukan pelbagai cara untuk mendapatkan sokongan dan modal untuk memulakan projek pembinaan sistem kereta api di Borneo Utara. Salah satu caranya adalah Cowie telah menghantar satu kertas kerja yang mengandungi faedah-faedah sekiranya sistem kereta api ini dibina di Borneo Utara. Kertas kerja ini dihantar atas nama *British North Borneo Grand Railway* kepada pemegang saham SBBU yang berpangkalan di London.⁶ Cowie menyedari bahawa kawasan di bahagian pantai barat Borneo Utara memerlukan sistem pengangkutan yang baharu untuk meningkatkan hasil ekonomi syarikat mereka. Cowie sendiri menyatakan bahawa sukar untuk membangunkan Borneo Utara tanpa satu sistem perhubungan yang berkesan.

Pihak Lembaga Syarikat telah meluluskan projek pembinaan dengan membiayai projek dengan menggunakan hasil ekonomi syarikat. Cowie juga memujuk pemegang syarikat untuk membiayai projek berkenaan kerana pembinaan sistem kereta api ini boleh meningkatkan aktiviti perdagangan dan menghubungkan kawasan pedalaman yang mempunyai potensi pertanian. Setelah kertas kerja ini diluluskan, Cowie telah berbincang dengan Lembaga Pengarah SBBU yang terletak di London untuk membina landasan kereta api, bermula di Bukau yang terletak di Teluk Brunei sehingga ke Pekan Beaufort. Keadaan inilah yang membawa kepada sejarah penubuhan sistem pengangkutan kereta api di Borneo Utara.

Pada 24 Januari 1896, Cowie yang juga merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah SBBU telah melantik Arthur J. West sebagai Ketua Jurutera bagi memulakan projek pembinaan tersebut.⁷ West dipilih untuk mengetuai projek tersebut kerana beliau sebelum ini pernah terlibat dalam pembinaan kereta api di Labuan di bawah Syarikat *Borneo Company*. West merupakan seorang jurutera berbangsa British dan telah diberi tanggungjawab untuk membina landasan kereta api di Borneo Utara. Beliau telah dilantik menjadi Pengurus Besar di Jabatan Kereta Api Borneo Utara pada tahun 1900. Nama Pekan Weston yang terletak di daerah Beaufort Borneo Utara adalah diambil sempena nama beliau.⁸

Sejarah Stesen Kereta Api Bukau

Perkataan 'Bukau' diambil sempena nama sebuah kawasan di Borneo Utara yang berdekatan dengan Sungai Padas.⁹ Kawasan Bukau yang sangat kaya dengan hasil hutan untuk tujuan pembalakan telah menarik minat SBBU untuk membina sebuah kawasan perindustrian di kawasan Bukau. Pihak SBBU berpendapat bahawa kawasan Bukau mempunyai potensi untuk dijadikan kawasan perindustrian kayu balak untuk tujuan eksport. Cadangan pembinaan Stesen Kereta Api Bukau pada awalnya adalah untuk menghubungkan kawasan pedalaman ini menuju ke bahagian Pelabuhan Tawau yang terletak di bahagian timur Borneo Utara. Namun begitu, keadaan tanah yang tidak sesuai menyebabkan landasan kereta api dibina menuju ke Beaufort.¹⁰ Stesen Kereta Api Bukau terletak di antara Stesen Kereta Api Weston dan juga Stesen Kereta Api Beaufort. Walaupun tiada sumber yang kukuh mengatakan tarikh sebenar stesen ini mula dibina namun ia dikatakan siap pada 22 Disember 1986.¹¹

Sejarah penubuhan Stesen Kereta Api Bukau bermula dengan terbinanya landasan kereta api di kawasan Bukau menuju ke utara Pekan Beaufort.¹² Semasa melakukan kerja-kerja pemeriksaan kawasan West mendapati bahawa kawasan yang telah dicadangkan untuk tujuan pembinaan landasan kereta api seperti Berkalow¹³, Linsok¹⁴, Monod, Rayoh dan kawasan Lembah Padas adalah kurang sesuai. West telah mengeluarkan satu laporan rasmi bagi mengulas mengenai keadaan kawasan di sekitar Munod, Linsok, Rayoh, Lingkungan, Sipitang, dan Lukutan.¹⁵ Menurut beliau, pembinaan landasan kereta api tidak dapat dilakukan mengikut kawasan yang telah dicadangkan. Namun begitu, beliau telah menemui satu kawasan yang sesuai untuk menggantikan kawasan cadangan tersebut iaitu di Bukau.

Dalam laporan yang ditulis oleh West, kawasan Linsok tidak sesuai untuk pembinaan sistem pengangkutan kereta api kerana kawasan tersebut merupakan kawasan hutan yang sangat tebal dan amat sukar untuk melalui kawasan tersebut.¹⁶ Sekiranya sistem pengangkutan kereta api dibina juga, keadaan ini akan mengambil masa yang agak lama untuk membuat laluan bagi membina landasan kereta api. Selain itu, kawasan Linsok merupakan kawasan berbukit dan bukan kawasan perkampungan. West menganggap adalah mustahil untuk membina landasan kereta api di atas bukit.¹⁷ Selain itu, pemandangan di sebalik bukit tersebut juga merupakan hutan tebal. Beliau tidak dapat mengumpul banyak maklumat tentang kawasan tersebut kerana keadaan hutan yang tebal dan sukar untuk mengumpul maklumat di kawasan tersebut.¹⁸ Mengikut pengalaman beliau, sekiranya pihak SBBU tetap ingin meneruskan pembinaan di kawasan Linsok ia hanya akan merugikan kerana pihak SBBU terpaksa menyelenggara landasan kereta api dengan kerap kerana keadaan tanah yang tidak sesuai.¹⁹ Kawasan Munod, Lingkungan dan batu-

batu merupakan kawasan berpayau dan tidak sesuai untuk membina landasan kereta api di kawasan yang berpayau. Kawasan Lukutan merupakan kawasan perkampungan. Di samping itu, perkampungan Lukutan tidak sesuai dibina landasan kereta api kerana kawasan itu tidak mempunyai kawasan pertanian selain daripada penternakan itik sahaja.²⁰

Setelah aktiviti pemeriksaan kawasan selesai dilakukan akhirnya West mencadangkan untuk membina landasan kereta api bermula di Bukau. Semasa pembinaan Stesen Bukau sekitar 1897 sehingga tahun 1900, dikatakan tiga orang pembantu West telah meninggal dunia disebabkan oleh penyakit malaria. Kawasan yang berhutan tebal dan belum pernah diteroka semestinya mempunyai banyak nyamuk. Mereka ini ialah A. L. G Moore, J. S. Clarke yang merupakan pembantu jurutera kereta api, dan juga George McNish juga bertugas sebagai pembantu jurutera.²¹ Pada 3 Julai 1897 West tiba di Labuan, dan beliau melaporkan kepada pejabat SBBU yang berpangkalan di sana bahawa beliau telah diserang oleh sekumpulan buruh Cina ketika beliau bertugas untuk menyiapkan stesen dan juga landasan di Bukau.²² Punca serangan ini dipercayai disebabkan oleh candu. Candu ini selalu digunakan oleh buruh Cina untuk menambahkan tenaga ataupun menghilangkan keletihan setelah seharian penat bekerja. Beliau juga memberitahu bahawa beliau terselamat daripada serangan tersebut apabila masyarakat bumiputera membantu beliau melepaskan diri.²³




Foto 1 Peta pembinaan jalan kereta api di Borneo Utara, 1896-1905
Sumber: Galeri Kereta Api, Jabatan Muzium Sabah.

Ekoran daripada laporan yang dibuat oleh West tersebut, dua pegawai telah diarahkan untuk menyiasat perkara tersebut. Pada 6 Julai 1897, dua orang pegawai SBBU iaitu Hewett dan Wheatley telah diarahkan untuk menyiasat laporan West.²⁴ Hasil laporan mereka mendapati bahawa West berkemungkinan hanya mengadakan cerita bahawa beliau diserang. West juga berkemungkinan tidak mahu bekerjasama dalam siasatan tersebut dan West tidak berpuas hati dengan campur tangan pihak luar. Tiada tanda-tanda bahawa stesen di Bukau telah diserang seperti yang dilaporkan oleh West tersebut.²⁵

Namun menurut seorang kontraktor Cina, beliau melaporkan bahawa rusuhan yang dikatakan oleh West tersebut adalah disebabkan oleh kekurangan sumber candu.²⁶ Menurut beliau lagi, buruh Cina tidak dapat bekerja sekiranya mereka tidak dibekalkan candu. Akhirnya Hewitt memberitahu West bahawa buruh-buruh Cina itu hanya memerlukan bekalan candu sebelum meneruskan kembali kerja-kerja pembinaan landasan dan juga Stesen Kereta Api di Bukau.²⁷ Menurut Hewitt lagi, West boleh mendapatkan bekalan candu untuk buruh tersebut melalui agen petani yang berada di Labuan. Sekiranya West tidak mengikuti arahan tersebut West akan berhadapan dengan tuduhan membuat laporan palsu tentang serangan tersebut. Tidak berpuas hati dengan arahan tersebut, West akhirnya membuat satu lagi laporan terus ke ibu pejabat SBBU tentang insiden tersebut pada 12 Julai 1897. Ibu Pejabat SBBU telah membalas laporan West mengatakan;

*The Court regrets to learn that you have experienced some trouble with your coolies, but no doubt with a little tact and the presence of the police, there has been no further difficulty.*²⁸

Keadaan ini membuatkan pihak SBBU bersetuju untuk menghantar sekumpulan pasukan polis bagi menjaga keselamatan West semasa beliau kembali bertugas di Bukau. Akhirnya pada 8 Ogos 1897, landasan dan stesen kereta api Bukau telah siap dibina.²⁹ Landasan ini berukuran 3 ½ batu menuju selatan Sungai Bukau dan juga kira-kira 8 batu menuju ke utara. West melaporkan bahawa beliau akan meneruskan landasan ini terus menuju ke Lingkungan.³⁰ Pihak SBBU begitu berminat untuk meneroka kawasan pedalaman bermula dari Bukau ke Weston kerana kawasan ini memiliki sumber kayu balak yang berkualiti. West juga telah menyenaraikan beberapa jenis kayu balak yang terdapat di kawasan tersebut seperti pokok kapur, pokok belian, pokok merbau, pokok selangan batu, pokok melapi, pokok resak batu, pokok nalang ganga, pokok geriting, dan juga pokok keranji.³¹

Penemuan kayu balak yang bermutu di kawasan tersebut meyakinkan lagi pihak SBBU untuk membina stesen kereta api untuk tujuan penerokaan. Pihak SBBUB telah bekerjasama dengan Syarikat *Bombay Burmah Trading Corporation* dan juga *Millar's Karri and Jarrah Company* untuk bersama-sama menjalankan kegiatan pembalakan.³² Menjelang tahun 1898, Bukau semakin berkembang dengan terbinanya beberapa lot kedai yang didiami kebanyakannya oleh orang Cina. Pada Mei tahun 1898, Cowie telah membuat lawatan untuk melihat sendiri perkembangan pembinaan kereta api di kawasan Beaufort menuju ke Weston.³³ West melakukan lawatan tersebut bersama-sama dengan wakil daripada Syarikat *Bombay Trading Corporation Ltd.* yang mencari kawasan sesuai untuk tujuan pembalakan. Cowie bersama-sama wakil syarikat konsesi tersebut telah bermalam di rumah West yang dibina di Sugin Lawas mempunyai jarak kira-kira 8 batu daripada stesen Bukau.³⁴ Cowie telah menukar nama baharu Sugin Lawas kepada Weston untuk mengenang jasa West dalam pembinaan landasan kereta api kawasan tersebut.

Sekitar tahun 1896 sehinggalah tahun 1942 fungsi utama stesen kereta api Bukau adalah menjadi tempat penyimpanan hasil hutan, galian dan juga hasil pertanian sebelum kesemuanya dihantar ke kawasan pelabuhan untuk dipasarkan. Dapat dilihat bahawa pihak SBBU hanya membina stesen kereta api di tempat yang berpotensi untuk berkembang serta mempunyai banyak hasil pertanian. Kekayaan sumber bahan mentah seperti kayu balak, padi, arang batu, dan getah di sesetengah kawasan di pedalaman Borneo Utara membuatkan pihak SBBU bersemangat untuk memajukan sistem pengangkutan di kawasan pantai barat Borneo Utara.³⁵ Pembinaan stesen kereta api juga hanya dibina di bahagian pantai barat Borneo Utara kerana bentuk muka bumi di kawasan ini adalah rata. Situasi ini sebenarnya memudahkan urusan kerja pembinaan landasan kereta api. Selain mengangkut hasil pertanian, stesen kereta api ini juga sebenarnya berfungsi sebagai terminal bagi penduduk setempat menunggu ketibaan gerabak kereta api untuk ke destinasi yang dituju. Ketiadaan sistem pengangkutan yang moden pada ketika itu menyebabkan penduduk di kawasan pedalaman terpaksa menunggu gerabak kereta api di stesen kereta api yang telah dibina ini.



Foto 2 Stesen Kereta Api Bukau

Sumber: *Robert Knowles Collection*, Jabatan Arkib Negeri Sabah.

Kesimpulan

Tahun 1896 sehinggalah tahun 1942 merupakan tahun awal pembinaan stesen dan perhentian kereta api di Borneo Utara. Fasa ini boleh dikatakan sebagai fasa awal perkembangan perkhidmatan kereta api yang dilakukan oleh pihak SBBUB. Fasa permulaan ini tidak mudah kerana pihak SBBUB menerima pelbagai cabaran, sama ada daripada segi keadaan fizikal bentuk muka bumi dan juga hutan tebal serta penentangan daripada masyarakat tempatan. Namun begitu, pihak SBBUB terutamanya William Clark Cowie tetap berusaha untuk merealisasikan pembinaan sistem pengangkutan kereta api di Borneo Utara yang dianggap boleh membantu mengembangkan ekonomi syarikat mereka. Melihat daripada struktur binaan setiap stesen pula, pada awal pembinaan stesen ini dibina hanya menggunakan bahan binaan asas iaitu kayu, atap zink dan juga pagar. Bahan binaan asas tersebut banyak digunakan pada setiap stesen dan perhentian kerana mudah untuk dibekalkan dan tidak memerlukan kos yang tinggi untuk membeli bahan binaan asas tersebut. Selain itu, struktur binaan yang ringkas juga adalah disebabkan pihak SBBUB lebih mementingkan fungsi stesen berbanding rupa bentuk stesen. Setiap stesen yang dibina haruslah mempunyai stor penyimpanan untuk memudahkan lagi segala hasil pertanian ini disimpan sebelum dijual.

Nota

- ¹ North Borneo Annual Report 1962, North Borneo: Authority Government Printing Department, 1962, hlm. 237.
- ² Victor, T. King, *Moving Picture: More Borneo Travel*, New York: Oxford University Press, 1999, hlm. 144.
- ³ Ross Ibbotson, *The Building of the North Borneo Railway and the Founding of Jesselton*, Kota Kinabalu: Opus Publications, 2018, hlm. 23.
- ⁴ Ibid.
- ⁵ Ibid.
- ⁶ CO 874/218, Various Legal Document. Lihat juga Ross Ibbotson, *The Building of the North Borneo Railway and the Founding of Jesselton ...*, hlm. 23-24.
- ⁷ Ross Ibbotson, *The Building of the North Borneo Railway and the Founding of Jesselton...* hlm. 35.
- ⁸ Patricia Regis, *Panduan kepada Pameran Lokomotif Wap Sabah*, Kota Kinabalu: Jabatan Arkib dan Muzium Negeri Sabah, 1992, hlm. 2.
- ⁹ Arthur J. West, "Report or Proposed Railway in British North Borneo", dlm. *Paper Respecting the Pioneer Light Railway from Sipitang to Tenom*, hlm. 9.
- ¹⁰ *Report of British North Borneo Railway October 1944*.
- ¹¹ *British North Borneo Herald*, 16 September 1897, hlm. 257.
- ¹² Patricia Regis, *Panduan kepada pameran Lokomotif Wap Sabah ...*, hlm.2.
- ¹³ Berkalow merupakan kawasan Beaufort pada hari ini.
- ¹⁴ Linsok dikenali sebagai Saliwangan yang merupakan sebuah perkampungan kecil terletak di bahagian utara lintasan Sungai Padas.
- ¹⁵ CO874/261 Correspondence Governor to Court 1896. A. J. West Report on Proposed Railway in British North Borneo, 24 Mei 1896.
- ¹⁶ Arthur J. West, *Paper Respecting the Pioneer Light Railway from Sipitang to Tenom*, hlm 8-9.
- ¹⁷ Ibid. hlm. 9.
- ¹⁸ Amarjit Kaur, 'Hantu' and Highway: Transport in Sabah 1881-1963, dlm. *Modern Asian Studies*, Februari 1994, Cambridge: Cambridge University Press, hlm. 11-12; Lihat juga K. G. Tregonning, *Home Port Singapore: A History of the Straits Steamship Company Limited 1890-1965*, Singapore: Oxford University Press, 1967, hlm. 99-121.
- ¹⁹ Arthur J. West, "Report or Proposed Railway in British North Borneo", dlm. *Paper Respecting the Pioneer Light Railway from Sipitang to Tenom*, hlm. 9.
- ²⁰ Ibid.
- ²¹ Ross Ibbotson, *The Building of North Borneo Railway and the Founding of Jesselton ...*, hlm. 44.
- ²² CO874/130, Court to West, 3 September 1897.
- ²³ Ibid.
- ²⁴ BNBH, 16 Oktober 1897, hlm. 297.
- ²⁵ Ross Ibbotson, *The Building of North Borneo Railway and the Founding of Jesselton ...*, hlm. 45.
- ²⁶ Ibid.
- ²⁷ Ibid.
- ²⁸ CO874/130, Court to West, 3 September 1897.
- ²⁹ Ross Ibbotson, *The Building of North Borneo Railway and the Founding of Jesselton ...*, hlm. 44.
- ³⁰ Ibid.
- ³¹ Ibid, hlm. 38-39.
- ³² Ross Ibbotson, *The Building of North Borneo Railway and the Founding of Jesselton ...*, hlm. 45-48.
- ³³ BNBH, 16 Jun 1898, hlm. 180.
- ³⁴ Ibid., hlm. 182.
- ³⁵ Owen Rutter, *The Travels of Tiadatha*, London: T. Fisher Unwin, 1922, hlm. 55-57.

Senarai Rujukan

Arkib

- Arthur J. West, "Report or Proposed Railway in British North Borneo", dlm. *Paper Respecting the Pioneer Light Railway from Sipitang to Tenom*. BNBH, 16 Jun 1898.
BNBH, 16 Oktober 1897.
BNBH, 16 September 1897.
CO 874/218, *Various Legal Document*.
CO874/130, *Court to West*, 3 September 1897.
CO874/261, *Correspondence Governor to Court 1896*. A. J. West *Report on Proposed Railway in British North Borneo*, 24 Mei 1896.
North Borneo Annual Report 1962, North Borneo: Authority Government Printing Department.
Report of British North Borneo Railway October 1944.

Buku dan Jurnal

- Amarjit Kaur. (1994). 'Hantu' and Highway: Transport in Sabah 1881-1963". Dlm. *Modern Asian Studies*, Februari 1994. Cambridge: Cambridge University Press.
Ibbotson, Ross. (2018). *The Building of the North Borneo Railway and the Founding of Jesselton*, Kota Kinabalu: Opus Publications.
King, Victor. T. (1999). *Moving Picture: More Borneo Travel*, New York: Oxford University Press.
Patricia Regis. (1992). *Panduan kepada Pameran Lokomotif Wap Sabah*. Kota Kinabalu: Jabatan Arkib dan Muzium Negeri Sabah.
Rutter, Owen. (1922). *The Travels of Tiadatha*. London: T. Fisher Unwin.
Tregonning, K. G. (1967). *Home Port Singapore: A History of the Straits Steamship Company Limited 1890-1965*. Singapore: Oxford University Press.

ULASAN BUKU

Eko Prayitno Joko et al. Historiografi Politik Sabah, Kota Baharu: Kedaihitamputih, 2019, Kulit Lembut, 279 muka surat.

MOHD. IZZAT DAHELAN¹

*Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Sabah
E-mel: izzatdahelan24@gmail.com
Dihantar: 18 Mei 2021 / Diterima: 1 Julai 2021*

Wacana rekonstruksionisme merupakan sebuah wacana yang amat penting untuk dikedepankan khususnya dalam perbahasan ilmu di negara Malaysia yang masih agak 'muda'. Hal ini demikian kerana bidang ilmu kita yang masih banyak dipengaruhi oleh pengaruh Barat atau bersifat *Eurocentrism* yang harus dipandang dengan lensa skeptisme. Rekonstruksi semula terhadap segala bidang ilmu yang pernah didominasi oleh wacana Barat merupakan suatu usaha untuk melepaskan diri daripada suatu 'kepalsuan' realiti yang telah dibingkaikan oleh mereka (Kuasa Barat) terhadap kita (Kaum Terjajah). Apabila menelaah karya-karya akademik yang dihasilkan oleh sarjana Barat, pasti akan ditemukan unsur dan penisbahan yang bersifat merendahkan dan jahat oleh mereka terhadap masyarakat peribumi. Penolakan secara total terhadap segala yang telah ditumpahkan oleh sarjana Barat ke dalam penulisan dan pengkajian mereka tentang masyarakat peribumi jelas adalah tindakan yang tidak adil. Hal ini demikian kerana dalam hasil karya mereka itu, terselit kebenaran dan fakta yang boleh kita terima sebagai suatu sumbangan ilmu. Walaupun demikian, penerimaan tersebut haruslah dilakukan dengan cara yang bijak, jika tidak kita akan tergolong dalam golongan yang disebutkan oleh Syed Hussein Alatas sebagai "minda tertawan."

Perkara yang sama yakni sifat *Eurocentrism* turut dapat ditemukan dalam historiografi politik Sabah, khususnya berkaitan gerakan nasionalisme di Sabah sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua. Sarjana Barat iaitu K. G. Tregonning (1967) dan M. C. Roff (1974) merupakan dua tokoh yang telah mewujudkan tesis hasil daripada penelitian dan pengkajian mereka yang menyatakan bahawa Sabah adalah 'negeri tanpa politik' selepas Perang Dunia Kedua. Malangnya, kenyataan yang telah mereka wujudkan ini diterima oleh ramai orang awam yang berminat menyorot berkaitan sejarah politik di Sabah, malah turut diterima oleh kebanyakan golongan akademik sebagai satu 'kebenaran'. Ia merupakan suatu permasalahan dalam historiografi politik di Sabah yang harus dilakukan

pemikiran ulang bagi memperbaiki 'kebenaran' yang berasaskan kepada hujahan dan metodologi yang kurang cermat. Persoalan inilah yang telah diangkat oleh beberapa orang penulis di dalam buku *Historiografi Politik Sabah* yang merupakan suatu usaha mendobrak 'kebiasaan' dalam tradisi historiografi tradisional yang didominasi oleh sarjana Barat.

Apabila membicarakan soal rekonstruksionisme dan dekolonisasi, sarjana lokal seperti Syed Hussein Alatas, Syed Husin Ali, Shaharuddin Maaruf dan Chandra Muzaffar merupakan antara yang banyak mengangkat wacana berkaitan hal tersebut. Namun, usaha mereka ini lebih menumpukan kepada persoalan historiografi Melayu di Semenanjung Malaysia. Pembicaraan tentang historiografi di Borneo iaitu Sabah dan Sarawak agak jarang kita dengar atau temui dengan spesifik. Kelompok tersebut pastinya tidak baik dalam tradisi ilmu untuk dibiarkan tanpa terisi, maka telah dibicarakan dengan baik dalam *Historiografi Politik Sabah*. Secara umumnya, karya ini menyajikan beberapa hal yang agak kurang dihidangkan dalam wacana akademik historiografi politik di Sabah, iaitu fakta berkenaan gerakan nasionalisme awal di Sabah, mengangkat persoalan historiografi politik Sabah dan membentangkan sumber alternatif yang perlu ditelaah bagi melihat gerakan politik di Sabah khususnya selepas Perang Dunia Kedua.

Segala persoalan ini telah dihampar di setiap halaman kertas karya ini dan terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian pertama diisi dengan lima bab dan bahagian kedua pula diisi dengan Koleksi Surat-Surat Zakaria Gunn. Bahagian pertama yang merupakan isi perbahasan yang utama dalam buku ini terbahagi kepada lima bab iaitu Bab 1 "Meneliti Sejarah Dari Jalur Berlawanan", Bab 2 "Membaca Sumber Menulis Sejarah", Bab 3 "Meneliti Historiografi Politik Islam di Sabah, Bab 4 "Zakaria Gunn Dalam Pentas Sejarah Sabah" dan Bab 5 "Parti Kebangsaan Melayu Sabah." Bahagian kedua lebih berfokuskan kepada Koleksi Surat-Surat Zakaria Gunn yang merupakan sumber 'baharu' yang harus dirujuk dalam melihat sejarah politik di Sabah daripada perspektif yang lebih segar sifatnya.

Tanggapan bahawa Sabah merupakan 'negeri tanpa politik' yang dikeluarkan oleh sarjana Barat menjadi titik mula wacana yang dibincangkan dalam buku ini. Dari tanggapan tersebut juga telah muncul persoalan tentang hal-hal sebelum suatu tanggapan yang berasaskan sejarah itu dilakukan iaitu hal yang melibatkan historiografi. Perbahasan di dalam buku ini dimulakan dengan mengangkat persoalan sumber sejarah dan historiografi yang jika ditinjau dari tradisi historiografi yang 'lama' terdapat beberapa kelemahannya dalam beberapa hal. Persoalan sumber dibahaskan dengan melanggar tradisi dan tanggapan bahawa sumber dokumen yang terdapat di arkib sahaja boleh

dirujuk sebagai sumber menulis sejarah dilakukan oleh penulis dengan memberi suatu saran alternatif. Saran tersebut adalah dengan mencari sumber-sumber lain dengan tidak menghadkan lokasi pencarian tersebut hanya di arkib sahaja. Hal ini demikian kerana dalam konteks Sabah, sumber historiografi yang ada di Arkib Negeri berkaitan sejarah politik Sabah adalah lebih condong kepada sumberinggalan kolonial yang bersifat berat sebelah.

Tradisi lisan juga dijadikan sebagai antara saran alternatif untuk dijadikan sebagai sumber historiografi. Tradisi lisan ini dikatakan amat bersesuaian dengan historiografi yang telah diamalkan oleh Herodotus yang dikatakan sebagai "Bapa Sejarah." Dialektika yang berlangsung tentang kerelevanan tradisi lisan dibahasakan oleh penulis dengan menyenaraikan kekuatan dan kelemahannya untuk digunakan sebagai sumber historiografi. Persoalan kerelevanan tradisi lisan dipersoalkan khususnya dalam konteks negeri Sabah yang menghadapi masalah dalam sumber menulis sejarah. Sementelahan, tradisi lisan merupakan suatu kaedah yang amat sesuai bagi memahami konteks semasa sejarah yang ingin diungkapkan yang merupakan penting bagi mengelakkan berlakunya anakronistik dalam sejarah. Keadaan sejarah yang terlalu bergantung kepada sumber-sumber di arkib adalah punca kepada sifat sejarah yang dihasilkan bersifat 'sama', *eurocentrism* dan 'sejarah golongan yang menang'. Di sinilah peranan tradisi lisan dalam historiografi iaitu mewujudkan suatu perspektif baharu yang lebih segar dalam wacana sejarah dan mengarah juga kepada pembentangan 'sejarah seperti seadanya'.

Selain itu, perbincangan tentang interpretasi sumber turut diselitkan dalam penulisan buku ini yang melakukan kritikan khususnya terhadap cara menginterpretasi sumber yang 'mati'. Sejarawan tidak menjadi 'raja kepada sumber' tetapi menjadi 'hamba kepada sumber' akhirnya akan meninggalkan kelompangan yang sedia ada ditinggalkan oleh sumber yang pastinya tidak lengkap dalam membentangkan apa yang berlaku dalam sejarah. Hal tersebut mendorong agar sejarawan menjadi 'raja kepada sumber' khususnya mengisi kelompangan dan yang tidak lengkap dalam suatu sumber sejarah. Usaha ini dilakukan oleh sejarawan dengan memahami pemikiran di sebalik tindakan yang dijelaskan dalam sumber sejarah. Gagasan yang dikedepankan oleh penulis ini adalah bertujuan untuk melanggar tradisi menghadap sumber historiografi dengan prinsip 'biarkan fakta berbicara atas dirinya sendiri' yang telah mematikan usaha merungkai berita sejarah yang tidak lengkap. Oleh itu, gagasan yang diawangkan oleh penulis amat penting dalam mengangkat sejarah dari jalur yang lain dan mengarah kepada usaha rungkaian 'sejarah seperti adanya'.

Pergelutan utama yang cuba untuk dimasuki oleh penulis adalah tentang sejarah politik di Sabah khususnya selepas Perang Dunia Kedua yang mana kenyataan semasa bahawa Sabah 'negeri tanpa politik' telah mendominasi. Kenyataan tersebut datangnya daripada sarjana Barat yang berfondasikan sumber historiografi tinggalan kolonial yang kurang mencatatkan berkaitan gerakan politik di Sabah selepas Perang Dunia Kedua. Selain itu, kekangan untuk mendapatkan sumber berkaitan sejarah sezaman menyebabkan ramai sarjana lokal bersikap menerima sahaja kenyataan tersebut sebagai 'kebenaran' dan tidak ada usaha melakukan pendobrakan. Suatu tindakan memikirkan ulang telah dilakukan oleh penulis dengan meneliti permasalahan akar, iaitu asas historiografi yang banyak bergantung kepada sumber tinggalan kolonial, kurang memahami konteks sezaman dan interpretasi sumber menulis sejarah yang 'mati'. Penulis telah melakukan rekonstruksi sejarah dengan menelaah sumber menulis sejarah yang lain, iaitu dokumen sejarah yang tidak berada di arkib negara dan mempraktikkan kaedah sejarah lisan bagi menambah lagi kefahaman berkaitan sejarah yang ingin dirungkai.

Hasil daripada usaha tersebut, penulis telah mewujudkan suatu antitesis kepada tesis semasa yang menganggap bahawa Sabah merupakan 'negeri tanpa politik' selepas Perang Dunia Kedua. Hasil penelitian Koleksi Surat-Surat Zakaria Gunn, penulis mendapati bahawa wujudnya gerakan politik di Sabah selepas Perang Dunia Kedua yang mempunyai bau-bau semangat kebangsaan atau nasionalisme. Gerakan politik ini telah dimulai dengan gerakan yang bersifat sosiobudaya dan kemudiannya ditandai dengan gerakan bersifat politikal dengan kewujudan Parti Kebangsaan Melayu Labuan (PKMS) pada tahun 1946. Gerakan yang bersifat politikal ini tidak bersifat setempat, tetapi telah menular dengan jaya melalui pengakaran semangat nasionalisme di beberapa daerah di Sabah. Kewujudan gerakan ini adalah reaksi kepada tindakan penjajah Barat yang menindas penduduk di Sabah pada ketika itu menjadi bukti bahawa ada gerakan dan reaksi politik di Sabah selepas Perang Dunia Kedua yang berkiblatkan gerakan radikal di Malaya dan Indonesia. Walaupun demikian, secara praktikalnya, gerakan ini tidak bergerak secara radikal tetapi sederhana kerana kesedaran dan kefahaman tentang radikalisme masih lagi kurang dalam kalangan ahlinya. Harus juga diingatkan, hal tersebut tidak pula menyekat mereka dari terus membawa dan mengangkat suara rakyat tertindas akibat penjajahan Barat yang kian menekan.

Melalui penelitian terhadap sumber menulis sejarah politik Sabah yang langka itu juga, penulis telah mengangkat sosok yang boleh disebutkan sebagai intelektual publik jika ditinjau dari peranannya dalam membela nasib rakyat di Sabah dan Labuan yang tertekan akibat penindasan penjajah Barat, iaitu Zakaria Gunn. Jika membaca biografi tokoh pejuang di Sabah, kita hanya

akan menemukan nama-nama tokoh 'besar' yang memegang jawatan yang tinggi dalam sesebuah gerakan dan reaksi politik yang memihak kepada Sabah. Jarang sekali dikedepankan tokoh lain yang sebenarnya turut menyumbang tenaga dan usaha murni yang besar kepada rakyat. Menelaah Koleksi Surat-Surat Zakaria Gunn telah menyedarkan kita akan peranannya yang besar dalam gerakan politik dan pembangunan sosiobudaya di Sabah. Persoalan yang muncul apabila kesedaran ini tiba kepada kita adalah adakah Zakaria Gunn pejuang yang sengaja disenyapkan dari lembaran sejarah kerana peranan beliau yang luar biasa dalam politik sezaman atau telah terkesamping akibat dominasi tradisi historiografi yang mendap dengan metodologi dan filosofi historiografi yang tunggal dan tidak bersifat dinamik. Oleh itu, usaha ke arah dekolonisasi dan rekonstruksi sejarah amat penting, tidak hanya untuk mementaskan kembali sejarah dengan sudut pandang yang lain, tetapi mengangkat watak-watak atau pelaku sejarah yang terkubur akibat daripada dominasi kolonial dan kemendapan wacana sejarah yang tunggal dan statik.

Secara keseluruhannya, usaha dalam melakukan pemikiran ulang terhadap historiografi Sabah merupakan kekuatan bagi penulisan buku ini. Ia menjadi suatu titik mula kepada rekonstruksi sejarah yang tidak ditemui dalam penulisan ilmiah yang lain. Jika ada sekalipun, disepikan kerana kurang diwacanakan akibat dominasi naratif sejarah dalam tradisi yang lama lebih 'ampuh' dari asas kepercayaan kebanyakan sejarawan khususnya berkaitan asas historiografi lama. Selain itu, merungkai tanggapan sejarah yang dilakukan oleh sarjana Barat dengan membahasnya dari persoalan akar yakni historiografi turut membuatkan penulisan buku ini bersifat tuntas. Sebagai pembaca, kita akan menemukan akar permasalahan kesejarahan yang tidak berpunca daripada sumber sejarah atau sejarah itu sendiri, tetapi berpunca daripada historiografi yang terlalu idealis sehingga persoalan realiti tidak dapat dirungkai dengan baik. Hal ini dapat kita temukan bagaimana usaha penggalian sejarah terlalu berkiblatkan kepada prinsip '*no documents, no history*' tidak dapat menghadapi realiti dalam historiografi politik Sabah yang menghadapi kekangan dari segi sumber. Seterusnya, kupasan berkaitan sumber lisan turut menambah ramuan kepada rekonstruksi sejarah kerana kupasan tersebut agak jarang diluncurkan dalam penulisan sejarah akibat daripada 'ketakutan' yang terbina hasil anutan historiografi lama yang kurang meraikannya. Akhir sekali, membentangkan sumber sejarah yang langka berkaitan gerakan politik di Sabah khususnya selepas Perang Dunia Kedua merupakan suatu suntikan untuk merancakkan lagi perbahasan historiografi politik Sabah yang pernah diangkat oleh Sabihah Osman suatu ketika dahulu, tetapi terkesampingan kerana beberapa kekangan.

Walaupun demikian, karya ini tidak dapat dikecualikan atau dijauhkan dari kritikan berkaitan kelemahan atau kekurangannya dalam mengkedepankan suatu gagasan. Suatu hal yang besar harus dimunculkan dalam perbahasan ini adalah berkaitan sejarah lisan sebagai sumber alternatif menulis sejarah. Walaupun telah disentuh oleh penulis, tetapi perbahasan yang lebih mendalam dan khas harus diluncurkan bagi membentuk pembedaan yang boleh dirujuk oleh pengkaji seterusnya berkaitan sejarah lisan sebagai sumber alternatif menulis sejarah yang terhasil daripada rekonstruksi terhadap sejarah politik di Sabah. Selain itu, suatu perbandingan berkaitan gerakan politik di Sabah dan Semenanjung Tanah Melayu sewajarnya dilakukan dengan lebih terperinci. Hal ini demikian kerana naratif sarjana Barat yang terlalu memfokuskan kepada gerakan politik di Semenanjung Tanah Melayu sehingga menyebabkan penisbahan mereka terhadap politik di Sabah bersifat merendahkan. Walhal, gerakan politik di Sabah sememangnya wujud tetapi dalam bentuk yang berlainan kerana konteks latar sosiobudaya yang mempengaruhi. Oleh itu, usaha perbandingan wajar dilakukan bagi menunjukkan dan menjelaskan bagaimana gerakan politik atau nasionalisme di Sabah berlangsung.